

**6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 06 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Assalamualaikum Warahamatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ke-13 pada 6 November 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil ADUN, Ahli Dewan Negeri yang pertama untuk bertanyakan soalan, ingin saya maklumkan kepada Dewan Negeri Selangor bahawa saya telah menerima surat daripada YAB Dato' Menteri Besar dan beliau tidak dapat bersama pada sesi pertanyaan pagi ini kerana beliau masih lagi di Negeri Pulau Pinang untuk menziarahi dan menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan Ketua Menteri Pulau Pinang kerana isu banjir di Pulau Pinang. Baiklah, pertanyaan Sekinchan.

**SEKINCHAN:** Tuan Speaker, Soalan Nombor 1.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK :** **PRESTASI KUTIPAN CUKAI HIBURAN**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan berapakah unjuran kutipan cukai hiburan tahun 2017 dan bagaimanakah prestasi kutipan setakat ini?
- b) Sila kemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan cukai hiburan tersebut?
- c) Sila nyatakan apakah langkah proaktif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menambah hasil kutipan tersebut?

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Sekinchan.

- a) Berikut merupakan anggaran kutipan duti hiburan tahun 2017 dan prestasi kutipan sehingga 30 September 2017. Anggaran untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM56,500,600.00 Kutipan sehingga 30 September 2017 adalah sebanyak RM41,848,218.55. Peratusan kutipan adalah sebanyak 74.07 %.
- b) Berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan duti hiburan. Kutipan duti hiburan adalah diperolehi daripada hasil panggung wayang dan taman-taman tema, pertunjukan pentas, konsert, perlumbaan kereta dan motosikal ataupun lain-lain hiburan.

Daripada keseluruhan hasil duti hiburan sehingga 30 September 2017 yang berjumlah RM41,848,218.55 aktiviti hiburan panggung wayang adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 92% sehingga 30 September 2017 hasil kutipan duti hiburan panggung wayang adalah sebanyak RM38,404,500.00.

Kutipan hasil duit hiburan pada tahun semasa berbanding tahun 2016 mengalami penurunan sebanyak RM2,578,542.96 atau -5.8%.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan prestasi kutipan duti hiburan adalah disebabkan daripada kurangnya sambutan penonton terhadap tayangan filem-filem tempatan dan antarabangsa. Ia merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kemerosotan jumlah jualan tiket panggung wayang. Berdasarkan statistik Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), kutipan filem tempatan di seluruh Malaysia sehingga 30 September 2017 adalah berjumlah RM37,939,700.49. Jumlah ini merosot berbanding kutipan tahun 2016 sebanyak RM73,053,891.95 bagi tempoh yang sama. Pembukaan panggung-panggung wayang baru selain usaha menaik taraf panggung wayang sedia ada oleh pemilik panggung wayang tidak banyak membantu disebabkan oleh tiada filem '*Blockbuster*'. Secara langsung, penurunan hasil panggung wayang akan menjaskan keseluruhan prestasi hasil duti hiburan.

- c) Berikut adalah langkah proaktif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menambah hasil kutipan cukai hiburan :
  - i) Penguatkuasaan keputusan MMKN mengenai pelaksanaan kutipan duti hiburan ke atas taman-taman tema yang beroperasi di Negeri Selangor yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Kutipan duti hiburan telah dilaksanakan ke atas taman-taman tema yang telah tamat tempoh pengecualian duti hiburan;

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

- ii) Mempergiatkan lawatan dan pemeriksaan ke atas premis-premis hiburan bagi memastikan premis-premis hiburan beroperasi dengan lesen hiburan yang sah serta menjelaskan bayaran duti hiburan pada kadar dan jumlah yang sepatutnya secara konsisten selaras dengan Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103). Untuk makluman, sehingga 30 September 2017 sebanyak 600 buah premis telah diperiksa;
- iii) Mengkaji semula kadar-kadar duti hiburan yang dikenakan ke atas aktiviti-aktiviti hiburan yang dijalankan di premis-premis hiburan. Kali terakhir semakan semula kadar-kadar Duti Hiburan adalah pada 1 Oktober 2017; dan
- iv) Cadangan untuk menyediakan satu garis panduan dan penyelarasan berhubung pengeluaran lesen hiburan kepada pusat-pusat sukan rekreasi (*Recreational Sport Park*) yang menyediakan permainan sukan lasak seperti *All Terrain Vehicle* (ATV), dan pelbagai sukan air serta *Indoor Theme Park* yang menyediakan permainan seperti *Wall Climbing*, dan *Trampolines*. Pengusaha premis-premis ini mengenakan bayaran fi atau tiket masuk kepada pengunjung yang menggunakan *facility* atau permainan yang terdapat di premis berkenaan. Premis-premis ini telah diberi lesen Pusat Sukan Persendirian dan tidak tertakluk di bawah Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103).

Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO adakah yang telah dijawab tadi merangkumi termasuk isu rumah urut, hiburan-hiburan lain yang didakwa sahabat-sahabat kita daripada Barisan Nasional sebagai tidak terkawal.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih kepada Hulu Kelang. Ia ini tidak berkait dengan apa yang dimaksudkan dengan oleh Y.B. tadi. Ini adalah tentang seperti apa yang saya nyatakan tadi ini merangkumi panggung wayang, taman tema, pertunjukan pentas, konsert, perlumbaan kereta dan motosikal ataupun lain-lain sahaja. Itu tidak apa yang dimaksudkan oleh Y.B. tadi tidak termasuk dalam cukai hiburan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Y.B. Seri Kembangan EXCO, berkenaan dengan bagaimanakah pemantauan pihak Kerajaan Negeri terhadap proses kutipan cukai hiburan ini. Sebab sekarang kita nampak *trend* sejak ini ada penurunan dan sekarang hingga 30 September 2017 baru RM56,000,000.00 eh masih RM41,000,000.00 masih di bawah 70%. Jadi apakah *mechanism* pemantauan supaya ada pengusaha-pengusaha mereka tidak terlepas atau pun mengambil peluang lari cukai dan sebagainya. Apakah mekanisme pemantauan yang lebih *holistic* supaya kita dapat kutip hasil lebih menjana hasil untuk Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Y.B. Sekinchan. Maklumat yang saya beri tadi adalah anggaran dengan apa yang kita kutip pada semasa. Anggaran boleh kita membuat anggaran berbanding dengan apa yang kita kutip pada tahun yang lepas. Tetapi oleh kerana ekonomi yang tidak berapa bagus dan sebagainya itu akan menyebabkan kutipan semasa akan menurun kerana orang yang masuk panggung wayang ataupun menyertai konsert dan juga permainan lumba kereta mungkin akan menurun. Itu menyebabkan penurunan cukai hiburan semasa. Jadi, apa yang kita laksanakan adalah selain daripada penguatkuasaan, periksa dan sebagainya, saya rasa yang penting usaha sendiri mereka perlu membuat promosi dan sebagainya untuk meningkatkan orang yang masuk ke panggung wayang dan sebagainya dengan itu Kerajaan Negeri boleh mendapat lebih banyak cukai daripada pengunjung dan sebagainya. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya Nombor 2.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK** : **BERKAITAN GURU JAIS**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah guru-guru JAIS yang telah diserap ke jawatan tetap berbanding guru sementara dan guru kontrak?
- b) Apakah perancangan ke arah menaik taraf guru-guru JAIS?

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan Salam sejahtera. Tuan Speaker, Sabak bertanyakan berkaitan guru JAIS.

- a) Secara prinsipnya tiada proses serapan dari jawatan kontrak ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Sebagai makluman, berikut merupakan jumlah guru JAIS yang dilantik ke jawatan tetap dan kontrak :

PERKARA	BILANGAN (ORANG)
Guru Lantikan Tetap (DG29-DG52)	1,028
Guru Lantikan Kontrak	486

- b) Dalam usaha menaik taraf guru-guru JAIS, berikut merupakan program-program yang dirancang untuk terus dilaksanakan sesuai dengan keperluannya di masa kini:

1. *Training of trainer* (TOT) Pengurusan Stress
2. Pengurusan Bilik Darjah
3. Pengurusan *Headcount*
4. Pengurusan Pentadbiran Sekolah
5. Komunikasi dalam Pengurusan
6. Penulisan Kajian Tindakan
7. Pengurusan Kewangan Siri 1 dan 2
8. Pengajaran dan Pembelajaran Interaktif
9. Pelaksanaan Pentaksiran *Integrated Holistic Assessment Board* (IHAB)
10. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) *Integrated Holistic Education System* (IHES)
11. Kaedah Penulisan Jawi
12. Penulisan Inovasi Kreatif
13. Pengurusan Disiplin Murid (Sistem Penalti PSP)
14. Pembinaan dan Penggunaan Bahan Bantu Sumber Pengajaran (BBSP) ICT
15. Tarbiah Rabbani
16. Peningkatan Profesionalisme Keguruan
17. Jati diri dan Motivasi
18. Office Automation : MS Word 2013
19. Office Automation : MS Excel 2013
20. Kursus Penyediaan Backdrop : MS Powerpoint 2013
21. Office Automation : Pemantapan MS Powerpoint 2013

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

22. Office Automation : Pemantapan MS Excel 2013
23. Kursus Penggunaan Goggle Apps
24. Kursus Penyelenggaraan Komputer

Ini antara beberapa program yang dilakukan untuk menaik taraf guru-guru di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya dimaklumkan masih ada lagi guru-guru Jabatan JAIS yang dia telah mengikuti kursus yang diperlukan untuk diserap ke jawatan tetap. Tetapi masih ada lagi yang mereka masih belum diserap ke jawatan tetap walaupun mereka telah lama mengikuti kursus. Apakah benar ini berlaku dan jika benar apakah tindakan Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Kerajaan Negeri melalui JAIS menggalakkan guru-guru kontrak untuk mengikuti program-program perguruan sebagai salah satu proses untuk menaik taraf guru-guru ini, sama ada kursus Diploma Pendidikan yang diadakan di Universiti Sultan Idris (UPSI) ataupun di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, tetapi Kerajaan Negeri tidak memberikan apa-apa jaminan kepada guru-guru ini seperti mana yang saya sebutkan tadi tidak ada proses serapan tetapi lantikan kepada tetap itu mengikuti prosedur-prosedur temu duga seperti yang diamalkan. Bermaknanya guru-guru yang telah tamat mengikuti kursus di institusi-institusi yang digalakkan ini mereka sebenarnya tidak ada penempatan yang saya boleh katakan jaminan kepada mereka untuk dilantik di dalam perjawatan tetap dan mereka ini berpeluang untuk mencari peluang-peluang perjawatan tetap di manapun Jabatan sama ada di Selangor atau di luar Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kajang. Ya Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Dengan Peraturan Tetap 24(2) saya ingin mengambil Soalan Nombor 3.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (N25 KAJANG)**

**TAJUK :** **USAHA MEMBASMI KEMISKINAN**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

- a) Sejauh manakah kejayaan dicapai dalam usaha Kerajaan Negeri mencapai sifar kemiskinan di kalangan rakyat?
- b) Sila perincikan status berpendapatan miskin mengikut pecahan daerah, sekiranya ada.
- c) Apakah langkah yang diambil untuk menaik taraf kehidupan rakyat yang dianggap masih berada di tahap kemiskinan?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VEERAMAN :** Tuan Speaker,

Usaha mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Menyedari hakikat ini. Program dan inisiatif sentiasa dipelbagaikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan isi rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan. Penurunan insiden kemiskinan di Negeri Selangor adalah sebanyak 0.2%, iaitu daripada 0.2% pada tahun 2014 kepada 0.0% pada tahun 2016.

Pengurangan insiden kemiskinan di Negeri Selangor yang dicatatkan hingga ke paras sifar pada tahun 2016 ini telah membuktikan bahawa semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri terutamanya pelaksanaan Program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah berjaya memperlihatkan kejayaan dan keberkesanan yang amat positif dalam memberi kesan langsung untuk menurunkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor serta seterusnya memberi impak berterusan terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

Mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran Tahun 2016 bagi Negeri Selangor yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, insiden kemiskinan mengikut daerah di Negeri Selangor bagi tahun 2016 adalah Gombak 0.0%, Klang 0.0%, Kuala Langat 0.0%, Kuala Selangor 0.0%, Kuala Selangor 0.0%, Petaling 0.0%, Sabak Bernam 0.0%, Sepang 0.0 %, Hulu Langat 0.1% dan Hulu Selangor 0.2%.

Ini menunjukkan 0.0% menunjukkan nilai yang kurang daripada 0.05% maka Jabatan Perangkaan tiada insiden kemiskinan. Ini menunjukkan bahawa Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan di semua daerah kecuali Daerah Hulu Langat dan Hulu Selangor. Namun begitu, had pendapatan kasar ini rumah adalah berbeza mengikut kumpulan isi rumah \* dan negeri. Had pendapatan bagi kumpulan isi rumah

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

terendah 40% (B40) di Negeri Selangor adalah <RM6,180. Ini ditetapkan Jabatan Perangkaan.

Tuan Speaker, saban tahun menyaksikan Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan pelbagai inisiatif baru yang memberi manfaat berterusan kepada rakyat terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Dimensi yang diberikan fokus utama oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar kemiskinan adalah merangkumi kesihatan pendidikan dan taraf hidup rakyat. Sehingga September 2017, sejumlah empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Rumah Selangorku, Skim DanaSel, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Program Peduli Siswa, Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS serta pelbagai lagi. Program-program seumpama ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Hasilnya, rakyat dapat menikmati kesejahteraan hidup yang berterusan. Sekian

**TUAN SPEAKER :** Permatang

**TUAN SPEAKER :** Soalan seterusnya Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Speaker Soalan No 4.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (09 PERMATANG)**

#### **TAJUK : PROJEK PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Nyatakan status terkini projek penggantian paip lama di Selangor ?
  - b) Berapakah jumlah NRW yang berjaya dikurangkan sehingga kini?
  - c) Berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi melaksanakan projek ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Permatang.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Sekarang ini 23 projek *hotspot* sedang berjalan semenjak tahun 2016 dan dijangka siap pada suku tahun pertama 2018.

Bagi tahun 2017 sehingga bulan September 2017, sebanyak 24 projek *hotspots* baru telah dianugerahkan kepada kontraktor yang berjaya sementara 10 projek *hotspots* lagi sedang dalam peringkat penganugerahan dan dijangkakan akan ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya pada tahun ini juga. Kesemua 34 projek *hotspots* ini dijangkakan dan akan siap pada penghujung tahun 2018.

Baki 27 *hotspots* lagi akan dilaksanakan pada tahun 2018 tertakluk kepada baki pinjaman sebanyak RM93.70 juta dikeluarkan lebih awal oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 dan berbanding jangkaan awal pada tahun 2019.

Sejak pengambilalihan oleh Air Selangor pada Oktober 2015, NRW telah dapat dikurangkan daripada 32.56% kepada 31.41% sehingga September 2017. Pengurangan sebanyak 1.15% dan jumlah keseluruhan bagi melaksanakan projek ini adalah RM374.3 juta.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SENG :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : SKIM BANTUAN AM KEBAJIKAN**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Bantuan Am Kebajikan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui JKM hanya memberi bantuan maksimum sehingga RM350 sebulan kepada penerimanya.
  - b) Adakah mungkin amaun ini dinaikkan khusus kepada garis gaji minimum hanya untuk penerima yang langsung tidak mempunyai keupayaan sara diri.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menyalurkan Skim Bantuan Am Negeri dengan tiga (3) kadar bantuan yang baharu iaitu RM250, RM300 dan RM350 sebulan kepada para penerima bantuan tersebut. Menjawab persoalan Yang Berhormat Kampung Tunku, kadar maksimum bantuan yang disalurkan kepada setiap penerima adalah RM350 sahaja bagi satu keluarga.

Untuk b), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor berpandukan kepada Garis Panduan Pengurusan Bantuan Am Negeri yang telah diwartakan menetapkan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Pendapatan Garis Kemiskinan atau (PGK) bagi seisi keluarga adalah RM1,500 atau per kapita RM350 sebulan. PGK dan kadar Bantuan Am Negeri baharu sahaja ditingkatkan dan berkuat kuasa mulai Januari 2017. Bagi individu atau keluarga yang tidak mempunyai keupayaan sara diri dan tiada pendapatan, maka mereka sememangnya layak untuk menerima bantuan tersebut berdasarkan kelayakan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kampung Tunku, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menaikkan lagi kadar Bantuan Am Negeri dalam masa terdekat kerana ianya baharu dinaikkan mulai awal tahun 2017. Walau bagaimanapun penerima Bantuan Am ini layak menerima manfaat daripada bantuan-bantuan kebajikan daripada Kerajaan Negeri di bawah Inisiatif Peduli Rakyat atau IPR yang telah pun kita laksanakan. Antara bantuan yang layak diterima dan sememangnya mereka ini adalah prioriti adalah seperti Skim Peduli Sihat, Bantuan Sihat Selangor, Bantuan Bulanan Smart Selangor Food Stamp, Program Mikrokredit Selangor Hijrah Selangor dan banyak lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SENG :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SENG :** Terima kasih Tuan Speaker. Di mana-mana negara berdasarkan kepada *wealth stage* sudah pasti ada satu bantuan khusus daripada Kerajaan untuk membantu rakyat yang miskin yang terlampau miskin yang menghadapi musibah-musibah yang tidak dijangka. Garis Bantuan PGK sebanyak RM1,500 ini adalah paling minimum yang diperlukan oleh seseorang atau individu ataupun keluarga untuk *survive* dalam kehidupan ini. Apa yang dibekalkan oleh Kerajaan hanya sekadar RM350 sahaja iaitu terdapat *short four* Tuan Speaker sebanyak RM1,500 jadi saya tidak dapat memahami rasionalnya sekiranya bantuan ini untuk keluarga dan juga mereka yang memerlukan dinaikkan satu tahap yang munasabah, kerana RM350

**TUAN SPEAKER :** Soalannya

**Y.B. TUAN LAU WENG SENG :** kerana mengapakan rasionalnya tidak memahami. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan boleh dipertimbangkan bekalan satu jumlah *substantial* keluarga dan individu ini untuk ....ataupun menghadapi cabaran yang akan dihadapi. Jadi saya rasa itu adalah panduan yang khusus membantu mereka perlu dipertimbangkan. Sekian terima kasih.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Kampung Tunku yang sangat prihatin terhadap kebajikan rakyat. Sememangnya Kerajaan Negeri begitu prihatin dan juga kita memahami apa yang kita maksudkan Kampung Tunku. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah pun menaikkan Bantuan Am ini daripada RM100 ke RM1175 sebelum ini dan kita telah pun menaikkan mulai Januari 2017 kepada RM250 sehingga RM350 dan selain daripada itu banyak lagi program-program IPR

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Kerajaan Negeri yang boleh membantu masyarakat yang memerlukan bantuan ini dan saya kira hanya di Selangor sahaja yang ada segala program-program yang seperti ini untuk rakyat dan seharusnya mungkin Kerajaan Pusatlah yang harus memikirkan bagaimana untuk memastikan rakyat yang lain, yang miskin ini mendapatkan untuk memenuhi kemasalahan mereka. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih, saya nak tanya kepada EXCO mengenai data yang diberi RM300. Dalam makluman yang saya ada untuk Bantuan Am yang lepas dia berupa kombinasi di antara daripada Kerajaan Negeri punya sumbangan dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi dalam jawapan EXCO tadi jawapan seolah-olah RM350 ini sepenuh daripada Kerajaan Negeri. Jadi apakah Kerajaan Persekutuan tidak ada memberi lagi Bantuan Am kepada penerima dan sekiranya ada pula Bantuan Am daripada Kerajaan Persekutuan kalau dimasukkan dengan jumlah RM350 ini mungkin akan lebih sepatutnya. Jadi saya nak tanya, sepatutnya RM350 ini sepenuh Kerajaan Negeri dan apakah Kerajaan Persekutuan tidak lagi menyediakan Bantuan Am melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sebab sebelum ini ada kedua-dua ada memberi bantuan ini.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih kepada Permatang mungkin saya ingin memberikan penjelasan tentang jenis Bantuan Kewangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, di antaranya adalah Bantuan untuk Kanak-kanak (BKK), Bantuan Anak Pelihara (BAP), Bantuan Orang Tuan (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Latihan Perantis (BLP) dan Bantuan Am ini adalah daripada Kerajaan Negeri. Jadi Kerajaan Negeri meletakkan sejumlah peruntukan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan Bantuan Am ini pemberian kepada rakyat yang selain daripada penerima bantuan-bantuan ini. Jadi mereka hanya boleh mendapat salah satu daripada bantuan-bantuan yang saya sebutkan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOJAD SHARIF :** Terima kasih Speaker, saya nak tanya EXCO berapakah jumlah Bantuan Am yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan dibandingkan dengan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih. Itu EXCO mesti ada jawapan tu. Dia mesti *off hand*. Perbandingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Saya perlukan, perlu ada. Soalan ini adalah yang *ad-hoc* jadi saya akan memberikan secara bertulis

**6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOJAD SHARIF :** Secara kasar, *percentage*

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN :** Speaker, Speaker  
Kota Damansara

**TUAN SPEAKER :** Tanjung Sepat, soalan seterusnya

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Tuan**  
Speker. Soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

## **TAJUK : PERUMAHAN**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan membantu membangunkan semula projek perumahan terbengkalai.

b) Apakah status kemajuan terkini projek perumahan generasi kedua?

**Y.B. DATO' ISKAN DAR BIN ABDUL SAMAD :** Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakahthu. *Bismillahir Rahmannir Rahim.* Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemulihan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada wakil YB Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya Selangor, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

berkaitan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan *Insolvensi/Liquidator*, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri telah dilaksanakan secara berjadual yang membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang di urusetiakan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan atau tidak. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya mendapat Sijil Layak Menduduki.

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau mengurangkan bayaran bulanan daripada pembiaya atau daripada bank yang terlibat.
- iii. LPHS juga mengadakan perbincangan bersama pelikuidasi atau liquidator terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam pemulihan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan perbincangan dengan semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat-syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v. Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukan khas pemulihan projek.
- vi. Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan ataupun KPKT adalah melalui Akta Pemajuan dan juga Akta-akta lain yang relevan.
- vii. LPHS juga mencadangkan, akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah dan juga tindakan-tindakan lain boleh diambil.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli dalam erti

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kata lain 1 kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku “*breach of contract*” maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Ingin saya mengumumkan di sini bahawa pada tahun 2008, terdapat 117 projek perumahan terbengkalai dan hari ini dalam masa sehingga kini tahun 2017, projek yang telah berjaya diselesaikan atau ada penyelesaiannya adalah sebanyak 53 projek. Walau bagaimanapun terdapat 41 projek terbengkalai yang didaftarkan selepas tahun 2008 ataupun kita mendapat aduan daripada pembeli-pembeli selepas 2008. Dan baki projek terbengkalai, perumahan terbengkalai di negeri ini adalah sebanyak 105.

Untuk soalan kedua, saya akan menjawab bersama dengan soalan No.32. Untuk makluman Yang Berhormat, projek perumahan generasi kedua buat masa ini adalah oleh Kerajaan Negeri adalah di Felda Sungai Tengi Selatan, Daerah Hulu Selangor. Dan ia merupakan projek inisiatif Kerajaan Negeri yang dimajukan oleh PKNS. Projek ini meliputi pembangunan sejumlah 136 unit rumah berkembar 1 tingkat yang mana Kerajaan Negeri akan membiayai sepenuhnya kos infrastruktur yang dianggarkan sebanyak RM.65 juta. Kos pembinaan projek ini ataupun setiap unit adalah sebanyak RM keseluruhan, untuk setiap unit adalah RM150 ribu tetapi kita merasakan bahawa Kerajaan Negeri merasakan bahawa kemampuan peneroka ataupun anak peneroka adalah sekitar kurang daripada RM100 ribu. Oleh kerana itu, RM50 ribu akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri akan menanggung kos infrastruktur sebanyak RM7.65 juta. Kos keseluruhan projek ini adalah RM20.4 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa kerja-kerja pembersihan di atas tapak sepatutnya telah bermula dan kebenaran merancang telah diperoleh daripada Majlis Daerah Hulu Selangor dan kontraktor juga telah dilantik dan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa ucapan belanjawan bahawa kerja-kerja di tapak akan bermula pada akhir bulan November ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker,  
soalan 7.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK: PROJEK PENCEGAHAN BANJIR**

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam Projek-projek Pencegahan Banjir di Daerah Klang sehingga sekarang?
  - b) Apakah perancangan masa depan di dalam mengatasi masalah banjir di Daerah Klang yang merupakan sebahagian daripada kawasan tumpuan penduduk di Lembah Klang?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Andalas. Jumlah peruntukan yang telah pun dibelanjakan dalam projek-projek pencegahan banjir Daerah Klang dalam RMK10 adalah sebanyak RM21,593,925.33 sen. Bagi RMK11 perbelanjaan pula sebanyak RM33,905,817.95 sen yang telah pun dibelanjakan. Perancangan masa depan di dalam mengatasi masalah banjir di Daerah Klang adalah dengan pelaksanaan projek dalam kajian pelan induk saliran Bandar Klang 2009 yang telahpun dibuat oleh perunding yang dilantik oleh JPS Malaysia yang melibatkan beberapa skop kerja yang telah pun dikenal pasti untuk dilaksanakan. Kerajaan Negeri melalui JPS melaksanakan projek-projek secara berperingkat mengikut Rancangan Malaysia.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, soalan no.8.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS (N08 SUNGAI BURONG)**

#### **TAJUK: PELAKSANAAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPA)**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Apakan Kerajaan Negeri telah bersedia untuk melaksanakan PIPA?
  - b) Adakah Kerajaan Negeri yakin PIPA mampu menyelesaikan masalah kesesakan di bandar-bandar utama Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, isu kesesakan lalu lintas merupakan salah satu isu yang selalu dibangkitkan terutama oleh penduduk di kawasan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

bandar. Menyedari perkara ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) yang merupakan dokumen asas ke arah mewujudkan perancangan pengangkutan awam yang komprehensif sebagai salah satu inisiatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor. Penyediaan PIPANS memberikan lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat membantu merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor. Penyediaan dokumen ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya telah bersedia dan mempunyai pandangan jauh dalam memulihkan pelan pengangkutan yang mampan terutamanya dalam menambah baik sistem pengangkutan di Negeri Selangor. Namun begitu, penglibatan daripada pelbagai pihak terutama Agensi Persekutuan, terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan terutamanya di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah sangat penting. Penyelarasaran di peringkat semua pihak amat diperlukan dalam perancangan pembangunan supaya pelan ini dapat diintegrasikan ke dalam pelan-pelan agensi sedia ada dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian dengan nisbah 60:40. Perlu ditekankan bahawa cadangan jalan raya dan lebuh raya baru tidak semestinya dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Dalam banyak keadaan cadangan ini hanya akan memindahkan punca masalah ke lokasi lain iaitu ke jalan raya atau lebuh raya yang baru. Keadaan ini sering berlaku di mana susur jalan raya yang baru bertemu dengan jalan sedia ada menyebabkan keadaan *bottle-neck* yang membawa kepada kesesakan lalu lintas. Ketidak seimbangan laluan lebuh raya pula sangat ketara di lokasi-lokasi tertentu dalam kawasan bandar di Selangor apabila ianya terletak berhampiran dengan rangkaian pengangkutan. Penyediaan PIPANS adalah berdasarkan kepada perancangan guna tanah di Negeri Selangor, pertumbuhan penduduk, peluang pekerjaan, pemilikan kenderaan dan turut mengambil kira faktor ekonomi Negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Sebelum kajian ini dimulakan, penyediaan, penyelidikan dari aspek-aspek yang dinyatakan di atas dilakukan untuk mendapatkan maklumat mengenai situasi semasa serta perancangan pembangunan yang akan datang bagi memastikan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini telah mengambil kira setiap *prospect* dan isu sekali gus relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Menyedari tentang pentingnya kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, sejauh manakah penglibatan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan untuk memastikan supaya pelaksanaan rancangan yang komprehensif ini dapat dilaksanakan dengan berkesan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan satu sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan efisien. Oleh itu semua mesyuarat di peringkat negeri, kita juga melibatkan agensi daripada Persekutuan. Sementara itu, segala pelaksanaan projek-projek seperti LRT 3 dan sebagainya, apabila pihak pemaju menghadapi masalah termasuk dalam permohonan KM dan sebagainya, mereka telah pun mendampingi Kerajaan Negeri dan kita telah pun membuat mesyuarat khas untuk menyelesaikan masalah teknikal khususnya di peringkat PBT bagi pihak pelaksana-pelaksana dalam projek pengangkutan awam yang dirancangkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat EXCO, saya nak tanya apa status sebenarnya pelan induk pengangkutan awam Negeri Selangor ini? Apa status sekarang? Apa masih dalam kajian, atau dah sudah di peringkat rumusan, ataupun sudah bersedia untuk dilaksanakan? Sebab Yang Berhormat pernah sebut dalam beberapa sidang yang lepas, kita perlukan 6 bulan pada waktu itu untuk pelan induk ini disiapkan. Tapi hari ini nampaknya masih dalam kajian atau apa? Apa status sebenarnya? Kenapa mengambil masa yang begitu panjang sedangkan dah dijanjikan dalam Dewan pelan induk itu sepatutnya sudah dibentangkan? Ini janji dalam 2 sidang yang lepas bermakna dah lama dah. Sepatutnya pelan ini dah sedia. Jadi saya nak tanya apa status sebenarnya pelan induk pengangkutan awam Negeri Selangor ni? Apakah masih dalam bentuk kajian ataupun sudah dah ada pelan induk itu sendiri dan sudah disiapkan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya tidak tahu di mana Permatang berada apabila saya menjawab soalan yang sama. Ia, sebenarnya PIPANS ini sudang siap dan telah pun digunakan sebagai panduan. Dan kita juga kalau tidak silap saya, kita juga menyerahkan salinan kajian PIPANS tersebut kepada agensi-agensi seperti SPAD untuk diambil sebagai rujukan. Dan ini telah pun kita lakukan termasuk dalam apabila kita menyediakan Bas SMART Selangorku PIPANS juga

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

diambil sebagai rujukan di mana kita menyambungkan laluan bas-bas Selangor kepada semua atau seboleh-bolehnya kepada Stesen KTM, Stesen MRT dan juga Stesen LRT yang sedia ada.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan 9.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN YEO BEE YIN (N36 DAMANSARA UTAMA)**

#### **TAJUK: PELUANG PEKERJAAN UNTUK GOLONGAN ANAK MUDA**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Berapakah gaji purata dan pendapatan median golongan anak muda di Selangor? Bandingkan dengan negeri-negeri lain.
  - b) Apakah polisi dan usaha kerajaan dalam membangunkan golongan anak muda dari segi pekerjaan dan pendapatan?
  - c) Apakah prospek anak muda di Selangor berbanding negeri lain?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Damansara Utama atas soalan yang dikemukakan. Untuk soalan a), setakat hari ini kita tidak dapat memberikan data untuk gaji penengah dan gaji purata ataupun pendapatan median dan gaji purata bagi golongan muda di Malaysia berdasarkan daripada rekod-rekod yang kita perolehi dari Jabatan Perangkaan. namun saya boleh kongsikan sedikit di sini gaji purata dan gaji median untuk keseluruhan Selangor dan Malaysia dan ini mungkin boleh dijadikan panduan kepada kajian-kajian di masa depan. Secara keseluruhannya, gaji purata bagi Negeri Selangor pada tahun 2016 adalah sebanyak RM9,463.00 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,211.00 berbanding RM8,252.00 pada tahun 2014. Selangor merupakan 3 negeri terbaik selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya daripada segi pendapatan purata di samping negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan Labuan di tempat ke 4, Johor di tempat ke 5, Melaka di tempat ke 6 dan Pulau Pinang di tempat ke 7. Dan negeri-negeri lain selepas itu adalah

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

berpendapatan purata lebih rendah daripada kadar pendapatan purata atau *National Level* iaitu pada kadar RM6,958.00. 1 tahun, sebulan.

Manakala untuk pendapatan menengah ataupun pendapatan median yang kita ada, Selangor sekali lagi di tempat ke 3 selepas Kuala Lumpur dan juga Putrajaya dengan pendapatan pertengahan atau pendapatan penengah pada kadar RM7,225.00 berbanding RM6,214.00 pada tahun 2014. Putrajaya atau Kuala Lumpur mencatatkan pendapatan penengah RM9,073.00, Wilayah Persekutuan Putrajaya RM8,275.00. Dan juga pendapatan penengah bagi Malaysia adalah pada kadar RM5,228 dan sekali lagi Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Labuan, Johor, Melaka, Pulau Pinang di tangga ke tujuh mendapat pendapatan purata yang lebih tinggi daripada kadar National manakala negeri-negeri lain Terengganu, Negeri Sembilan sampailah di Kelantan mendapat pendapatan kadar purata di bawah kadar National iaitu 5,228 ringgit. Saya dimaklumkan bahawa ada beberapa agensi seperti GLC melaksanakan namun kita tak dapat kadar purata yang spesifik ataupun kadar menengah yang spesifik mengenai golongan muda.

Jawapan b), Kerajaan sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan belia Negeri Selangor dengan memfokuskan memberi keutamaan kepada dua aspek penting iaitu pekerjaan dan pendapatan. Selain daripada memastikan belia mendapat pekerjaan usaha perlu juga diberikan kepada penglibatan belia dalam bidang keusahawanan. Justeru di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan kita telah menggalakkan keterlibatan golongan muda dalam program-program yang telah dilaksanakan oleh program-program pembangunan usahawan termasuk peningkatan produktiviti mereka melalui Hijrah melalui Dana Usahawan Mikro dan beberapa program lain dan pada kadar kita menunjukkan lebih 55% keterlibatan mereka di bawah 40 tahun dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri termasuk Hijrah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, dan mulai tahun hadapan in shaa Allah program-program peningkatan Generasi Muda khususnya dengan pelaksanaan program Tibet yang memakan peruntukan lebih daripada RM50 juta Malaysia itu akan menggalakkan lebih ramai golongan muda terlibat dalam dunia pekerjaan.

Manakala untuk soalan c), generasi muda Negeri Selangor mempunyai prospek yang lebih cerah dalam mendapatkan pekerjaan dan menambah pendapatan mereka berbanding negeri lain. Hal ini kerana peluang pekerjaan di negeri Selangor lebih tinggi berbanding daripada negeri lain. Hal demikian, berdasarkan daripada maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor pada tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti berikut:-

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Pada tahun 2014 sebanyak 256,819 pekerjaan telah ditawarkan di Negeri Selangor. 2015 sebanyak 276,365 peluang pekerjaan telah ditawarkan di Negeri Selangor. 2016 sebanyak 205,370 peluang pekerjaan telah ditawarkan di Negeri Selangor dan sehingga Oktober, tahun ini sahaja sebanyak 265,851 peluang pekerjaan telah ditawarkan di negeri Selangor berjumlah 1.0 juta lebih satu juta pekerjaan telah ditawarkan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Tuan Speaker, soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI**  
**(N45 SELAT KELANG)**

**TAJUK : PERSOALAN MENANGANI GEJALA SOSIAL**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan apakah tindakan kerajaan untuk menangani gejala sosial khususnya di kawasan bandar? Apakah kejayaannya?
- Bagaimana solusi kerajaan untuk luar bandar?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatu dan Salam Sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Selat Kelang tentang soal menangani gejala sosial bagi tindakan kerajaan untuk menangani gejala sosial di kawasan bandar Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan untuk menangani masalah gejala sosial secara menyeluruh yang meliputi kawasan bandar. Antara tindakan dan inisiatif kerajaan ialah dengan mengadakan rancangan dan program-program seperti berikut:-

- Menyediakan pelan tindakan menangani gejala sosial yang dijadikan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara bersepadu.
- Satu Jawatankuasa Induk menangani gejala sosial peringkat negeri Selangor yang diwujudkan bertujuan untuk merancang pelaksanaan program-program serta operasi menangani gejala sosial.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

3. Kita juga telah melaksanakan pelbagai program seperti Program Generasi Berimpak Selangor ataupun GEMPAK dengan pengisian aktiviti yang bermanfaat.
4. Perkhidmatan kaunseling dan psikologi juga disediakan secara percuma kepada orang awam menerusi Pusat Kaunseling Selangor ataupun PKS yang sebelum ini dikenali sebagai Talian Sahabat.
5. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga melaksanakan program-program pencegahan bersepadu bersama dengan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia, Imigresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. dan
6. Selain itu pihak Ibu pejabat Polis Kontinjen ataupun IPK Selangor di bawah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) telah mengadakan dengan izin *delivery service* dalam semua aspek dan mengadakan kerjasama dengan masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan menerusi konsep *community policing* dengan izin.

Bagi jawapan b), program-program dan operasi menangani gejala sosial yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama semua jabatan dan agensi telah menunjukkan hasil yang positif. Antaranya ialah laporan statistik jenayah indeks antara 1 Januari sehingga hujung Oktober 2016 dan tempoh yang sama pada 2017 telah menyaksikan penurunan jenayah kekerasan daripada 5,669 kepada 5,417 ataupun pengurangan sebanyak 252 kes dan jenayah harta benda daripada 21,038 kepada 16,266 atau pengurangan sebanyak 4,772 kes. Kita juga telah mengadakan penglibatan secara langsung pimpinan masyarakat dalam membuat perancangan program dan aktiviti serta mewujudkan persefahaman dan perpaduan kaum menerusi program-program serta wujudnya jaringan kerjasama antara jabatan dan agensi kerajaan dan masyarakat dalam memastikan gejala sosial dapat diatasi.

Bagi jawapan c), tentang masalah di luar bandar, Kerajaan Negeri mencari penyelesaian ataupun solusi untuk mengatasi masalah gejala sosial terutamanya di kawasan luar bandar menerusi langkah-langkah dan inisiatif seperti Penubuhan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial yang bersifat inklusif di setiap daerah. Seterusnya pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri menerusi pelaksanaan program pengupayaan komuniti setempat iaitu satu program yang berbentuk penerangan dan pendedahan menangani gejala sosial yang melibatkan penyertaan semua pimpinan masyarakat termasuk Ketua Kampung, Ahli Majlis,

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Pengerusi Persatuan Penduduk, Ketua Komuniti, Jawatankuasa Masjid dan juga Penduduk Setempat.

Kita juga melaksanakan program pemantapan jati diri remaja oleh pihak Kerajaan Negeri yang menyediakan aktiviti serta program berkualiti kepada remaja dengan memberi penekanan kepada penerapan jati diri dan juga nilai-nilai murni.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan. Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24(2), saya nak ambil alih soalan ini.

**TUAN SPEAKER :** Baik, saya benarkan.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA (N33 TAMAN MEDAN)**

#### **TAJUK : KAD PEDULI SIHAT**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah proses tindakan ke atas klinik-klinik yang mengenakan caj lebih tinggi dari biasa.
- b) Nyatakan bilangan klinik-klinik yang sudah berdaftar dan klinik-klinik yang sudah ditamatkan perkhidmatan dalam skim Peduli Sihat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin dalam memastikan kesihatan rakyat Selangor sentiasa terpelihara. Oleh itu, pada sidang bajet 2017 yang lepas telah diumumkan tentang satu lagi inisiatif kesihatan iaitu Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada 20 Januari 2017. Skim Peduli Sihat adalah Skim Penjagaan Kesihatan asas dengan kos rawatan percuma sehingga RM500.00 setahun bagi keluarga dan RM200.00 setahun bagi individu. Istimewanya selain daripada mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Skim ini turut meningkatkan akses untuk mendapat rawatan kesihatan asas daripada mana-mana penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta yang mendaftar sebagai panel yang secara tidak langsung banyak ruang kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan dengan segera. Pihak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Selgate Cooperation Sdn. Bhd. telah dilantik iaitu sebuah syarikat anak Kerajaan Negeri telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Skim Peduli Sihat ini.

Taman Medan bertanya, apa proses tindakan ke atas klinik yang mengenakan caj lebih tinggi daripada biasa? Sebarang aduan ataupun lebihan caj yang diadukan oleh pesakit boleh diadukan kepada pihak Selgate Cooperation Sdn. Bhd. dan berikut merupakan proses aduan berkaitan pengenaan caj berlebihan oleh pihak klinik. Yang pertama, apabila pihak Selgate menerima aduan, maka pihak Selgate akan membuat semakan berserta bukti seperti resit, butiran ubat dan maklumat klinik. Seterusnya berdasarkan maklumat yang lengkap siasatan dalaman akan dilakukan oleh unit pengurusan perubatan Selgate untuk mengesahkan kesahihan aduan. Seterusnya unit pengurusan perubatan akan menghubungi klinik terbabit untuk meminta penjelasan berkenaan dengan aduan tersebut. Dan yang keempat, keputusan siasatan akan dibawa kepada pihak pengurusan Selgate untuk dinilai dan tindakan. Pihak perhubungan pelanggan Selgate dan pemasaran akan memaklumkan kepada pengadu mengenai status aduan.

Maklum balas daripada siasatan yang pertama, pihak Selgate akan mencadangkan kepada pihak klinik tindakan yang harus diambil berdasarkan hasil siasatan aduan. Kedua, jika perkara tersebut berlaku kali kedua pihak Selgate akan meletakkan klinik panel terbabit di dalam senarai pemerhatian dan surat amaran akan diberi kepada klinik tersebut. Yang ketiga, jika hal yang sama berterusan untuk kali ketiga pihak Selgate akan menggantung atau menamatkan kontrak sebagai klinik panel Peduli Sihat.

Soalan B, sehingga 19 Oktober 2017 sebanyak 869 klinik di seluruh negeri Selangor dan Lembah Klang telah diluluskan sebagai Klinik Panel Skim Peduli Sihat dan 93 klinik dalam proses untuk diluluskan. Sehingga kini, tiada klinik yang telah ditamatkan khidmat panel. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker, apa yang T\Puan EXCO kata ini kita nak mengatasi masalah yang telah ada. Masalah yang klinik-klinik menyeleweng memang berluasa. Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti balik cara *delivery system* klinik ini untuk membendung klinik-klinik yang mengambil kesempatan untuk caj yang tak berpatutan.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Ijok. Sebenarnya pihak Selgate Cooperation telah pun mempunyai sistem yang dapat memastikan segala ketidak apa ni, ketidak betulan yang dilakukan oleh pihak klinik-klinik panel ini. Mereka boleh *detect* melalui sistem tersebut. Jadi apa-apa juga masalah kita boleh minta para pesakit ini yang terkesan oleh perkara tersebut oleh klinik boleh terus *direct contact* kepada nombor yang tertera di dalam kad peduli sihat kita, yang di belakang ini, iaitu 03-20893911. Jadi apa-apa juga permasalahan boleh terus *direct* kepada nombor ini untuk diambil tindakan oleh pihak Selgate bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih itu yang telah ada tetapi berapa aduan telah Selgate dapat. Yang kita tahu kad ni di *abuse* dia tunjuk kad klinik caj RM50.00. Adakah sistem macam separuh *delivery system* klinik akan hantar bil mereka ke Selgate untuk dibayar *rather than* automatik di potong dari kad sebab kalau lah automatik di potong klinik-klinik akan caj *the maksimum fifty*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Ijok. Untuk memudahkan cerita kita ya, maknanya mana-mana klinik yang telah pun dikenal pasti memang melakukan perkara tersebut kita akan batalkan apa ni sebagai Panel kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Soalan No. 12.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN (N07 BATANG KALI)**

#### **TAJUK : TARIKAN PELABURAN ASING**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah daya penarik Selangor sebagai destinasi pelaburan?
- Apakah inisiatif untuk memastikan Selangor terus menjadi destinasi pelaburan yang utama?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, antara daya penarik Selangor sebagai destinasi pelaburan adalah

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

1. Keyakinan pelabur terhadap dasar pentadbiran Kerajaan Negeri yang telus, bertanggungjawab dan berintegriti untuk pelabur melabur di Selangor dan juga mengembangkan pelaburan yang sedia ada.
2. Penawaran kawasan industri yang strategik dan kondusif di negeri Selangor serta kemudahan infra yang lengkap.
3. Kos pelaburan dan awalan perniagaan yang kompetitif.
4. Pelaksanaan projek baru yang berintensiti modal bagi penggunaan teknologi baru yang lebih kompetitif.
5. Kewujudan ekosistem pelaburan yang lebih baik berbanding negeri-negeri lain.
6. Kewujudan industri sokongan dan perkhidmatan sebagai pelengkap kepada rantaian bekalan industri atau dengan izin *industrial supply chain* bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan perniagaan.
7. Bekalan tenaga kerja mahir yang tertumpu di kawasan Lembah Klang turut menjadi faktor daya penarik.
8. (b) Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk memastikan Selangor terus menjadi destinasi pelaburan utama seperti berikut:-

Strategik jangka masa panjang –

1. Melaksanakan perancangan strategik struktur perindustrian yang telah diterbitkan.
2. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui majlis mesyuarat yang ditubuhkan seperti:
  - i. Selangor Information Technology and e-Commerce Council Ctech;
  - ii. Halal International Selangor Council
  - iii. Selangor Aerospace Council
  - iv. Bio-Tech Council

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

3. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi penggalakan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat kali setahun ke Negara-negara yang berpotensi dan yang telah dikenalpasti.
4. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik
5. Mewujudkan jaringan hubungan atau ‘networking’ dengan agensi-agensi yang berkaitan iaitu agensi kerajaan kejuruteraan, dewan perniagaan dalam dan luar Negara
6. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan
7. Cadangan penggelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri
8. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan ‘manage industrial park’
9. Penganjuran expo dan forum bertaraf antarabangsa.

Strategik jangka masa pendek :

1. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik
2. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur
3. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui mesyuarat penyelaras projek yang diadakan setiap bulan dan di pererusikan oleh EXCO
4. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

5. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT
6. Mengadakan mesyuarat industrial park management community bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat pihak berkuasa tempatan

**Y.B TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Batang Kali

**Y.B TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ok, saya mendengar ataupun menyentuh tentang kenyataan speaker mengenai Negara-negara berpotensi untuk kita mengembangkan...

**TUAN SPEAKER:** Kenyataan Speaker

**Y.B TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kenyataan EXCO, sorry, kenyataan EXCO mengenai potensi Negara-negara yang kita boleh tarikh pelaburan-pelaburan ke Negeri Selangor. Baru-baru ini kita dikatakan ada satu pelaburan misi pelaburan ke China ya. Soalan saya, apakah misi pelaburan ke China ini menarik pelaburan ke China ini tidak merupakan satu kesilapan dan apakah sangat besar ker potensi Negara China ini untuk kita pergi ke sana menarik pelaburan.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya rasa Yang Berhormat Batang Kali tidak memahami keadaan ekonomi dan keadaan pelaburan sebab itu dia kata bahawa adalah kesilapan untuk ke Negeri China, saya tak nampak di mana kesilapan pergi ke Negeri China....

**Y.B TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Maksud saya, apakah ada kesilapan di situ.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Apa kesilapannya. Sila.

**Y.B TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya bertanya kepada EXCO apakah, tidakkah ia merupakan satu kesilapan untuk pergi melabur ke sana. Jadi jawablah ia atau tidak. Bukan nak tanya saya balik. Speaker, EXCO apa tanyalah, jawablah, betul ker tidak besar ker potensi kat Negara China ni sampai nk pergi melabur ke Guang Dong lah dan sebagainya ini. Ini persoalan yang saya nak timbulkan jawab yang ini. Tiada lain bagi EXCO kita peluang nak tanya. Kita nak tanya

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

sebab dia pun suka nak pergi ke China ni, kita nak tanya berpotensi besar sangat ker ke situ. Tidakkah ia merupakan satu kesilapan kalau kita pergi ke situ. Jawab.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, kalau kita tak tau tak faham jangan kita nak tunjuk kejahilan kita. Kita memang melihat Negeri China juga sebagai satu Negara yang berpotensi untuk melabur di luar Negara sebab kita tidak boleh menafikan Negeri China hari ini adalah kuasa ekonomi yang kedua besar di dunia. Jadi ada potensi, cuma kita kena pandai dalam kita mencari pelaburan. Kalau di Negeri Selangor kita merancang kita melihat apakah jenis pelaburan yang kita hendak. Kita hendak yang berteknologi tinggi kita buat Bio-tech kita buat Bio-bay. Kita juga melihat kepada ‘Smartcity’ bila kita lihat kita nak memperkembangkan industri halal kita cari pelaburan dalam aspek ini. Kita tengok Aerospace, kita mencari Aerospace, kita tengok pada E-commerce kita cari kita bukan seperti orang lain di mana dia jual tanah tidak melihat sama ada rakyat kita sendiri mampu membeli rumah ker tidak. Juga kita tidak melutut pada Negara lain, kita dah nak bankrap pun nak beli kapal terbang lagi. Ha tidak, kita mencari pelaburan jadi kita lihat Negeri China sekarang ini kos pekerja di Negeri China lebih mahal daripada Malaysia. Tanah lebih mahal daripada Malaysia lebih mahal daripada Selangor. Sebab itu apabila dia nak jugak memperkembangkan industri pembuatan di luar Negara kita melihat di sini kita cadangkan kita mempromosikan kita ada Bio-bay, ada bidang Bio-tech, yang maju Negeri China datang ke sini sebab kita ada Bio-bay. Kita menggalakkan pelaburan di sini kita juga memperkembangkan tapak perindustrian Bio-tech, itu caranya. Bukan ikut cara negeri yang lain. Negeri yang lain dia buat cara yang lain dia jual tanah, dia jual tanah dia bukan buat tapak perindustrian menarik pelaburan, dia jual tanah bulat-bulat dia jual ha tidak ada tempat jugak di Negeri Pahang, di mana kawasan perindustrian orang Malaysia tidak boleh masuk di Negeri Selangor tak boleh, haa itu lain. Jadi saya berharap Batang Kali kena mengkaji dulu sebelum soalan di dewan ini.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat EXCO tadi. Saya nak merujuk jugak soalan (a) daya penarik Selangor sebagai destinasi pelaburan. Tidak disentuh tadi hubungan baik, hubungan diplomatik antarabangsa Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baik dengan Presiden Amerika, baik dengan Presiden China, adakah Yang Berhormat EXCO bersetuju bahawa hubungan baik antarabangsa ini menjadi daya penarik para pelabur-pelabur daripada Negara-negara besar ini melabur ke dalam Negara kita ini termasuk di dalam negeri Selangor. Adakah Yang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Berhormat bersetuju dan mengiktiraf peranan kerajaan Persekutuan di dalam menarik pelabur asing ke Negara kita ini khususnya di Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker, memang tidak boleh dinafikan hubungan diplomatik itu penting dalam mewujudkan hubungan dalam aspek pelaburan tapi kita, kita lihat juga kepada penampilan, penampilan kita macam mana kalau Singapura Perdana Menteri Singapura apabila melawat ke Amerika Syarikat dia disambut di 'White House' dia buat sidang akhbar di 'Rose Garden, haa itu menunjukkan bahawa dia adalah satu Negara yang dihormati. Jadi layanan dia lain tapi kita pergi melawat sebagai Perdana Menteri pergi Amerika Syarikat dia sambut kita di hotel, sewa hotel, bererti dia tak sambut kita di tempat yang rasmi, ha itu malu, haa itu malu, haa itu malu...

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Salah fakta, fakta ini betulkan balik

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau, saya tak cakap siapa ni melenting ni

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Sungai Pinang teruskan.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Dengkil

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya, saya jawab tau, jangan kita merendah diri tak apa. Kita merendah diri tak apa tapi kita jangan merendahkan diri, itu tak boleh. Kalau kita ke luar Negara melawat kita mewakili Malaysia mesti diberi penghormatan yang sepatutnya bukan dilayan di hotel. Layan lah kita di 'White House', ha itu caranya.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh saya minta mencelah sedikit...

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Belum boleh lagi, duduk, nanti

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ada masalah tadi tu perlu dilayan

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Nanti dulu ni belum habis, ni belum habis, ni belum habis.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, biar Sungai Pinang habiskan dulu jawapan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk dulu, duduk dulu

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti bagi saya peluang, bukan Speaker, ni Speaker. Itu bekas Speaker.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk, duduk, duduk dulu, floor saya, saya suruh duduk dulu

**TUAN SPEAKER:** Permatang, masa hijau untuk EXCO menjawab

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Haa duduk dulu, haa, haa, jadi cara penampilan itu penting. Bila waktu kita jawab kita berdiri yang nak tanya tunggu dulu, sama jugak, jadi itulah sebabnya saya kata kita kena tahu caranya, kena caranya, cara yang betul sebab imej penting. Orang yang tak jaga imej tu masalah, pergi lah macam mana kita nak bantu ekonomi Amerika Syarikat sedangkan kita ada masalah ekonomi yang tidak boleh diselesaikan sedangkan kita kena GST lagi. Haa itu dia. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya memanggil Ahli Dewan Negeri yang seterusnya, sebenarnya yang bertanyakan soalan tambahan kena ikut peraturan Tetap. Tak boleh tanya soalan yang mendapatkan buah fikiran kerajaan. Bila bertanya soalan seperti adakah ia satu kesilapan dan apakah fikiran Kerajaan Negeri, EXCO akan menjawab mengikut buah fikiran beliau, lepas bila EXCO jawab seperti itu yang bertanya marah pulak, itu sebab kalau nak tanya soalan tambahan ikut peraturan tetap ya. Baiklah Bukit Gasing

**Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, Soalan nombor 13.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN (N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK: KAWASAN KAKI LIMA RUMAH KEDAI**

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan PBT yang mempunyai dasar untuk membenarkan perniagaan meletakkan barang niaga di sebahagian daripada kaki lima?

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menyeragamkan dasar ini di seluruh Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Speaker, juga terima kasih kepada Bukit Gasing. Dasar seragam yang digunakan untuk semua PBT mengenai kawasan kaki lima kedai adalah satu sahaja dasar membenarkan permit sementara meletakkan kerusi meja di luar premis makanan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bertarikh 26 Ogos 2008 ini satu. Untuk makluman Yang Berhormat PBT Pihak Berkuasa Tempatan juga akan memberikan permit sementara kepada peniaga untuk meletakkan barang, barang niaga di sebahagian daripada kaki lima dengan menilai keadaan dan situasi masing-masing. Secara dasarnya kerajaan negeri tidak menggalakkan peniaga meletakkan barang di kaki lima kerana ianya mengganggu laluan dan juga melibatkan isu keselamatan. Sekian terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Soalan yang seterusnya.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 14

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN (N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: TAPAK SURAU DAN MASJID DI GOMBAK SETIA**

14 Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah tapak surau dan masjid yang telah diwartakan di DUN Gombak Setia?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima Kasih Tuan Speaker, Gombak bertanyakan soalan berkenaan jumlah tapak surau dan masjid yang telah diwartakan di DUN Gombak Setia. Bagi DUN Gombak Setia terdapat 6 permohonan yang telah diterima dan hanya sebuah tapak surau Hilailiah Mukim Setapak yang telah selesai diwartakan iaitu di lot 4380 di Bandar Gombak Setia, Daerah Gombak (No. Warta : 1163 bertarikh 9 April 2009). Terima kasih.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya ingin bertanya daripada 6 permohonan iaitu satu tidak diluluskan yang 5 lagi itu ada perkara-perkara yang menjadi halangan-halangan. Daripada 6 permohonan itu ada permohonan yang ditolak dan ada permohonan yang masih dalam proses kerana permohonan yang tidak lengkap termasuklah masalah teknikal pelan dan sebagainya. Cuma mungkin secara detail nya saya tidak dapat berikan di sini dan saya akan berikan dalam bentuk lampiran status-status terkini kepada Gombak Setia. Terima kasih.

**TUAN SPEKAR:** Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAL:** Soalan yang lain

**TUAN SPEKAR:** Soalan yang seterusnya

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAL:** Ya. Peraturan Tetap 24, 20 DUN

**TUAN SPEKAR:** Saya belum panggil Seri Muda Lagi

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAL:** Oh, ok

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Seri Muda, erk.. Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAL:** Peraturan Tetap 24, 22, ambil soalan Seri Muda

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih. Dasar perumahan Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Cara keseluruhannya sebanyak 100,870 unit rumah Selangorku RSKU telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini sehingga 15 Oktober 2017 sebanyak 1,813 unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci manakala sebanyak 21,912 unit RSKU sedang dalam pembinaan. Untuk makluman Yang Berhormat untuk tempoh 2014 hingga 15 Oktober 2017 sebanyak 1,813 unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci dan perinciannya adalah seperti berikut iaitu:-

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

- 1) Di bawah MPKJ di Mukim Cheras Daerah Hulu Langat sebanyak 92 unit Jenis D.
- 2) Di bawah MBSA oleh Sin Heap Development di Seksyen 10 Shah Alam Mukim Bukit Raja sebanyak 536 unit Jenis C.
- 3) Di bawah MPAJ Sdn Bhd. di Mukim Hulu Klang Daerah Gombak sebanyak 42 unit.
- 4) Di bawah MPKj oleh TPPT Sdn Bhd. Di atas lot 143783 Mukim Kajang 53 unit Jenis D dan yang
- 5) Adalah di kawasan MPSP oleh Wonderful Development Sdn Bhd. Iaitu Mukim Dengkil Daerah Sepang sebanyak 198 unit Jenis C.
- 6) Di bawah PKNS iaitu di antara Gapi Daerah Hulu Selangor sebanyak 129 unit Jenis D.
- 7) Di bawah MDKS juga di bawah Projek PKNS iaitu di Kota Puteri Bandar Batu Arang Daerah Gombak sebanyak 198 unit Jenis C.
- 8) Di bawah MPK oleh Haruman Inti sari Sdn Bhd. Di Bandar Botanic Daerah Klang sebanyak 306 unit Jenis C.
- 9) Di bawah MDKS oleh KL Kepong Country Homes Sdn Bhd. Di Mukim Ijok Kuala Selangor sebanyak 224 Jenis D.
- 10) Di bawah MPSP di bawah Sim Cheong Yong dan Yap Hong Development hak milik Geran atau pun di Pekan Sg Pelek Daerah Sepang ada sebanyak 15 unit.
- 11) Adalah MPKj Serambik Utama di Semenyih sebanyak 19 unit.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan membentangkan bajet 2015 telah sasarkan pembinaan 1,000 unit SelangorKu telah dibina dalam tempoh 3 tahun bermula 2015 hingga 2018. Sehingga 15 Oktober 2017 sasaran tersebut telah mencapai objektif di mana sebanyak 21,912 unit sedang dibina atau 21912 unit sedang dibina di seluruh Negeri Selangor. Tingkatan ini disebabkan insentif galakan Kerajaan Negeri dan juga hasil daripada penguatkuasaan dijalankan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor serta kerjasama baik dari semua pemaju. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri percaya bahawa sasaran 15,000 unit tersebut mampu ditingkatkan sehingga 30,000 unit menjelang akhir tahun 2020, terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPAR :** Saya dapati rumah-rumah yang dibina sebahagian besarnya ialah grade C sedangkan permintaan untuk A & B adalah lebih banyak jadi apakah persiapan Kerajaan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Kesemuanya kalau kita mengambil polisi rumah SelangorKu di mana peratus-peratusnya jadi bermakna kalau kita ambil polisi rumah SelangorKu di mana dia ada peratus-peratusnya jadi bermakna memang benar kita membina jenis A, B, C dan D bukan hanya jenis C & D sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ :** Terima kasih Tuan Speaker, tadi saya dengar EXCO menyatakan bahawa di Semenyih lebih laju, saya nak confirmed kan betul 16 unit sahaja dan di mana ?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Semenyih ada di bawah MPKj Serambi Utama Sdn Bhd. memang ada 16 tetapi dia ada banyak lagi projek di Semenyih yang sedang dalam pembinaan atau pun yang telah kita luluskan. Ada projek besar Eco World di situ yang telah diluluskan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ :** Unit di mana tak jawab.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah,Hulu Kelang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Di atas lot 1217 GM 1537 Bandar Batu 18 Semenyih Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Batu 18 Semenyih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya no. 16.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)**

#### **TAJUK : PROGRAM SELANGOR BRAIN BANK**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah penerima dan jumlah kewangan bagi program Selangor Brain Bank setakat ini?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Hulu Kelang tentang jumlah penerima dan kewangan bagi program

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Selangor *Brain Bank* setakat ini. Untuk makluman kita telah ke muka dua kali permohonan, permohonan kali pertama di tutup pada 31 Januari 2017 permohonan kedua dibuka antara 1 April sehingga 15 Jun 2017 kita telah terima sebanyak 105 permohonan dan 11 calon sedang dalam pertimbangan kelulusan Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi program ini.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih soalan 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG**  
**(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : TANAH RIZAB ORANG ASLI**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan Kampung Orang Asli dan keluasan yang telah diwartakan sebagai kawasan atau rizab orang asli sejak tahun 2008 mengikut daerah.
- Apakah halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri menyebabkan proses pewartaan agak lambat?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Kampung-kampung orang asli dan juga keluasannya yang telah diwartakan sebagai kawasan rizab orang asli sehingga 2017 adalah berikut:-

1) Di daerah Hulu Selangor Kampung Orang Asli Sg Jengka Kerling dengan keluasan 4.18 ekar.

2) Kuala Langat di mana ada 2 kampung Taman Desa Kemandol dengan keluasan 86.79 ekar dan Kampung Orang Asli Kampung Bumbung Pulau Carey dengan keluasan 329.6 ekar. Di Sepang Kampung Orang Asli Bakok dengan keluasan 9.44 ekar dan di Klang di Tanjung Harapan dengan keluasan 3 ekar. Selain daripada itu, Kampung-kampung Orang Asli di mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan di rizabkan di bawah Seksyen 7 atau orang asli atau pun Akta 134 adalah seperti berikut:-

1) Di Daerah Sepang Kampung Orang Asli Sungai Gua 36.43 ekar, Kampung Orang Asli Kelingsing 164.68 ekar.

2) Di Kuala Langat terdapat Kampung Orang Asli Pulau Banting dengan keluasan 21.503 ekar. Kampung Orang Asli Bukit Tadong dengan keluasan 322.22 ekar.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Kampung Orang Asli Bakelela Pulau Carey dengan keluasan 20 ekar dan Kampung Orang Asli kapal laut Pulau Carey di mana keluasan muktamad akan ditentukan selepas Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengukur dan mengeluarkan rizab hutan simpan di kawasan itu daripada keluasan yang dipohon daripada penduduk-penduduk kampung orang asli kapal laut.

Kuala Kubu Baharu juga telah menanyakan apakah halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri yang menyebabkan proses agak lambat. Untuk makluman Kuala Kubu Baharu sebenarnya pihak berkuasa negeri telah mengenal pasti beberapa Kampung secara dalam perancangannya untuk dirizabkan dan perizaban mana-mana tanah Kerajaan untuk maksud penempatan atau pun kawasan Orang Asli melalui permohonan lengkap yang dikemukakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli bersama dengan pelan perhitungan atau pre kompleks yang disediakan oleh Juruukur Berlesen maka tidak ada dokumen-dokumen yang lengkap seperti itu maka kita boleh dapat meluluskan secara dengan kelajuan yang lebih pantas. Setelah tanah yang diluluskan untuk perizaban di ukur halus melalui pengeluaran pelan warta atau pun PW oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Isytiharkan warta akan diwartakan Warta Kerajaan Negeri Selangor. Proses ini akan mengambil tempoh masa sekiranya isu tanah yang dicadangkan untuk perizaban tidak diselesaikan dan isu pertindihan lot, pelan tanah yang dikemukakan yang tidak sempurna dan juga masalah dalam proses ukur halus untuk mengeluarkan Pelan Warta atau pun PW.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia Ini juga Kerajaan Negeri melalui beberapa Jabatan termasuk PTG Selangor telah mengadakan Mesyuarat Penyelaras dengan JAKOA. Antaranya yang telah diadakan adalah pada tahun 2016 pada 26 Oktober di mana Mesyuarat Penyelaras Tanah Rizab Orang Asli diadakan bersama dengan JAKOA, Pejabat EXCO dan semua PTD yang berkaitan. Dari Mesyuarat tersebut 26 Oktober 2016 dipersetujui pada masa itu bahawa JAKOA mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membantu mengukur keluasan beberapa kampung-kampung orang asli yang bakinya akan di ukur oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, setelah menunggu hampir 1 tahun jadi kita telah ada satu Mesyuarat di Suhakam pada tahun ini. Suruhanjaya hak atasi manusia Malaysia pada 28 September 2017 di mana kita telah bincang semula bersama dengan pihak kak Suhakam untuk membuat perancangan baru untuk mengukur tanah-tanah orang asli yang pada awalnya disebut akan dibuat oleh JAKOA dan pada 11 Oktober 2017 pihak JAKOA telah mengemukakan permohonan untuk mewartakan 37 buah Kampung. Walau bagaimanapun, selepas semakan daripada PTD masing-masing ada sebahagian besar tidak memenuhi beberapa syarat sebagai contohnya pelan tanah yang dikemukakan tidak sempurna atau pun ada pertindihan lot. Kita akan semak semuanya dengan bantuan JAKOA dan juga Pejabat Daerah di kawasan masing-masing.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Di tempat saya ADUN Batang Kali banyak Kampung Orang Asli. Di sini saya cuma nak sedikit penjelasan kepastian sama ada Kampung-kampung berikut iaitu Kampung Hulu Tamu, Hulu Melaka, Kampung Bukit Manchong dan juga Sungai Kelubi telah dipohon atau pun telah di proses oleh Pejabat Tanah dan di pohon oleh JAKOA dan di mana status sekarang untuk kepastian status.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan kalau tak ada detail tak payah jawab kerana spesifik memerlukan maklumat terperinci.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Nasib baik saya tahu jawapannya, terima kasih Batang Kali. Senarai Kampung-kampung yang disebut oleh Batang Kali adalah dalam senarai yang dikemukakan oleh JAKOA cuma dalam semakan yang dijalankan oleh PTG Selangor kita mendapati bahawa ianya tidak lengkap. Maksudnya tidak mengikut speks yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor kita mendapati bahawa ianya tidak lengkap. Maksudnya tidak mengikut speks yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor. Maka kita akan cuba membantu JAKOA dan juga penduduk-penduduk Kampung Orang Asli di Batang Kali khasnya supaya kita boleh membantu dari segi melengkapkan peta atau pun membuat semula peta-peta tersebut dan Kerajaan Negeri telah memberi komitmen semasa Mesyuarat di Suhakam pada 28 September 2017. Kalau ada permohonan daripada JAKOA untuk Kerajaan Negeri Selangor membantu membayar pengukuran Kampung Orang Asli tersebut Kerajaan Negeri sudi membantu dari segi itu.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Minta maaf, Puan EXCO, saya pada bulan lepas menghadiri Mesyuarat KKW Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan difahamkan bahwasanya segala kos mengukur akan ditanggung sepenuhnya oleh JAKOA. Jadi saya rasa dari segi itu, Kerajaan Pusat boleh membantu dan boleh dipercepatkan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Kita boleh saling bantu-membantu tetapi yang penting adalah kita keluarkan satu peta yang boleh di gunakan, diluluskan boleh diwartakan so apa yang kita telah dapat pada beberapa minggu yang lalu yang dihantar kepada Pejabat Tanah dan Daerah adalah bukan semua tetapi sebahagian besar daripada pelan atau pun peta yang di bentangkan oleh JAKOA yang tidak mengikuti speks dan kita telah mengarahkan PTD masing-masing Pejabat Tanah dan Daerah untuk membantu JAKOA dari segi memberitahu mereka apa yang kekurangan dan kita juga ada persefahaman persetujuan semasa Mesyuarat kita di Suhakam bulan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

September sahaja di mana kita kata kalau ada permohonan dari JAKOA kita akan membantu dari segi pengukuran halus khasnya.

**TUAN SPEAKER :** Jam telah menunjukkan 11.30 pagi saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Selalunya keistimewaan khas Berbahas Belanjawan Negeri diberikan kepada Ketua Pembangkang tetapi oleh kerana pihak pembangkang masih belum menamakan seorang Ketua Pembangkang tetapi tak apa kami tetap benarkan seorang Ahli Dewan Negeri daripada blog Pembangkang membahas dulu, ada sesiapa? Batang Kali

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini lain sedikit, terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan bajet Negeri Selangor bagi tahun 2018. Assalammualaikum w.b.k. dan salam sejahtera, salam perpaduan dan salam satu Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya di atas pembentangan Belanjawan Selangor 2018 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat lepas iaitu pada 3 November. Saya rasa ucapan Yang Amat Berhormat pada ketika itu seronok untuk kita dengar dan sampai lebih 2 jam saya tengok dia membentang dan mengelirukan rakyat tentang bajet Kerajaan Selangor bagi 2018. Saya lihat dalam ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar banyak cuit situ sikit, cuit sani sikit asal nampak seolah-olah semua sektor, semua orang diambil peduli ataupun diambil kira. Dan yang "*the worst thing is that*" minta maaf, banyak perkara-perkara mengulang-ulang sejarah lama. Saya terus kepada intipati ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkaitan MARRIS. Yang Berhormat Speaker berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar perkara 180 Kerajaan Negeri telah melaksanakan program penerapan jalan-jalan kampong sejauh 2,874 kilometer bagi tujuan menaiktaraf peruntukan MARRIS. Saya ingin memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri untuk menyatakan berapakan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 iaitu zaman PKR perintah hingga kini. Berdasarkan Buku Anggaran Perbelanjaan tahun 2012 hingga 2017 di bawah kod 82000 terimaan daripada lain-lain agensi kerajaan. Kod 82300 pemberian dan caruman. Kot 82355 pemberian penyelenggaraan jalanraya negeri. Buku anggaran perbelanjaan Negeri Selangor tahun 2012 hingga 2017 anggaran pada kod tersebut sejak tahun itu direkodkan sebagai kosong ataupun sifar. Adakah Kerajaan Negeri tidak menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan peruntukan MARRIS dan memperkatakan mengenai peruntukan MARRIS berdasarkan perlembagaan dan tatacara penggunaan persekutuan atau peruntukan MARRIS. Peruntukan hanya

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

diguna untuk tujuan penyelenggaraan jalan. Namun kenyataan Yang Berhormat Dato' Iskandar Abu Samad pada 1 Ogos 2016 di dalam dan di luar dewan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, saya nampak Yang Berhormat Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Aa minta kebenaran dulu nak cakap

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta-minta, tidak menyebut nama dalam dewan itu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ok, saya tarik balik nama itu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini kenyataan, kenyataan seorang EXCI pada 1 Ogos 2016 di dalam dan di luar dewan setakat 2012 sehingga kini 2016 Kerajaan Negeri telah menyalurkan kira-kira 33 juta bagi Skim Ceria namun peruntukan tidak cukup kerana masalah BPR terlalu banyak jadi bagi mengatasi kekurangan itu Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan daripada MARRIS. Banyak kita dapat gambar-gambar projek baik pulih dewan turut menggunakan peruntukan MARRIS. Jadi saya mohon Menteri Besar memberi penjelasan tidakkah ini satu penyalahan guna peruntukan MARRIS. Yang Berhormat Speaker anggaran perbelanjaan 2013 hingga 2017 tidak membentangkan sebahagian hasil terima dari Kerajaan Persekutuan untuk kod kepala 82355 pemberian jalan raya negeri seperti yang saya cakap tadi. Rekod daripada Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara merekodkan transaksi pemberian yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi MARRIS setahun dianggarkan kira-kira 400 juta hingga ke 500 juta setahun bagi 16,679 kilometer sehingga 2016. Kalau boleh saya bacakan pada 2012 lebih kurang 416 juta, 2013 - 498 juta, 2014 – 523 juta dari 2015 hingga 2016 dia menjunam saya tidak tahu kenapa ada jalan-jalan itu menjadi kontot, betul ke tidak ke Allahualam tiba-tiba dia punya peruntukan jatuh ke 468, 496 dan naik semula dipanjangkan semula ke Allahualam naik semula pada 2017 sebanyak 546. Jadi nak juga tanya itu kenapa tiba-tiba di tengah-tengah jadi kontot, bajet dia pun jadi kurang. Yang Berhormat Speaker mengikut perkara 97 kumpulan wang disatukan (2) segala hasil dan wang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh kerajaan atau sesuatu negeri tertakluk kepada fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan kumpulan wang disatukan bagi negeri itu. Menurut rekod kewangan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negeri kumpulan wang disatukan Negeri Selangor. Jadi adakah bajet 2013 hingga 2017 menyalahi

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

perlembagaan persekutuan. Seksyen 14 Jadual 8 Perlembagaan Persekutuan Raja berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan menyebabkan dibentang di hadapan Dewan Undangan satu pernyataan terimaan dan perbelanjaan yang dianggarkan bagi negeri untuk tahun itu dan melainkan jika peruntukannya selainnya badan perundangan negeri berkenaan mana-mana tahun pernyataan itu hendaklah dibentangkan sedemikian permulaan tahun itu. Seksyen 15 jadual 8 Perlembagaan Persekutuan kepala-kepala bagi perbelanjaan hendaklah dibayar daripada kumpulan wang disatukan bagi negeri hendaklah dimasukkan ke dalam satu rang undang-undang yang hendaklah dikenali sebagai rang undang-undang perbekalan yang membuat peruntukan bagi pengeluaran jumlah wang yang perlu daripada kumpulan wang disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan peruntukan jumlah wang itu bagi maksud yang dinyatakan di dalamnya. Jadi rumusannya Yang Berhormat Speaker di sini kita dapat lihat ketidak kepatuhan tidak mematuhi perlembagaan Negara kita. Dan saya juga melihat ketelusan Kerajaan Negeri diragukan yang seolah-olah telah menyorokkan pemberian Kerajaan Persekutuan mengikut perlembagaan persekutuan. Dan saya juga bimbang kerana ini boleh membayangkan ada satu selera menyalahgunaan peruntukan dan "*the worst thing is that*" kita takut ia bakal berleluasa dikerjakan oleh Kerajaan Negeri. Seperti yang saya katakan diperangkat awal tadi perbelanjaan kali ini banyak menceritakan sejarah lama. Pada pertengahan 2018 saya lihat bajetnya ini banyak diulang-ulang, saya ada beberapa perkara dan minta penjelasan sebenar apakah tujuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berbuat demikian. Pada 2016, 2017 dinyatakan di dalam pertengahan untuk menaiktaraf Persiaran Mokhtar Dahari Daerah Petaling dengan kos pembangunan sebanyak 150 juta. Yang kedua membina jalan sambungan Kota Warisan Sepang Demissing Link 3.9 kilometer dengan kos pembangunan sebanyak 109 juta. Dan pada tahun ini 2018 punya bajet diulang semula dengan perubahan kos projek dari RM150 juta hingga RM160 juta serta jangkaan siap projek dan pembinaan Jalan Kota Warisan menjadi 10 juta. Contoh-contoh lain pada 2016, 2017 ini mengenai dengan pelaburan Eroangkasa HAP 2016, Eroangkasa UMW Spice Sdn. Bhd. di Serendah 3 bilion with automatif, Big Delta dapat mempermudah Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya untuk membuat keputusan. Tahun ini untuk bajet 2018 diulang balik di sini dicetak semula. Eroangkasa 2018 - 2 juta penyediaan blue print dah disebut kali ini nak buat blue print pula, SMART City Big Delta hampir sama dengan plan fiber Negara yang dijalankan diseluruh Negara terutamanya di Negeri Selangor jadi ciplaklah tu. Jadi saya tenguk juga di dalam bajet kali ini disebut.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta maaf saya tidak bagi laluan, saya kali pertama diberi peluang yang terbaik oleh Tuan Speaker.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER:** Batang kali ini bukan kali pertama tahun lepas pun sama.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tidak bagi laluan.

**TUAN SPEAKER:** Tahun sebelum itu pun sama.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dalam yang ini sangat istimewa kali pertama dijemput dulu sebelum kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Ini kali ketiga Batang Kali, teruskan, teruskan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Lepas Sekinchan, saya tidak bagi Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bagilah peluang kepada saya untuk Tanya soalan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jadi peruntukan Selangor 2018 ini seronok juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata peruntukan dia menurun iaitu peruntukan 2017 tenguk gayanya menurun, peruntukan 2017 total dia 3.45 bilion tetapi pada peruntukan 2018 total dia 3.12 bilion. Dalam pembentangan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan ataupun mewar-warkan pembentangan bajet 2018 meningkat tetapi lihatlah data yang saya bagi tadi itu rupanya dia menurun bukan meningkat. 2017 total bajet 3.45 bilion mengurus 1.65 bilion, pembangunan 1.8 bilion peratusannya memang besar mengurus 47%, pembangunan 52% banding 2018 rupanya mengelirukan rakyat. Total bajet dari 3.45 kepada 3.12 bilion mengurus 1.46 bilion menurun jadi 4.68% pembangunan meningkat tetapi valuenya menurun dari 1 kepada 1.66 bilion. Jadi bajet ini merupakan satu bajet yang mengeliru dan menipu rakyat dengan memainkan peratusan peruntukan bajet 2018 bagi menampakkan seolah-olah.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, Kampung Tunku minta mencelah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bajet pembangunan meningkat 1%. Sebenarnya bajet pembangunan Selangor 2018 menurun daripada 1.86 bilion kepada 1.66 bilion. Keseluruhan peruntukan Negeri Selangor rupakan bagi tahun 2018 menurun berbanding 2017 termasuk pembangunan termasuk turun nilainya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri bagilah penjelasan kenapa bentuk bajet macam ini diutarakan di dalam dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Speaker, Dato' Menteri Besar juga menyalahkan kelembapan ekonomi, menyebabkan unjuran pendapatan negeri menurun pada tahun hadapan atau tahun 2018. Persoalannya, bagaimana Kerajaan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Persekutuan pula mampu meningkatkan unjuran pendapatan 2018 dalam keadaan ekonomi yang lembap. GST is *black economy*. Pergi belajar ekonomi apa yang sedang berlaku *black economy* ini. Saya rasa EXCO-EXCO boleh tahu, tentang *black economy* ini. Kalau saya hendak ajar tentang *black economy* boleh.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tahu, hendak dinyatakan ke? Jangan tak elok, itu hak rakyat biar ia berubah secara sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali. Boleh benarkan atau tidak?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tidak.

**TUAN SPEAKER:** Tidak. Kampung Tunku duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini peluang keemasan. Keemasan. Saya hendak guna peluang keemasan ini. Minta yang lain-lain bersabar. Bagi saya guna peluang keemasan ini untuk menjelaskan benda-benda yang tertipu ini. Jadi saya hendak nyatakan di sini. Kerajaan Pusat buat defisit Belanjawan. Kerajaan Negeri hendak buat defisit juga. Lepas itu kata ada lebihan. Jangan usah berbangga, tetapi dalam keadaan maksama unjurannya tidak sama dengan unjuran Kerajaan Pusat yang begitu berkeyakinan bahawasanya dalam keadaan ekonomi yang lembap ini ia mampu meningkatkan unjuran prestasi. Ini membuktikan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali. Kampung Tunku. Peraturan mana? Peraturan Mesyuarat. Duduk dulu. Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat 36 iaitu seorang ahli tidak boleh membaca teks ucapan. Kedua, Peraturan Mesyuarat 87, saya minta ketua Tuan Speaker berkenaan dengan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, bahagian 2 Peraturan perbahasan. Apa maksudnya perbahasan? Sama ada perbahasan itu adalah satu proses di mana orang boleh berucap, ada orang boleh bertanya, menjawab atau pun dia membaca teks sahaja. Jadi sebab itulah saya berdiri.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Batang Kali, teruskan ucapan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kalau hendak pengertian-pengertian, tidak payahlah kan! *We're educated over here. Focus, focus* saya membawa sesuatu benda untuk perhatian Kerajaan Negeri untuk rakyat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya juga bertanya untuk membawa satu perkara.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Duduk, duduk. Usah-usah

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bagi peluang. Bagi peluang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Cuma kita *pronounce people*. Jangan tunjuk kan tidak pronounce.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta tolong.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Duduk. Ini peluang emas ni. Keemasan ini. Hari ini Speaker baik hati ini.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, saya hendak betulkan Batang Kali kerana sudah tiga (3) kali Batang Kali berkata ini ialah peluang keemasan kali pertama. Saya sudah *check handsard* Batang Kali sudah tiga kali. Ini kali ketiga Batang Kali dijemput untuk memberi perbahasan dulu walaupun bukan Ketua Pembangkang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ok. sidang bajet ini. Oklah! Oklah! We're all *prounce people* ek. Semua ada disiplin dan ada akhlak. Jadi bagi saya peluang. Jangan kita bergerak dengan iman dan kehidupan nanti kita tercari-cari untuk kita bergerak. Jadi kalau bagi saya, kalau kita model pembentangan model ataupun pembentangan bajet Barisan Nasional dengan Kerajaan Negeri ini membuktikan Kerajaan Negeri Selangor gagal membuktikan ekonomi negeri dengan baik. Tapi tanpa segan silu pula mengkritik bajet 2018 yang dipimpin oleh Barisan Nasional. Kalau kita tengok perbandingan ujuran pendapatan 2018. Jadi ini benda-benda yang kita kena ambil perhatian dan benda-benda yang harus kita perbetulkan, dan mencari rangka jalan n atau pelan-pelan tertentu untuk memastikan Kerajaan Negeri Selangor boleh membentangkan satu bentuk bajet yang meyakinkan kita. Untuk Unjuran Pendapatan 2018 saya tengok Kerajaan Negeri Selangor Unjuran 2.55 bilion pada 2017. Pada tahun 2018 ia jadi 2.2 Bilion, menurun. Kenapa? Kenapa macam ini? Kita kata lebap ekonomi tetapi tengok Kerajaan Persekutuan unjuran 2017 RM219.7 Bilion tapi 2018 RM239.86 bilion dan saya difahamkan bahawasanya jika *target* kita itu tercapai 5% lebih dan unjuran Kerajaan Pusat sebanyak 2.8% peningkatan pada tahun hadapan. Kita punya KDNK ia *value* nya tu 2.8 bilion itu lebih kurang 40 bilion. Defisit kita telah pun tertutup dengan 2.8%. jadi kalau kita campur lagi dengan anggaran 5% ke hadapan ia menjangka, mencapai angka lebih kurang 65-80 bilion. Maknanya ada akses 11. Jadi macam inilah. Negeri Selangor kenapa? Jadi Menteri Besar jawablah. Jika ekonomi kelembapan ekonomi dipersalahkan ataupun penurunan pendapatan atau perbelanjaan Selangor bagi 2018 macam mana Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional mampu meningkatkan unjuran dan seterusnya mampu meningkatkan perbelanjaan bagi memacu negara dengan melaksanakan inisiatif meningkatkan taraf hidup rakyat dan membantu dan meringankan beban. Jika saya tengok dalam ini P tunjang Bajet 2018

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Kerajaan Persekutuan. Tengok ni, 1 sampai 8 perkara-perkara semua hendak **stelmilet** perkembangan ekonomi. Di Selangor mana.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI** : Speaker. Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jadi, saya mohon Kerajaan Negeri supaya menyemak balik pelan tindakan kita.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, benarkan atau tidak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tidak. Saya hendak teruskan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI** : Kata hendak tanya *black economy*.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini dalam serius. Serius ni. Serius iman dan kehidupan, saya serius, sabar. Sabar. Karang bahas.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI** : Kalau berani dengar, beri peluang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dengar. Jadi saya minta. Saya minta melihat balik kalau boleh dicorakkan, corakkan balik. Jangan segan-segan. Jangan segan-segan ini untuk rakyat Selangor jangan kita buat sesuatu yang nanti membebankan ataupun meruntuhkan harapan rakyat negeri Selangor untuk mengecapi satu pembangunan yang istimewa dengan taburan janji-janji yang banyak 2018. Dah, duduk.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, mohon mencelah. Saya keliru ni.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Batu Tiga.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ada .....

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya keliru ni.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali benarkan atau tidak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tidak.

**TUAN SPEAKER:** Tidak benarkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya keliru bagilah saya peluang sedikit. Bagilah. Nanti keliru sampai habis teruk nanti.

**TUAN SPEAKER:** Mereka tidak faham isi ucapan, Batang Kali boleh bagi penjelasan.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak apa, *handsard* kan ada selepas ini boleh dapatkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya tak nampak macam mana pemacu ekonomi. Walhal perah duit rakyat melalui GST.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ada *handsard* selepas ini. Adakan?

**TUAN SPEAKER:** Ada *handsard* tidak semestinya mereka faham isi ucapan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dia tidak baca jadi dia tidak faham.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga. Batang Kali tidak benarkan. Teruskan Batang Kali.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI :** Batang kali tak sanggup bagi jawapan sebab dia baca teks orang. Dia tidak boleh nak bahas

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sekarang saya hendak bahas. Akta Pelaburan dari Sektor Perindustrian. Suara iman dan kehidupan, kita membaca atau bukan sebab apa ya kita hendak tengok apa yang boleh buat. Jangan terasa. Sekali sekala buat macam ini, dulu-dulu kita bagi *chance*.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI :** Batang Kali kena bersedia untuk berbahas.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kita semak, kita semak banyak benda.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI :** Orang Batang Kali melihat perbahasan ini. Kawan-kawan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Buku bajet ini elok tak ekok.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Kata hendak jadi cikgu ekonomi. Ini hendak tanyalah ni.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jadi

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI :** Saya baca *black economy* ini, saya baca dekat *black economy*.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mereka saya minta.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI :** Black economy

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dalam bajet Selangor 2018.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Cikgu tidak boleh tanya. Susahlah macam ini.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Menteri Besar

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI : Saya baca *black economy* tidak kena mengena dengan negeri Selangor.**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dalam unjuran pendapatan dari sektor perindustrian. Ya. Dalam Bajet Selangor 2018 yang dibentangkan. Bagi saya tidak langsung menyebut atau menggambarkan unjuran pendapatan dan sektor pengindustrian. Melainkan beberapa pelaburan berpotensi yang masih belum di meterai dan belum pasti termasuk projek lama yang diulang semula. Perbandingan kos mengurus Selangor dan Persekutuan juga disebut-sebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia mempersenda-sendakan. Biasalah. Mempersendakan. Ini memang karakternya kot. Dengan mengkritik Kerajaan Pusat kerana peruntukan mengurus lebih tinggi dari peruntukan pembangunan. Ini fakta.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI : Batang kali faham tak teori *black economy*.**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** *Black economy* ni bacalah!

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI : Faham tak? *black economy***

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tidak hendak, *black economy* tak payah ajar. *Lecture* kan. *Lecture*. Pensyarah

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI : Faham tak.**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Pensyarah. pi ajar

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI : Saya tanya faham tak *black economy***

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker saya tidak benarkan dia bercakap.

**TUAN SPEAKER:** Masih panjang lagi ke Batang Kali? Teruskan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sikit lagi tapi dia orang ini ganggu-ganggu. Dia orang tidak hendak diperbetulkan. Macam mana kerajaan boleh macam ini. Kena diperbetulkan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI : Dia sebut fasal *black economy*.**

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tengok-tengok tu. EXCO lain elok je dengar. Ini ahli dia pula jumpa **advandce** dia... dia seronok jadi duduk diam-diam.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI :** Dia salah bagi teori, dia timbulkan *black economy* tapi dia tidak faham *black economy*.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Duduk. Duduk. Saya menceritakan benda yang mempengaruhi GST jadi tidak elok lah kita cerita *black economy* dalam dewan ini. Iman dalam kehidupan. Tidak elok buka aib-aib orang.

**TUAN SPEAKER:** Habiskan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Pada tahun 2016 angka sebenar perbelanjaan Kerajaan Pusat bagi peruntukan kepada negeri-negeri 6.789 bilion. Ini termasuk 761.8 juta untuk Selangor sahaja. Jadi Kerajaan Pusat perlu membelanjakan jumlah yang besar untuk bajet negara untuk memperuntukan kepada negeri-negeri. Ini tidak termasuk perbelanjaan kakitangan awam termasuk yang bertugas di negeri-negeri. Untuk makluman, untuk makluman jumlah kakitangan awam persekutuan lebih kurang 1 juta orang di Selangor rupa-rupanya ada 59,754. Dekat Pejabat Menteri Besar dengan SOB ada 370 hingga 380 saya difahamkan. Kerajaan Negeri ada staff 17,703 bonus bagi Kerajaan Negeri saja. Yang kerja di bawah Menteri Besar pun tak bagi. Minta tengok-tengokkan lah dia orang ini. Dia orang inilah golongan yang memberi sokongan yang begitu kuat untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan NS cekap dan baik. Mereka ada lebih ramai menyokong kita, untuk membolehkan macam polis, cikgu, bina insan, pengawal keselamatan, bomba keselamatan, hospital, klinik-klinik semuanya menyebabkan orang di negeri Selangor ini sihat-sihat. Tak perlu sihat kot, tak payah nak kikis pun dah ada 57,000 yang menyokong kita untuk memastikan keadaan kita ini menjadi elok. Jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tengok-tengoklah pegawai-pegawai kerajaan pusat ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Speaker, nak tanya sikit

**TUAN SPEAKER :** Ye, Seri Andalas, Batang Kali

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Nak tanya sikit. Tak-tak, you kata seperti orang yang bekerja sebagai penjawat awam ada bekerja di bawah persekutuan...saya nak tanya sikit, jawab, jawab soalan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Dah-dah..seperti orang-orang lain.. Seri Andalas seperti rakan-rakan lain, saya bertindak adil tidak membenarkan mereka kerana itu Seri Andalas. Sila duduk. Soalan pun tidak boleh sila duduk. Saya

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

nak bersikap adil, saya nak menjadi orang yang adil kalau rakan-rakan *backbenchers* tak dapat, soalan anda semua tak boleh

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali, cepat terus kepada point, terus kepada point

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tengok kawan-kawan saya pun nak cepat jadi jangan kacau saya. Tidak wajar bagi MB Selangor mengkritik Bajet 2018 Persekutuan walhal prestasi ekonomi mereka sendiri menurun dan prestasi kerajaan pusat meningkat dengan perkara-perkara yang saya sebut tadi. Ini mengenai isu air pulak ni, isu air lebih rela peruntukan bajet sebanyak 200. Kerajaan Negeri lebih rela melihat peruntukan bajet sebanyak 2.51 juta untuk laksana Projek Bekalan Air Labuhan Dagang sebanyak 1.67 juta tetapi tidak bersetuju dengan Pembinaan Langat 2, kerana Kerajaan Selangor gagal melihat keperluan rakyat melepas ego politik mereka. Rezab bekalan air terawat Selangor kini hanya ada 2% sahaja dan mengakibatkan kehilangan pelaburan sebab kita punya peratusan bekalan air terawat ini kurang, saya difahamkan 700 syarikat berpotensi hilang ataupun keluar dari melabur di Negeri Selangor dan satu perkara yang saya nak kan kepastian apakah benar, ini saya nak tanya ni kepada Kerajaan Negeri apakah benar bil-bil elektrik *resource work* kita iaitu apa loji-loji takungan air terawat ini yang ada dalam Negeri Selangor ini bil-bil api dia tertunggak sebanyak 36 juta. Tolong jawab ini betul ataupun tidak. Ini sangat merbahaya kerana kita tidak mahu kalau betul keadaan ini, perbetulkan jangan sampai esok kerana bil tak berbayar, air tak keluar, lagi sekali rakyat menderita. Jadi tolong perhatikan dan *check* betul-betul benda ni kerana kalau betul perkara ini kita perbetulkan dengan secepat mungkin.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Adakah itu ugutan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tidak-tidak bukan ugutan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Macam ugutan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** saya meminta di *checkla*. Apa ni, saya suruh *checkla*..Tak faham-faham ini, Seri Andalas, nak jadi EXCO tak jadi EXCO, tu jadinya. Air tak keluar, tak keluar-keluar banyak ni, kita *relax, relax, relax*

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Macam ugutan. TNB berada di sebelah Putrajaya. Soalannya macam ugutan

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Batang Kali duduk kejap, kita cakap lepas itu bangun balik

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Jadi lagi satu perkara ni, satu perkara mengenai dengan memperbaiki dan menyelenggara lif.

**TUAN SPEAKER :** Kuang ok Kuang, Kuang, Kuang ok

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Kerajaan Negeri memperuntukkan 9.1 juta dari 2016 hingga 2018. 2016, 2.5 juta lepas itu 55 juta, lepas itu *Smart Life* tahun ni dah jatuh pulak jadi 12 juta. Pemberian dalam negeri, pertindihan ada juga ni di dalam pemberian dalam negeri. Saya tengok ada sedikit pertindihan kod peruntukan B02 dan B04 bagi kod 42000. Pada 2016, B02 Perbendaharaan Negeri perkhidmatan sebanyak kod 42000 sebanyak 81 juta 78 ribu dan 400 lebih dan pada B04 Perbendaharaan Negeri kod yang sama 42000 sebanyak 170 juta. Pada 2017, B02 Perbendaharaan Negeri perkhidmatan kod 42000 juga sebanyak 81 sama dengan 2016, 81078409 juta. B04 kod 42000, 120 juta. Dan pada 2018, kod B02, kod 42000 sama juga *figure* nya untuk Perbendaharaan Negeri dan Perkhidmatan iaitu 81 juta 078409 ribu. B04 Perkhidmatan Negeri kod 42 pun begitu lebih kurang. Jadi apakah ini satu pertindihan atau disengajakan jadi saya nak jawapan daripada YAB Menteri Besar. Dan mengenai dengan MARRIS sekali lagi, saya nak lihat apakah punca-punca kuasa undang-undang perkara 97 Perlembagaan Persekutuan Seksyen 17 jadual ke-8, Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri dengan sengaja menyembunyikan, bagi saya lah, ini sengaja disembunyikan pemberian kerajaan persekutuan bagi kod 82355 untuk Penyelenggaraan Jalan dan lorong MARRIS sejak pembentangan bajet 2012. Dalam Pembentangan Bajet 2018 angka peruntukan MARRIS untuk tahun 2016 dan 2017 adalah *backdated*. Ini di dalam laporan rasmi dewan undangan negeri dan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang Pembekalan. Jadi kita tengok baliklah yea, dan juga saya nak tengok nak bagitau dalam Pembentangan Bajet 2018, dinyatakan jumlah *backdated* peruntukan MARRIS pada 2016 iaitu sebanyak 3.2 billion, 2017 2.6 billion tapi dalam buku statistik jalan 2017 sehingga 2016 dalam negeri berdaftar dalam sistem MARRIS cuma 16 ribu 617 KM. Jadi dalam laporan Sinar Harian Online bertarikh 1 Ogos 2016, ada EXCO yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor menggunakan peruntukan MARRIS ini, tadi dah bagitahu dah untuk menampung Skim Ceria. Jadi benda-benda ini salah-salah guna macam ini diperbetulkan. Ini rumusan-rumusan saya supaya Skim Ceria adalah satu yang diwar-warkan, jadi Kerajaan Negeri kena urus mengikut perlembagaan. Saya minta sangat. Selain daripada itu YB Speaker, saya ada beberapa perkara nak bawa mengenai dengan tempat saya juga. Ini mengenai dengan PBT lah, mengenai dengan PBT ni, rungutan ataupun suara daripada peniaga-peniaga kecil di dalam kawasan saya. Saya faham, Kerajaan Negeri ataupun PBT cuba nak menaikkan status Majlis Daerah kepada Perbandaran Negeri di Hulu Selangor. Saya ada dengar cerita itu, tetapi dalam

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

masa yang sama *to the expand to the people* ataupun peniaga-peniaga kecil ni banyak di antara gerai-gerai mereka telah diroboh dan ada pulak yang dipindah-pindahkan ke tempat-tempat yang akhirnya tidak membawa kesan pendapatan yang baik kepada mereka. Saya ambil satu yang sangat kritikal, atau yang baru-baru ini saya dipanggil sebagai selaku ADN,saya dipanggil untuk bertemu dengan kumpulan peniaga-peniaga ataupun peniaga-peniaga kecil ni di kawasan Liga Mas ataupun Bandar Baru Batang Kali. Mereka telah diarah berpindah ke satu tapak berdekatan dengan pasar Batang Kali kerana kononnya tapak asal itu kotor dan rakyat membantah. Tetapi bila saya bertemu dengan mereka malam kelmarin dan saya sendiri memerhatikan tapak lama itu ada pulak penghuni-penghuni baru yang mempunyai access pelanggan yang lebih baik dan merupakan satu kawasan yang sesuai kalau kita betul-betul jadikannya sebagai satu tapak untuk peniaga-peniaga kecil. Kerana mereka di situ mempunyai pelanggan yang besar dibandingkan dengan peniaga-peniaga kecil yang berpindah ke pasar. Sekarang ini di pasar itu sendiri dah tinggal 10 je lebih daripada yang disuruh keluar sebelum ini untuk berpindah ke sana. Kerana tak boleh jual, jalan raya besar dekat, tak boleh nak *park* kereta sesuka hati, tambah-tambah kalau waktu malam, kalau tak ada cahaya yang terang di situ sangat merbahaya dan selalu sering mendapat kemalangan ataupun *accident* di sana. Jadi saya minta sangat Kerajaan Negeri, PBT untuk melihat keadaan peniaga-peniaga ini bagilah mereka kelonggaran dan diperelokkan tempat mereka bermiaga di kawasan asal mereka itu. Bagilah, buatlah tempat yang elok dan bagikan peraturan-peraturan yang *reasonable* untuk mereka bermiaga di situ. Dan begitu juga di kawasan-kawasan Bukit Sentosa sana, saya faham orang-orang kita masih lagi mencari-cari tapak untuk meningkatkan pendapatan mereka. Jangan kita aniaya mereka di dalam keadaan untuk mencari makan. Ini satu perkara yang saya minta supaya diberi perhatian. Begitu juga dengan masalah sampah di dalam kawasan saya. Dan saya dah pernah bagitahu saya ini pagi-pagi suka juga *jogging* di tempat riadah terutamanya di kawasan-kawasan yang dibekalkan oleh PBT sebagai kawasan untuk *berjogging* dan sebagainya. Tolong tengok keadaan sampahnya, tolong tengok dia punya jadual pungutan sampahnya, tolong tengok rumput-rumputnya tu, jangan jadi sarang ular pun tak nampak. Jadi, benda-benda ini tolonglah di situ tempat kita memberi rakyat beriadah tetapi kita tak *keep* ataupun tidak menyempurnakan dia punya menyelenggara perkara itu dengan baik. Jadi itulah Yang Berhormat Speaker beberapa perkara yang saya nak utarakan kepada Dewan dan diharap segala yang saya bangkitkan itu mendapat perhatian dan mendapat pembetulan di mana yang mereka boleh buat pembetulan. Terima kasih Puan Yang Berhormat Speaker.Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER : Sekinchan**

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, YAB Dato' Menteri Besar, dia ke Pulau Pinang, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan Kakitangan Kerajaan serta pada Pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam ubah serta reformasi untuk semua. Dalam dewan yang mulia ini, Sekinchan ingin turut serta dalam membahaskan Belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada Persidangan Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13 ini. Belanjawan Selangor sudah dibentang, semua rakyat dapat perhatian. Golongan OKU juga tidak ketinggalan, suri rumah pun dapat RM200 setiap bulan. Sebelum saya teruskan dalam perbahasan saya, saya mendengar tadi sepantas lalu perbahasan daripada wakil Ketua Pembangkang iaitu Penyelaras dari Batang Kali. Saya agak kesal kita sudah 5 tahun dekat 5 tahun nak hampir pilihan raya sebagai pembangkang, sampai hari ini tak ada wakil pembangkang yang boleh berani menyahut cabaran sebagai ketua pembangkang di dewan yang mulia ini. Ini satu, sesuatu yang pelik, tak pernah berlaku kerana ada jawatan tersebut sudah disediakan tetapi mereka orawani dengan izin tidak berani menyahut cabaran. Yang kedua saya cukup hairan, Batang Kali sudah diberi tiga kali berturut-turut peluang oleh Tuan Speaker sebagai wakil Penyelaras Ketua Pembangkang di dalam dewan, dia sendiri pun tak tahu, dia kata sekali, kalau lah di soal ini pun dia *confuse*, tak tahu, ini maknanya, prestasi pembangkang di dalam dewan yang mulia ini. Rakyat boleh tengok sedirila bagaimana ni caranya mereka. Bajet sebahagian bajet pun dia tak tahu, takpe ini yang kedua. Yang ketiga, saya nampak banyak penyataan-penyataan ketua pembangkang ataupun pembangkang di dalam dewan ini untuk jawatankuasa-jawatankuasa lesu. Mereka tidak tampil tak mahu hadir, jawatankuasa seperti yang saya ketuai PAC saya bagi contohlah, saya cakap dengan fakta bukan auta, 5 6 kali 7 8 kali mesyuarat, tak adapun wakil pembangkang. Mereka tak minat. Tuan Speaker saya hairan kenapa wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat jadi pembangkang dan diberi amanah oleh dewan yang mulia ini sebagai ahli jawatankuasa PAC ke Pilihan ke yang jawatankuasa lain wajib mainkan peranan, hendak tak hendak kena, kalau tak hadir sekali dua bolehlah kita terima sakit, uzur, pergi keluar negara, kahwin dan sebagainya pun tak datang tak per itu kita terima kahwin ke Bali ke mana tak apa. Itu kita terima tapi kalau berturut-turut 5,6 kali rakyat tak akan terima kalau 5, 6 maknanya dia ponteng, ponteng *orak teko* (bahasa jawa) jadi ini lah yang saya nak minta Tuan Speaker catat dalam dewan tak nak hadir, tak minat dan sebagainya kalau macam itu saya mohon rakyat di luar di Selangor yang bijaksana, orang-orang seperti ini dah tak nak peranan biarlah kita ucapkan selamat tinggal, kepada mereka tak perlu lah dipilih sebagai Wakil Rakyat sebab tak nak berperanan dah bagi peluang pun tak nak dan inilah. Yang saya nak tegaskan di sini kepada Tuan Speaker bagaimana rakyat nak yakin Negeri Selangor ini bukan mudah negeri Selangor negeri maju *Smart State* kita pihak wawasan yang tersendiri kita menjaga rakyat lebih daripada 6juta jadi kalau nak pilih orang-orang seperti ini, mengetuai kerajaan ini satu malapetaka saya fikirkan oleh sebab itu saya minta lah rakyat tengok betul wajah

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

sebenar pembangkang yang tidak mahu berperanan dan lesu bila Dewan Yang Mulia ini. Tuan Speaker terlebih dahulu saya ingin mewakili dan seluruh teman-teman Yang Berhormat serta rakyat Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas YAB Dato; Menteri Besar kerana telah berjaya membawa Negeri Selangor terus maju ke hadapan dengan lebih cemerlang sebagai peneraju ekonomi Malaysia. Dan sekali gus menjadi model serta contoh kepada negeri-negeri lain termasuk Putrajaya. Pertumbuhan ekonomi yang rancak dan kukuh pembangunan negeri yang mampan serta pentadbiran yang telus amanah berintegriti negeri Selangor terus mengorak langkah menuju satu gagasan sebagai negeri pintar atau pun *Smart State* menjelang tahun 2025. Berkat usaha semua pihak khususnya barisan kepimpinan negeri yang diketuai YAB Dato' Menteri Besar, barisan EXCO yang budiman yang bijaksana para kakitangan yang sentiasa bekerja kuat melontarkan idea-idea yang bernalas merupakan aset dan faktor yang penting untuk membawa Selangor merealisasi impian dan matlamat seperti apa yang dicadangkan.

Keadaan iklim politik yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh telah berjaya memberi keyakinan yang tinggi kepada para pelabur asing dan domestik. Untuk terus memilih Selangor sebagai destinasi pelaburan yang utama dan strategik untuk mereka. Butiran pelaburan yang terkini seperti yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar sehingga 31 Disember 2016 Selangor telah berjaya memperoleh pelaburan sebanyak 7.8billion dan jumlah ini melebihi sasaran, tarikan pelaburan yang ditetapkan pada tahun 2016 iaitu 6billion.

Pada masa yang sama Selangor terus tunggu merupakan penyumbang KDNK Luar Negara Kasar yang tertinggi di Malaysia iaitu 22.7peratus bersamaan dengan 251.6billion pada tahun 2016. Angka ini meningkat 1 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2015 iaitu 240billion dalam konteks ini saya ingin nyatakan di sini di mana pembangunan Selangor begitu pesat sehingga setiap ringgit yang kita belanjakan hampir 25sen adalah disumbangkan oleh rakyat Malaysia. Ini lahir kekuatan negeri Selangor dalam konteks ini pihak pembangkang wajar menerima hakikat dan bahawa negeri Selangor memang merupakan menyumbang KDNK yang tertinggi di Malaysia sebaliknya bukan cemburu dan cuba memperlekehkan kehebatan negeri Selangor dengan seribu satu macam alasan. Tahniah dan syabas kepada YAB Dato' Menteri Besar atas pencapaian dan kejayaan tersebut saya berharap agar kecemerlangan ini mesti di terus dikekalkan dan sekali gus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang bagi menjamin pembangunan yang mampan dan kesejahteraan hidup seluruh rakyat negeri Selangor. Tuan Speaker, walaupun banyak serangan dan asakan bertubi-tubi terhadap Kerajaan Negeri Selangor yang sengaja dirancang oleh pihak pembangkang UMNO, Barisan Nasional namun, berkat kekuatan muafakat kepimpinan kebijaksanaan YAB Dato' Menteri Besar telah berjaya mengharungi berbagai-bagai rintangan, ujian,

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

serta cubaan untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Selangor. Dengan berbagai cara yang kotor, jijik, dan tidak demokrasi. Pihak pembangkang yang disokong oleh Ketua Direktorat di Putrajaya cuba menggunakan kekuatan fulus, wang ringgit sebagai habuan dan tarikan oleh mereka yang juga oleh mereka dan juga menggunakan segala instrumen kerajaan Persekutuan termasuk penguasaan media harus perdana seperti TV3 suku dan Utusan Meloya untuk menyerang Kerajaan Negeri Selangor tidak putus-putus mereka menyerang. Contoh baru-baru ini pada 16 hari bulan September iaitu hari Sabtu telah diheboh-hebohkan di uar-uarkan akan ada satu sidang media dan pengumuman yang sangat penting terlalu penting sehingga semua Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO wajib datang. Dan juga pada ketika itu lawatan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Zahid Hamidi pergi ke Perlis terpaksa dibatalkan untuk pulang menghadiri mesyuarat tersebut. Yang akan dibuat oleh Perdana Menteri Dato Seri Najib Tun Razak pada hari Ahad iaitu satu hari sebelum itu, bersamaan 17 September jam 4.30 petang saya masih ingat di mana, di Ibu pejabat UMNO. Susulan itu berbagai-bagai spekulasi berbagai-bagai berita unsur fitnah dan sebagainya telah tular di dalam media sosial bahawa ada kemungkinan Kerajaan Negeri Selangor akan jatuh dan dirampas oleh UMNO Barisan Nasional kerana ada 8 orang melompat. Saya diberitahu pada ketika itu 8 orang ramainya dikatakan ahli-ahli PKR, Adun daripada PKR saya nak tanya Kota Anggerik lompat ke tidak.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan Sungai Burong minta penjelasan, Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Kota Anggerik melompat-lompat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Anggerik yang bijaksana dia selalu melompat-lompat parti ada

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Itu semua cita-cita rekaan orang sebelah sana, palsu-palsu

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan, Sungai Burong.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sungai Burong.

**Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya di mana yang Sekinchan dapat cerita ini. Buat cerita rekaan yang menyatakan bahawa ada nak tarik sebenarnya rekaan ini mungkin juga direka-reka oleh Pakatan, nak menunjuk bahawa sekarang dia telah kehilangan orang telah diterima kita pun nak tanya mengapa Pakatan ini dulu, jadi macam orang kata sangkaan terima jer, dulu orang ini dalam UMNO ya, dah tu dia nak melompat ke

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Pakatan, kemudian itu Pakatan dengan seronok menerima orang ini, lompat dan ramai yang melompat ini yang melompat-lompat jadi apakah Pakatan ini memang kagum untuk menerima lompat-lompat katak ini kita nak tanya?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong, Sungai Burong ini sepatutnya Ketua Pembangkang tapi kenapa dia tak berani terpaksa lepaskan jawatan Ketua Pembangkang saya pun pelik

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya minta

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta arahan daripada Noh Omar, akur dengan arahan Noh Omar, Noh Omar surah dia jangan, dia jangan dia akur dengan Noh Omar, ini saya rasa masalah besar

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker saya minta penjelasan, ini semua kaki pembohong

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kenapa, saya cuma

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Hari ini

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya lontarkan pertanyaan, kenapa tak berani ketua pembangkang, kalau dulu jadi Ketua Pembangkang elok jer.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ini pembohong

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Baru beberapa bulan ada kereta, ada pemandu elok jer

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ini pembohong

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tetiba ada tangan ghaib datang. Suruh berhenti pulangkan kereta dia gigil

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan speaker

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : tak tahu kenapa dia gigil dengan Noh Omar dia Menteri Udang, juga

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Sangkaan Jahat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya nak teruskan

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan sila teruskan, jangan ada sangkaan jahat terhadap Sungai Burong.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF**: Tuan Speaker mohon mencelah,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya bagi Dengkil dulu, sebab Dengkil dia bakal menggantikan Ketua Pembangkang di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF** : tak minat Ketua Pembangkang, kerusi sebelah sana. Terima Speaker membenarkan saya untuk bertanyakan kepada Sekinchan. Sekinchan ini rupa-rupanya dia begitu prihatin tentang keadaan politik UMNO sampai Majlis Tertinggi berkumpul UMNO Selangor berkumpul dia tahu semua. Jadi memang begitu fokus la. Jadi saya nak tanya Sekinchan ramai di kalangan pemimpin ini yang keluar daripada UMNO lepas itu dia keluar dia masuk Pakatan lepas tu dia kembali insaf bila dia tengok Pakatan dia kembali insaf kembali ke pangkal jalan masuk balik kepada UMNO tapi di peringkat DAP sendiri bila DAP dulu lemah ini pertanyaan bila DAP dulu lemah, Sekinchan dengar dulu, ramai yang ada keluar daripada DAP tetapi sekarang ini bila DAP kuat sikit tapi kenapa macam pemerintah-pemerintah dahulu tidak masuk DAP ya dia tak masuk balik DAP macam, Lee Lam Thai dulu DAP dia keluar selepas tu dia tak masuk balik kepada DAP tapi orang UMNO ini bila dia kembali ke pangkal jalan di masuk balik UMNO jadi boleh Sekinchan terangkan kenapa orang tak masuk DAP walaupun DAP ada sikit taring. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, kepada Yang Berhormat Dengkil yang melontarkan pertanyaan saya nampak Dengkil telah semakin cemerlang dalam pertanyaan-pertanyaan namun sudah menyambung kesinambungan untuk bersedia siapa sedia Ketua Pembangkang akan datang. Saya doakan dengan izin dan saya nak jawab persoalan tadi Dengkil ya mengenai kenapa orang UMNO melompat-lompat ini sifatnya sifat dulu kini dan selamanya. Dan kadang-kadang dia boleh lompat balik sebab kuasa dedak, fulus dia bukan insaf kalau masuk UMNO bukan insaf sebab ada sesuatu *cash is king* kalau kena dedak dah lain cakap sekarang kat Dewan Rakyat tiba-tiba

**Y.B. DATO' JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Speaker, tahun lepas, sidang lepas, dia ulang cakap fasal dedak lagi Speaker

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** dedak itu ayat dalam bahasa Melayu, Tuan Speaker saya dah balik *check* Dewan Bahasa dan Pustaka dan semua *check* bahasa dedak tidak ada sangkaan jahat. Ayat itu memang betul itu tiada sangkaan dedak

**Y.B. DATO' JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Dewan bahasa kata dedak makanan binatang

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kalau tak nak dengar perkataan dedak kita kena tukar apa kamus Dewan Bahasa

**Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Ais krim. Makan ais krim ada dalam kamus tak

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Itu saya tak tahu

**Y.B. DATO' JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Kalau kami timbulkan ini

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya tak bagi Semenyih, Semenyih tiba-tiba bangun kenapa ini, tak tertib dalam dewan.

**Y.B. DATO' JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Perkataan dedak jangan gunakan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Haa alamak Semenyih ini belum ada ketokohan Ketua Pembangkang yang ada Dengkil

**Y.B. DATO' JOHAN BIN ABD AZIZ :** Sebenarnya bukan tak ada tokoh, tunggu tahun depan engkau jadi pembangkang

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak apa itu lain cerita kita tengok dulu,

**Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Tuan speaker boleh minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Jadi nak penjelasan lagi ok la sebab Sungai Burong ini sebelah saya dia ok lah kita orang lama kita bagi

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Ini sebab aiskrim

**YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Soalan saya tak jawab

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan speaker oleh sebab makan aiskrim ini timbulkan di Semenyih saya nak tanya dengan Sekinchan kalau

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

misalnya Sekinchan boleh gunakan perkataan dedak ini boleh tak kita gunakan perkataan makan aiskrim sebab hari ini banyak kita lihat orang makan aiskrim dalam tandas pun makan aiskrim bukannya kawasan di dalam tempat makan kita nak tanya kalau boleh tak apa lah nanti kita sama-sama gunakan perkataan dedak dan kita gunakan perkataan makan aiskrim kalau tidak kita jangan sebut makan dedak jangan makan aiskrim kalau tak nak perkara ini membangkit-bangkit dan timbul.

**TUAN SPEAKER:** Perkataan apa yang nak digunakan kena ada kaitan dengan Belanjawan kalau ada kaitan dengan Belanjawan saya benarkan teruskan Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Tuan Speaker,

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Penjelasan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Senior Exco kita

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya Tuan Speaker saya baru semak dengan kamus Dewan Bahasa dedak maksudnya kulit padi yang menjadi serbuk ketika padi tumbuk jadi saya nak tahu kenapa ini menjadi sensitif kepada pembangkang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Nak tanya ada ke manusia makan kulit padi. Tak berkaitan dengan belanjawan. Speaker dah cakap tadi.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Ada kait ke dengan belanjawan kulit padi boleh makan ke? Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kenapa tiba-tiba sana pula?.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Tapi aiskrim boleh makan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kalau hendak bagi padi hendakkan dedak, bagi lagi hendakkan gendak. Itu peribahasa. Orang yang suka menolak pemberian yang baik dan lebih suka membuat pekerjaan buruk. Kenapa dia sensitif sangat dengan dedak ni. Ia pemberian. Mintak dedak dengan orang yang mengumpet.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** YB EXCO, dedak tu hanya dimakan oleh binatang. Boleh makan dedak?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kamus, ini kamus. Saya tengok kamus.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Sekinchan tolong teruskan perbahasan belanjawan.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasihlah. Ini peribahasa baru dalam dunia globalisasi dan dunia IT tapi oleh kerana ramai yang makan cili padi dia rasa pedas. Kena tempias pedas. Aduh. Pedas bangat. Dengan izin pedas bangat. Terasa. Biar dia terus terasa dulu, kini dan selamanya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Minta penjelasan boleh Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Cukuplah saya rasa kena perlu ke depan sebab saya dah bagi banyak peluang tak macam Batang Kali, Batang kali kata apa. Tak boleh. Tak boleh. Nak jadi ketua pembangkang. Tak boleh. Jadi isu yang diwarwarkan pada ketika itu Tuan Speaker semua satu dunia tahu bukan saya yang prihatin kita tengok mana berita hari itulah satu hari sebelum PC itu dibuat heboh seantero dunia kononnya Selangor ini akan jatuh dan sebagainya 8 orang Ahli Dewan Negeri akan lompat dan sebagainya dan semualah telah dirancang dengan teliti dan diketuai oleh seorang mantan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Taib atau nama samarannya Mike Tyson. Mereka nak bawak semua untuk bersama UMNO dan Barisan Nasional dan jatuhkan Kerajaan Negeri dengan cara yang tidak demokrasi. Ini berlaku pada ketika itu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Minta penjelasan boleh. Haa macam tu la kawan. Yang Berhormat sebut pasal 16 September katanya nak buat PC kononnya nak mengubah Kerajaan Negeri Selangor, saya nak tanya Yang Berhormat 16 September yang diwarwarkan satu dunia tu Anwar Ibrahim tu. Ingat 16 September nak ubah kerajaan Malaysia. Nak beli 30 Ahli Parlimen termasuk yang kejar Bukit Lanjan. Pergi ke Taiwan nak kejar 30 Ahli Parlimen tau. Ini jadi perbahasan dunia tau. Bukan 16 September yang Yang Berhormat sebut itu orang nak masuk UMNO tak ada isu pun. 16 September yang Anwar Ibrahim konon nak tukar kerajaan Malaysia tidak demokratik itu sebenarnya yang patut Yang Berhormat sebut. Ingatkan kawan-kawan itu. Bukan pasal UMNO. Ini yang saya minta komen.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Saya nak tegaskan di isu yang berlaku pada 16 September baru-baru ini . rakyat tertanya-tanya kenapa tiba-tiba Selangor yang stabil ada orang war warkan daripada pihak UMNO daripada cybertopper sekarang UMNO ada 3800 cybertopper dan sebagainya. Diberi umpan dan sebagainya untuk nak jatuhkan Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya nak cakap yang 16 September yang Anwar Ibrahim warwarkan itu...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak jawab ini dulu. Jadi perkara ini berlaku rakyat rasa kenapa tiba-tiba berlaku perkara ini. Ini tujuan pembangkang untuk mengukur-kacirkan dan membuat rakyat resah berkenaan dengan sebaran tersebut. Pada esoknya apabila orang menanti punya menanti sampai ke negeri Sembilan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kawasan Menanti jam 4.30 saya pun tanya mana ADUN kita hilang betul ke tidak saya pun call tengok Kampung Tunku masih ada, Rawang pun ada. Syukur Alhamdulillah. Tak pergi Taiwan. Dia tetap balik ke Malaysia dan saya contact lagi Yang Berhormat Andalas sentiasa ada dan tidak ada masalah. Yang lain-lain saya tengok semua ada. Ijok ada, Ijok ini saya tak tau Yang Berhormat Ijok ni. Setiap kali ada spekulasi naik dah berkali-kali dalam 5 tahun Ijok mesti dalam ranking. Saya nanti nak tanya ni kenapa ni Ijok. Boleh Ijok bagi penjelasan kena sentiasa ada dalam ranking nak lompat ini. Kenapa dia tak sebut Sekinchan. Dia tak sebut yang lain. Dia sebut Ijok. Kota Anggerik satu lagi. Saya nak bagi tahu Tuan Speaker, satu lagi serikandi kita Batu Tiga. Yang Berhormat Batu Tiga juga selalu dalam ranking. Kenapa? Saya tengok dia ni istiqomah dalam perjuangan tapi macam mana boleh gugur ni. Jadi saya minta UMNO tak payah la. Buang masa je. Kami ni istiqomah dalam perjuangan.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Sekinchan. Terus kepada bajet belanjawan kita.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Yang Berhormat ini merapu-rapu je kerjanya dengan cerita-cerita rekaan. Buat pembohongan dalam dewan yang mulia ini. Tidak ada bukti.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Sekinchan. Terus kepada bajet belanjawan kita.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Sekinchan, 16 September tu tak jawab pun lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak teruskan tapi dia banyak ganggu jadi tak boleh nak jawablah. Kita tak pergi Taiwan, mana 8 orang semua ada di sini. Jadi saya nak bagi tahu Tuan Speaker bahawakekayaan negeri Selangor kita sekarang telah rizab punya 3.24 bilion dan mereka ada daripada UMNO Barisan Nasional dan orang-orang tertentu mereka idamkan ini 3.24 rizab sebab mereka dah lama dah idamkan. Kita tahulah Menteri KPPT dan sebahagian daripada geng-gengnya mereka cukup berminat bukan apa nak bela rakyat. Tidak. Mereka tahu Selangor kaya jadi mereka terus nak menekankan kadar-kadar tertentu seperti di Perak dan sebagainya nak rompak tapi ini tidak akan Berjaya. Ini kita kena waspada. Saya nyatakan dalam dewan dalam perbahasan ini belanjawan sebab kita kena waspada. Kita waspada. Berhati-hati sentiasa jangan kita leka. Waspada. Sentiasa berhati-hati kerana mereka ini banyak tipu muslihat. Tuan Speaker, satu lagi faktor penting pencapaian yang mendorong pencapaian kemajuan negeri Selangor yang tercinta ialah khidmat para penjawat awam yang memberi kerjasama yang padu, membantu Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam konteks menjayakan semua dasar-dasar perancangan yang ditetapkan dan memastikan kelangsungan sistem penyampaian yang berkesan dan sekali gus melicinkan sistem pentadbiran negeri dengan meningkatkan kualiti sistem pentadbiran perkhidmatan yang efektif saya yakin dan percaya berkat semangat

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kerjasama sebagai satu pasukan yang mantap dan kepercayaan kepada kepimpinan negeri Selangor akan terus mencipta berbagai kejayaan dalam semua aspek ekonomi sosial kebajikan dan sebagainya. Tambahan pula pengurusan kewangan yang berhemah dan tertib serta tidak boros juga merupakan faktor kekuatan yang dimiliki oleh negeri Selangor. Bagi menuju kecemerlangan pentadbiran negeri dan kedudukan kewangan yang kukuh membolehkan Kerajaan Negeri Selangor menumpukan pembangunan negeri tanpa perlu mengharapkan Ehsan daripada kerajaan persekutuan. Walaupun jumlah peruntukan belanjawan negeri tidak sebesar di peringkat Putrajaya namun berkat kekuatan dan keupayaan pengurusan kewangan yang berhemah, negeri Selangor terus mendahului negeri-negeri lain dalam konteks pelaksanaan program dan bantuan kebajikan kepada rakyat jelata. Menerusi program peduli rakyat ataupun inisiatif peduli rakyat IPR seperti apa yang kita sedia maklum 42 program IPR yang dilaksanakan sejak 2008 yang lalu telah mendatangkan banyak kejayaan dan sambutan yang baik oleh rakyat seperti skim mesra usia emas, tabung warisan anak Selangor, hadiah anak masuk universiti, pemberian air percuma, insentif perkahwinan belia, bas percuma Smart Selangor, dan lain-lain lagi. Banyak sangat kalau saya nak huraikan. Panjang. 40 lebih. Tuan Speaker, sehingga pihak pembangkang pun lambat, lempap mengikuti perkembangan program IPR Selangor kadang-kadang mereka pun tak tahu apa yang Selangor buat mereka pun kucar kacir, confuse tidak tahu apa program kita buat. Setelah meneliti memperhalusi kandungan belanjawan berhemah dan bertanggungjawab yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar pada Jumaat yang lalu bertemakan membangun bangsa memakmur negeri, belanjawan negeri Selangor 2018 ia mengandungi semua aspek ekonomi, pendidikan, pembangunan wanita, modal insan, pembangunan belia, seni, kebudayaan, kebajikan rakyat dan sebagainya. Yang diperlukan untuk meneruskan kesinambungan pembangunan negeri Selangor kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar Dato Seri Azmin Ali terus bekerja kuat dan terus mengorak langkah dan berbagai-bagai tindakan yang berani dan berwawasan serta dengan sentuhannya yang berjiwa rakyat, mesra rakyat, peduli rakyat dan sering terjah kelapangan mendengar rintihan permasalahan rakyat sebagai seorang pemimpin yang berjiwa rakyat, mempunyai wawasan dan berpandangan jauh. Rakyat menaruh harapan dan menanti pembelaan perubahan yang bakal dilakukan menerusi berbagai-bagai rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang bersesuaian dengan status pencapaian negeri Selangor sebagai negeri maju maka langkah seterusnya adalah memperkasakan bagaimana untuk memperkasakan pentadbiran dan pembangunan negeri Selangor dengan perancangan yang lebih sistematik dan holistik. Di samping kekal sebagai peneraju ekonomi Malaysia yang dinamik dan inovatif bagi merealisasikan matlamat gagasan Smart Selangor 2025 yang pertama di Malaysia.

Tuan Speaker, belanjawan 2018 yang memperuntukkan sejumlah RM3.120 bilion belanjawan 2018 ini belanjawan rakyat. Menerusi kesinambungan pengurusan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kewangan yang berhemah dan fokus kepada pembangunan seperti apa yang dipraktikkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar sejak tahun 2004 di mana peruntukan pembangunan adalah lebih besar daripada peruntukan mengurus sejumlah besar RM1.66 bilion atau 53.2% peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan. Manakala RM1.46 bilion ataupun 46.8% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 peruntukan pembangunan telah meningkat 1% seperti KDNK kita juga 1%. Dan ini bermakna kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar bersungguh-sungguh menekankan aspek perbelanjaan penjimatan dan penjanaan pembangunan ekonomi Selangor demi kepentingan dan harapan rakyat yang dahagakan pembangunan. Saya amat tertarik dengan belanjawan kali ini yang tidak mengambil kira soal populariti, soal populis dan faktor pilihan raya yang bakal tiba yang ke 14 ini. Sebaliknya belanjawan rakyat 2018 ini sangat berhemah dan bertanggungjawab dari segi jumlah peruntukan berkurangan jika dibandingkan dengan tahun yang lalu. Iaitu RM3.45 bilion tahun 2017 ini. Memandangkan banyak projek pembangunan infrastruktur yang besar seperti projek Mitigasi 2 yang menelan belanja RM328 juta telah siap pada 28 April 2017. Manakala Loji Rawatan Air Semenyih 2 bernilai RM188 juta dijangka siap pada bulan Disember 2017. Sementara itu projek pembinaan jambatan Klang Ketiga yang menelan belanja RM250 juta telah siap dibina dan mula beroperasi pada 15 Jun 2017. Untuk maklumat dan rekod dalam dewan yang mulia ini sepatutnya kalau Jambatan Klang ini kerajaan belanja RM250 juta sepatutnya RM250 juta ini perlu ataupun wajib ditanggung oleh kerajaan persekutuan bukan Kerajaan Negeri. Ini adalah bidang kuasa kerajaan persekutuan. Namun oleh sebab disebabkan dalam pilihan raya ke 12 walaupun saya selalu berulang di sini walaupun cangkul sudah dibuat perasmian telah dibuat oleh Mantan Menteri Besar dari Sungai Panjang dulu bukan Sungai Panjang sekarang bersama Samy Vellu dan juga rakan-rakan yang sewaktu dengannya pada ketika itu tetapi apabila lepas pilihan raya, mereka kalah di Selangor, mereka tidak menunaikan janji. Walaupun di peringkat Putrajaya, Tuan Speaker mereka masih memerintah, tanggungjawab mereka, mereka tidak mahu buat. Kenapakah begitu? Sebab mereka menindas menghukum rakyat. Hah, inilah wajah dan sikap sebenarnya UMNO dalam konteks ini. UMNO, Barisan Nasional bagaimana sebuah kerajaan yang kononnya berpengalaman pandai mengurus dah 60 tahun di Putrajaya, janji kepada rakyat pecah tanah dengan lorinya, tetapi akhirnya tidak melakukan kerja dengan janjinya ditepati. Inilah sikap sebenarnya Pembangkang. Jadi tidak apa, oleh sebab mereka tidak boleh buat, mereka cakap tak serupa bikin, mungkir janji, berdusta, Kerajaan Negeri Selangor kita ambil tanggungjawab. Kita ambil tanggungjawab, kita buatkan jambatan ke-3 Klang. Jambatan ke-3 Klang yang mana Kg. Delek dan Selat Klang ya, tak ada oh Sungai Pinang tapi ada sambung pergi ke Kg. Delek. Dari Sungai Pinang dia pergi ke Selat Klang semua dapat. Pembangunan di sini dan rakyat mengucapkan terima kasih kerana Negeri Selangor ambil tanggungjawab, kita tidak lepaskan tanggungjawab. Ini

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

cara Negeri Selangor, kenapa sekarang ini rakyat mengharapkan Negeri Selangor kerana Negeri Selangorlah harapan Malaysia. Negeri Selangorlah contoh dan harapan Malaysia, ini Negeri Selangor ya. Tuan Speaker, contoh-contoh pembangunan yang berskala besar telah berjaya disempurnakan oleh Kerajaan Negeri Selangor maka perancangan Belanjawan 2018 kita menzahirkan kekuatan kewangan dan pengurusan yang bertanggungjawab demi kepentingan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, kalau dikira daripada segi kekuatan kedudukan kewangan semasa dan rizab negeri yang kukuh. Jika kita mampu berbelanja lebih besar bukan 3.120 saja kita boleh buat lebih besar. Selangor kita ada rizab tapi walaupun kali ini kita mengalami defisit RM870 juta, Kerajaan Negeri tetap berupaya melakukan penjimatan secara berhemah menerusi dasar penilaian perolehan secara *cut off* sejak tahun 2015. Dasar ini dilaksanakan bagi menilai semua tender dan sebut harga yang dipelawa secara terbuka. Langkah dan kaedah ini dilakukan dengan telus dan berintegriti. Justeru itu Kerajaan Negeri telah memperoleh penjimatan sebanyak RM432.4 juta dengan sistem *cut off* ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa banyak kelebihan sistem *cut off* akan tetapi ia juga mempunyai kelemahan yang wujud disebabkan terdapat kumpulan-kumpulan tertentu yang memonopoli lesen-lesen kontrak, kontraktor di sesuatu kawasan, di sesuatu PBT dan menggunakan ruang yang ada untuk membuat tender-tender secara pukal. Mereka membeli tender sekali RM100, RM200 mereka buat pukal RM300 mereka buat dan disusun dengan angka-angka yang sangat rapat, sangat rapat dengan harapan dapat menguasai semua tender yang berada dalam sistem *cut off*. Ini yang saya nampak dan saya perhatikan dengan cara sedemikian harapan dan peluang kumpulan tersebut mendapat bidaan dan tawaran tender tersebut adalah sangat tinggi. Sesungguhnya perkara tidak adil kepada kontraktor-kontraktor yang berskala kecil untuk bersaing dengan mereka. Lantaran itu saya ingin mengesyorkan kepada Dewan yang mulia ini, kepada Kerajaan Negeri Selangor agar satu kajian yang terperinci dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti kelemahan yang timbul bagi tujuan menambah baik sistem tersebut pada masa akan datang. Kita mahu tender-tender perolehan secara terbuka ini kita dapat salurkan kepada mana-mana peniaga-peniaga usahawan-usahawan kecil mereka mendapat tempias dan juga peluang untuk mereka bekerja dan melatih sebagai kontraktor.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan Pembentangan Bajet Putrajaya yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib baru-baru ini. Kalau kita buat perbandingan Belanjawan 2018 Negeri, kita kena buat perbandingan sebab ada orang selalu mengatakan ah, tak ada pun perbezaan pun, sama tapi saya kena beritahu perbezaan. Bajet Putrajaya memang wujud perbezaan yang sangat ketara. Belanjawan rakyat Negeri Selangor sangat berhemah

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dan berpaksikan kekuatan serta kemampuan kedudukan kewangan semasa. Kita berdasarkan kedudukan kewangan semasa. Manakala Perdana Menteri Dato' Seri Najib yang membuat pembentangan bajet Putrajaya yang tidak bertanggungjawab hanya reti menabur manisan gula-gula pilihan raya kepada rakyat tanpa memikirkan implikasi kewangan dan kemampuan semasa. Kita sedia maklum bahawa kedudukan negara dewasa ini sangat kritikal bahawa hutang negara yang bertimbun sehingga mencecah 885.1 bilion. Manakala faedah hutang yang ditanggung, hah ini penting Tuan Speaker, faedah hutang yang kita semua terpaksa Selangor rakyat Selangor semua ya kena tanggung adalah 3.08 bilion untuk bayar hutang itu saja, faedah saja. Selangor bajet 3210 ini bayar hutang pun 308 hampir satu tahun perbelanjaan belanjawan Negeri Selangor, ini bayar faedah saja. Inilah begitu tempang sekali kita nampak ya. Belum cukup dengan itu, pembentangan defisit Putrajaya sudah berturut-turut 21 tahun. Saya tak tahuhah tak pernah nampak perbelanjaan yang tak defisit, sepatutnya Dato' Seri Najib dan UMNO, Barisan Nasional patut berasa malu terhadap keadaan pengurusan kewangan negara yang tempang, boros dan sentiasa mengalami ketirisan. Walau bagaimanapun, mereka jenis tidak malu masih boleh berbangga dan heboh di sana sini bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri sebagai ibu kepada segala bajet. Saya nampak skandal kepada segala bapa kepada segala skandal adalah. Dewasa ini rakyat dah cerdik dan bijak membuat penilaian dan perbandingan bagaimana kedudukan kewangan yang kritikal boleh membentangkan bajet yang begitu besar. Jumlahnya iaitu 280.25 bilion, jumlah defisit ialah 40.3 di peringkat Putrajaya. Inilah perbandingan yang saya hendak sebutkan. Sementara itu lebih parah lagi pengurusan perbelanjaan mengurus terus mengembang dan meningkat mencecah 84% iaitu 234.25 bilion. Manakala peruntukan pembangunan hanya, hanya Tuan Speaker, hanya 16% sahaja iaitu 46 bilion. Persoalannya bagaimakah sebagai sebuah negara yang sedang membangun peruntukan pembangunan dalam Bajet 2018 hanya 16% iaitu 46 bilion. Sudah tentulah ya, kalau kita bandingkan dengan Selangor, kita 53 ini baru 16. Sekali nampak rakyat dah faham. Siapa cekap, siapa pintarlah mengurus ekonomi, sekali saja kita membuat perbandingan ya, Kg Tunku betul ya. Kampung Tunku pun setuju, jadi perkara ini sangat serius sudah tentu perancangan pembangunan hanya bersifat kosmetik dan manisan saja kerana enggak mempunyai apa, mempunyai fulus duit tak mencukupi. Perkara ini sangat serius di mana saya sering mendapat aduan Tuan Speaker. Rakyat termasuk aduan daripada PDRM yang menyatakan bahawa mereka ini ketandusan bajet untuk belanja operasi harian mereka di Balai Polis termasuk ketiadaan A4 paper. Paper A4 bagi tujuan apa, membuat salinan repot pun tak ada. Saya tanya kenapa paper ini tak ada dia kata bajet lambat sampai, tak sampai. Kadang-kadang kita terpaksa telefon kawan-kawan, tauke-tauke minta tolong, minta sponsor A4 paper. Sejak bila Malaysia ini penting, sejak bila ini PDRM peruntukannya tak cukup hendak beli A4 paper. Ini ada kita tak nak sebut, saya tak nak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

malukan tapi saya ada data, saya ada data ini. Sesuatu yang saya sebutkan tadi dalam belanjawan dalam bajet cerita besar-besar tapi sampai akhirnya peruntukannya tak boleh sampai sebab duit tak ada *kassi elek* dengan izin (bahasa India) fulus enggak ada. Jadi inilah contoh yang saya hendak kata dan sekali saya hendak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, tiba-tiba kita dengar pembentangan Bajet Putrajaya mereka hendak tubuhkan Adam 50. Saya ingat apa itu Adam 50 rupa-rupanya dia tiru Negeri Selangor. Kita ada Tabung Warisan Anak Selangor kita bagi caruman kepada anak-anak kita ya, Yang Berhormat Sementa ya. Kita ada TAWAS RM1,500 dia baru *start* minggu lepas saja baru nak *start* itu pun belum 2018 baru nak *start*. Kita dah *start* sejak 2008 sampai hari ini anak kita dah pun kalau 2008 sekarang anak kita pun dah 10 tahun sudah pergi sekolahlah dah darjah 4 sudah pergi sekolah tapi Putrajaya baru nampak. Baru terkejut daripada tidur terlena daripada tidur, ini Putrajaya idea tak ada, ciplak, ciplak idea dari Negeri Selangor. Jadi saya ucapan tahniahlah kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor. Selangor sentiasa ke depan, inovatif ke depan dan Putrajaya ciplak, ciplak dan ciplak dan inilah seterusnya ciplak.

**YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya hendak tanya ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya ini soal ciplak ini saya cakap ciplak...! Ok tanyalah Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya hendak tanya Sekinchan, Sekinchan ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor tetapi Sekinchan boleh tak ucapan tahniah kepada Tan Sri Khalid Ibrahim mantan Menteri Besar yang *brain child* kepada idea ini. Dan lagi satu apa salahnya benda baik kalau dibuat oleh kerajaan persekutuan itu juga pengiktirafan kepada Kerajaan Negeri. Kalau benda tak baik kita tak tiru. So, jadi itu pengiktirafan kepada mantan Menteri Besar Selangor, Sekinchan kena *declarekan* di sini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sekinchan, Sekinchan saya dengar rakan kita yang katakan Adam 50 ini dia kita kena setuju terima dan sebagainya. Saya tak ada masalah tetapi dari tahun 2008 bila Kerajaan Negeri Selangor telah tubuhkan TAWAS dalam program kita, sampai sekarang borang itu tidak boleh diletakkan di mana-mana hospital kerajaan di seluruh Negeri Selangor. Saya hendak tanya fasal apa borang ADAM 50 boleh terima sekarang adakah kalau katakan dengan kebaikan bolehkah TAWAS pun diterima oleh hospital-hospital kerajaan di dalam Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Andalas yang bijaksana terima kasih atas pencerahan tersebut. Kalau inilah informasi ini betul ya, ini memang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

satu kerja yang jahat. UMNO ini Barisan Nasional tak tahu kenapa dia ada fikiran politik sempit walaupun dah kalah 2 penggal tetap sempit. Jadi kita hendak sempit dan kalah 10 penggal berturut-turut, insya-Allah kita doakan ya. Dan saya hendak beritahu soalan dari Dengkil nanti kalau tidak dia tidak puas hati saya tak respons, pertanyaan daripada ...

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sekinchan minta mencelah sikit boleh?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti dulu saya hendak jawab. Saya hendak jawab dulu.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Oh hendak jawab dulu, ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti dulu saya hendak jawab. Sebab Dengkil ini potensi dia tinggi tak macam Kota Damansara ya, dia potensi dia tinggi jadi saya angkat Dengkil, saya sokong. Kalau dia di calonkan sebagai Ketua Pembangkang saya akan bawa seluruh BBC kita sokong penuh Dengkil ye. Ok saya jawab soalan Dengkil tadi, soal yang baik kita belajar dari Negeri Selangor. Saya soal apa yang saya katakan ciplak itu betullah, dia ambil dia kutip kita punya dia ambil dia kata baik ok bagi pengiktirafan kepada Kerajaan Negeri Selangor, ok kita ucapkan terima kasih ... (bahasa Jawa) terima kasih tapi ini soal ciplak itu tetap ciplak. Dia tidak akan berganjak dengan jiplaknya dan ini yang saya hendak katakan. Dan kemudian Tuan Speaker, oh lupa pula Kota Damansara. Ok saya bagi Kota Damansara dia ini dah bangun takkan kita tak bagi, bagi, bagi.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Hendak mencelah sikit, Sekinchan ok, bagi, ya terima kasih, duduk. Duduklah dah bagi saya cakap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh saya duduk dululah. Saya tahu sebab kita tahu peraturan kita, kita dah lama kita dah faham. Kita janganlah macam Batang Kali tak faham. Betul tak?

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, baiklah, baiklah, jam telah menunjukkan 1.00 tengah hari (Dewan ketawa) maka saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya mempersilakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, terima kasih kerana izinkan untuk meneruskan perbahasan Belanjawan Rakyat 2018 pada sesi sebelah petang ini. Tadi saya telah tegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan ketandusan idea. Pimpinan di Putrajaya mereka sekarang ini dilema dalam keadaan terdesak idea kurang. Dia terpaksa copy, ciplak...ciplak idea Negeri Selangor. Ini dia, tadi saya kata ciplak, Kota Damansara dia minat sikit dengan ciplak ya, memang ciplak idea daripada Negeri Selangor. Jadi dia buat ADAM 50. ADAM 50 minggu lepas je dia buat. Aaa....yang Selangor TAWAS, Tabung Warisan Anak Selangor sejak 2008. Kita dah ada 130 lebih ahli-ahli yang daftar anak-anak kecil si manja daftar dalam. 130 ribu daftar dalam, 132 ribu ahli-ahli Si Manja yang daftar dalam TAWAS. Dan mereka apabila umur 18 kita akan bagi 1500. Ini dah lama dah, tapi sekarang baru Putrajaya nak ikut jejak langkah Kerajaan Negeri Selangor. Walaubagaimanapun ucapan terima kasihlah kerana Kota Damansara, Putrajaya sanggup belajar daripada Negeri Selangor. Boleh saya bagi Kota Damansara ya tadi saya tak bagi sekarang saya bagi.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tadi dia bagi juga. Tadi kita tengah demo bagaimana cara yang betul untuk nak sebab saya tengok tadi ada yang tak faham. Yang dulu yang dah pernah jadi wakil rakyat lama pun tak faham macamna nak apa ni ikut peraturan. Terima kasih Speaker. Tadi saya memanglah minta penjelasan sikitlah kepada Sekincan. Dia kata *Federal Government* selalu, dengan izin, selalu ciplak kan, ciplak tetapi sedar tak sedar Sekinchan pun kena faham juga. Saya tengok program Kasih Ibu *Smart Selangor* ni, *KISS* ni pun ciplak juga, macam *BR1M* juga , bagi juga, tapi kaedah saja berbeza. Betul tak, cuba bagi penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Kota Damansara atas cerahan tadi. Tapi *BR1M* lain. *BR1M* dengan *KISS*, Kasih sayang *SMART Selangor*, *KISS* lain. Bunyi pun lain, brim, broom broom bram broom, itu bunyi dia macam tu. *BRIM* tu bunyinya broom broom macam lepas motor. Ini *KISS* lain dia kasih sayang. Jadi kasih sayang Selangor ni lain. Ia menyentuh hati nurani seorang ibu suri rumah tangga rumah-rumah. Apabila mereka dengar je Selangor ada program kasih sayang sebab Selangor ni, mereka suka, facebook saya penuh sekarang dengan ibu-ibu semua datang. Saya esok ni kena susun-susun bagi permohonan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sekinchan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oo Taman Medan, ok saya bagi.

**Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sekinchan tau tak KISS ni kita nak bagi setiap bulan. Kalau BRIM berapa kali bagi, setiap tahun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B Taman Medan atas pencerahan tadi yang mengatakan *BR1M, memang tak serupa. Kita lain (sambil berbahasa Cina) dengan izin. Makudnya Selangor kita buat lain.* *BR1M* setahun sekali. Walaupun dia bagi dua tiga kali tapi sekali ja. Kita sebulan RM200 ya dua ratus setiap bulan. Kita santuni ibu-ibu yang pendapatan mereka dibawah RM2000. Sekarang, saya yakin esok Sg.Pinang ke Sejangkang Taman Medan semua akan datang ya daftar sebagai kad, pemegang kad Kasih Sayang SMART Selangor KISS.

**Y.B.PUAN TIEW WONG KENG:** Mencelah, minta celah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak celah lagi, mana

**Y.B.PUAN TIEW WONG KENG:** Ya Sekinchan, Teratai

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Oh ya. Ya Jauh sangat, nun jauh sangat Teratai...

**Y.B.PUAN TIEW WONG KENG:** Ya terima kasih kepada Timbalan Speaker dan juga Y.B. Sekinchan. Tadi saya ingat Y.B. Kota Damansara satu-satunya ahli pembangkang dalam Dewan ini sekarang yang akan tanya soalan berkenaan dengan soalan wanita sebab yang diperkenalkan oleh Kerajaan pusat ialah *ADAM 50* nama *ADAM 50* ialah nama lelaki. Kenapa tak ada nama wanita pulak. Lepas tu tak seperti Kerajaan Negeri Selangor yang mengambil berat tentang kepentingan wanita. Sayanglah kan. Apa pendapat Y.B. Sekinchan.

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Ya terima kasih Y.B. Teratai yang memperjuangkan hak wanita. Memang kita semua tahu rakyat pun tahu di Selangor kia lain. Y.A. B Dato Menteri Besar, kita sentiasa mementingkan mengangkat martabat wanita di Negeri Selangor. Kita bukan sahaja ada KISS, kita ada lagi Institut Wanita Berdaya, IWB, kita ada peruntukan RM5 juta, buat institut tu. Mana ada

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta izin sekali lagi penjelasan

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Nak lagi

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Bagi la....

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Oo bagi, bagi

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Aa..excited sangat kan. Tapi saya dah minta penjelasan juga kepada Sekinchan, memanglah saya tengok golongan ibu ni yang nak dibagi ni kenapa baru bagi sekarang dah nak pilihanraya nak bagi. Lepas tu terlepas pandang lagi. Ibu ini yang berkeluarga. Tetapi bagaimana juga wanita yang single kat luar sana yang juga tak diberi perhatian.

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Kota Damansara. Sabarlah. Kerajaan Negeri Selangor kita buat perancangan berperingkat-peringkat. Dulu kita buat TAWAS untuk anak-anak kecil, Si Manja. Kemudian kita sebelum itu kita buat SMUE, Skim Mesra Usia Emas untuk warga emas dan jom shopping dan sebagainya, bawa mereka pergi shopping. Kita berperingkat-peringkat daripada anak kecil, daripada orang tua, sampai tuisyen rakyat. Sampai ke hadiah masuk universiti, kita berperingkat-peringkat. Sekarang sampai ibu, tahun ini mungkin tahun depan kita sampai anak-anak wanita yang belum kahwin dan sebagainya. Sekarang wanita yang belum kahwin pun apabila besok dia kahwin kita ada insentif perkahwinan 500. Mana ada kerajaan bagi insentif perkahwinan. Tak ada. Lima ratus ringgit. Bawah 35. Y.B Sabak dah terlepas dah tak boleh. Tak layak, memang Sabak tak layak. Lebih. Maknanya mana-mana anak-anak kita di Selangor saya sekali lagi nak tegaskan dalam Dewan ini mereka anak muda lepas universiti umurnya 35 ada girlfriend ada boyfriend ke sampai waktu dan ketikanya nampak anak bulan ke nampak bintang dan sebagainya mereka dapat tarikh yang baik nak berkahwin dan sebagainya lepas tu boleh minta mohon insentif perkahwinan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Kalau dua-dua ni anak Selangor Kerajaan Negeri beri yang lelakinya RM500 YB Kota Damansara tau ya, RM500. Yang perempuannya RM500. Ini Kerajaan Negeri yang prihatin. Sampai bab kahwin pun kita jaga. Bab kahwin pun kita jaga. Lain....jadi kena setuju. Lain Selangor dengan Putrajaya. Dan seterusnya saya nak teruskan kalau nak cerita pasal IPR ni tiga jam. Tak apalah saya cuba bawa sedikit saja tentang Insentif Perkahwinan Remaja. Macam yang lain-lain yang belum kahwin tak ada ya.

Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Bajet Putrajaya Belanjawan ya Bajet Putrajaya yang mengumumkan diakhir-akhirnya dengan wuuuh..dengan kononnya hebat, hapuskan, hapuskan apa, ingat GST. Bukan. Hapuskan tol. Mansuhkan tol di Batu Tiga, Sg. Rasa dan juga di Johor satu Bukit Kayu Hitam, dekat situ satu, empat tol. Empat tol dihapuskan. Wooohh bukan main tepuk. Sampai pecah meja pun ada. Penyokong-penyokong Barisan Nasional di Dewan Rakyat saya tengok di dalam TV kononnya hebat. Apabila belum sampai seminggu dia tepuk rupa-rupanya penghapusan pemansuhan tol tersebut rakyat kena bayar. Menteri Kewangan Kedua Tuan Timbalan Speaker, Menteri Kewangan Kedua dia beri tahu di Dewan Rakyat kita kena bayar, Kerajaan kena bayar pampasan. Tiap-tiap tahun kena bayar billion-billion. Kalau macam itu hapus tol apa. Serupa jugak daripada kiri, daripada kanan pergi ke kiri. Duit kita juga. Cuma kita tak bagi on the spot. Dia ambil

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

terus daripada kantung kerajaan. Lagi dahsyat. Dahsyat ni Kota Damansara. Ini perkara dasyat ni. Jadi tak ada benda yang nak ditunjukkan di Dewan Rakyat. Di Parlimen, malu kita. Kalau nak hapuskan tol kita tak payah bayar pampasan, ha lain. Itu baru hebat. Jadi maknanya dalam konteks ini itu hanya gimik politik.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas minta

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Andalas, ada tol ke Andalas

**TUAN SPEAKER:** Sila

**Y.B.TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARUNALANDAM:** Kita duduk dalam satu bandar yang sentiasa bayar tol. Saya nak minta Sekinchan. Tahukah Sekinchan bahawa penghapusan tol ni di Batu Tiga dengan Sg. Rasa ini PAKATAN sudahpun mulakan menghapuskan ni dari tahun 2005. Di dalam kita punya manifesto dan sebagainya satu-satunya ialah untuk menghapuskan tol ni. Bukan 2017 tetapi kita telah mulakan untuk hapuskan tol ni pada tahun 2005. Itu untuk beritahu dengan Sekinchan lah.

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Ya terima kasih Y.B. Andalas. Kita memang dari dulupun kita perjuangkan tol ini sangat menekan kepada rakyat dan baru-baru ini dalam manifesto, dalam bajet, Belanjawan alternatif PAKATAN HARAPAN kita cadangkan mansuhkan tol. Tiga hari sebelum belanjawan Putrajaya dibentangkan tiba-tiba dia nak belajar dengan kita. Tapi cara belajar dia tak betul. Cara belajar dia kena bayar. Masa depan kena bayar. Walaupun di depan rakyat dia kata "kita mansuhkan tol" sampai Ketua Bahagian UMNO Shah Alam menangis di TV3 depan TV3 menangis...huh menangis ....menangis. Menangis tak Dengkil, tak ada ya.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil minta

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Nak mencelah ke nak menangis.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD YUSOF:** Tumpang Tanya

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Oh tumpang tanya ok, ok.....

**TUAN SPEAKER:** Sila Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD YUSOF:** Dan nak memberikan pemahaman kepada Sekinchan. Penghapusan Tol Batu Tiga Sg. Rasah ni patutnya 2038. Dan tahukah Sekinchan Kerajaan Persekutuan kena membayar sebanyak RM102 juta setahun untuk meringankan beban rakyat. Ini apa yang Sekinchan cakap belit-belit rakyat kena bayar ni. Rakyat tu, makna tidak keluar daripada poket rakyat. Rakyat kita ni bukan semua yang kena incometax. Jadi Kerajaan Persekutuan dibawah Y.A.B Perdana Menteri menghapuskan tol itu demi kepentingan rakyat. Itu Sekinchan kena

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

faham dan cuba Sekinchan ulas balik apa nama kenyataan Sekinchan tu supaya tidak mengelirukan orang.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya jawab sekejap ya. Satu minit. Apa yang dinyatakan Y.B Dengkil tentang konsensi itu sampai 2038. Kita pun pelik. Dulu sepatutnya 2018 dah tamat. Tapi tak tau macamana kong ka li kong, dengan izin, kong ka li kong, boleh sain sampai 2038. Ini kerja jahat Barisan Nasional. Mereka boleh bagi kroni tanpa pengetahuan rakyat. Tiba-tiba rakyat tahu 2038 kena bayar. Sekarang kita kena bayar pampasan 102 juta. Ini angka yang disebut oleh Y.B Dengkil. Maknanya kita kena bayar. Rakyat kena bayar la. Wang kerajaan dengan wang yang rakyat bayar tak serupa ke. Kalau itupun tak serupa memang songsanglah Barisan Nasional ni. Maknanya dia tak faham. Apabila kita mansuhkan tol kita tak perlu bayar, rakyat tak perlu bayar. Rakyat lebih gembira. Tapi kalau rakyat perlu bayar pampasan kepada konsensi serupa jugak, dua kali lima, lima kali dua. Berapa angka tu, dua kali lima, lima kali dua, ha, lima belas, itu songsang tu. Ha itu maknanya UMNO sentiasa songsang. Confuse dulu, kini dan selamanya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD YUSOF:** Saya boleh jawab Sekinchan

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Ha, ini permasalahan yang nak saya nyatakan di sini. Jadi tak apalah, tak apalah...sabar, sabarlah....

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Kg. Tunku minta

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Saya bagi Kg. Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Y.B. Sekinchan, sebenarnya. Soalan yang harus kita tanya pada Y.B. dari Barisan Nasional ialah mengapakah kerajaan tidak menggunakan Klausula Exit Policy yang terkandung di dalam perjanjian konsensi dengan pembinaan Lebuhraya Utara Selatan dua ke tiga dekad yang lalu untuk mengambil balik lebuhraya itu pada harga pasaran. Mengapakah itu tidak dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan sedangkan itu adalah hak dan kuasa Kerajaan Persekutuan. Dan menggunakan klausula itu Kerajaan boleh menjimatkan wang yang lebih besar daripada menggunakan wang rakyat untuk membayar pampasan. Mengapa itu tidak dilakukan. Bukankah itu soalan yang perlu ditanya kepada Barisan Nasional dan perlu dijawab oleh ADUN Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD YUSOF:** Saya jawab

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Saya tanya dengan Y.B Sekinchan saya bukan tanya dengan Y.B Dengkil.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD YUSOF:** Ok

**Y.B.TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Kg. Tunku yang bijaksana telah memberi satu klausa di dalam perjanjian konsensi. Ini memang, bukan mereka tak tahu Y.B. Kg. Tunku, tapi kroni mereka mana sanggup mereka nak batalkan kontrak. Tak boleh. Kalau batalkan kontrak fulus tak masuk. “*A FULUS BI DUNIA WA MAMPUS BI AKHIRAT*”, dengan izin. Mereka penuh dengan fulus. Apa yang mereka cerita fulus. Kepentingan wang ringgit di depan, bukan kepentingan rakyat. Macam di Negeri Selangor kita susun semula. Penstruktur semula air di Negeri Selangor. Dulu kalau ikut konsensi, kita masih ada kontrak dengan konsensi, betul tak.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Hak dan kuasa kerajaan persekutuan dan menggunakan kuasa itu kerajaan boleh menjimatkan wang itu yang lebih besar daripada menggunakan wang rakyat untuk membayar pampasan, mengapa itu tidak dilakukan. Bukanakah itu soalan yang perlu ditanya kepada Barisan Nasional dan tidak perlu dijawab oleh ADUN kawasan Nasional Barisan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya tanya Y.B. Sekinchan bukan tanya

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Kampung Tunku yang bijaksana yang telah memberi satu krosa dan Perjanjian Konsesi. Ini memang bukan mereka tidak tahu Kampung Tungku tapi kroni mereka mana mereka sanggup nak batal kontrak tak boleh kalau batalkan kontrak fulus tak masuk. *Al fulus fi dunia mampus al akhirat* (dengan izin) mereka penuh dengan fulus apa yang mereka cerita fulus dengan kepentingan wang ringgit di depan bukan kepentingan rakyat. Macam negeri Selangor kita susun semula Penstruktur Semula Air di Negeri Selangor. Dulu kalau ikut konsensi kita masih ada kontrak dengan konsensi betul tak ada kontrak dengan konsensi tapi kita berani ambil keputusan kita hendak ambil balik konsensi ini kepada pulangkan hak air ini kepada rakyat kita ambil balik tidak mahu rakyat dibebankan dengan tarif air yang begitu tinggi sehingga 2030 boleh dikatakan unjuran pada ketika itu 1 liter air lebih mahal daripada air *mineral water* daripada minyak petrol maknanya rakyat negeri Selangor kita telah berjaya menunjukkan contoh dan modal bagaimana kita ambil konsensi air daripada syarikat swasta. Kenapa di Kuala Lumpur tidak boleh nasihatkan Putrajaya gunakan kuasa kita dalam klausa.

**Y.B. SHAHROM BIN MOHD. SHARIF:** Boleh mencela.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kenapa kita ditekan oleh kroni, kenapa kita tunduk kepada kroni yang ini kita persoalan yang timbul.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil minta Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil ini penting Dengkil saya tahu Dengkil apa yang Dengkil buat di luar jangan ingat rakyat tak tahu rakyat tahu

**Y.B. SHAHROM BIN MOHD. SHARIF:** Ya. Saya hendak tanya. Fasal Penstruktur Semula Air ini. Saya hendak tanya

**TIMBALAN TUAN SPEAKER :** Sila Dengkil.

**Y.B. SHAHROM BIN MOHD. SHARIF:** Ya. Saya hendak tanya Sekinchan Penstruktur Semula Air ini tidak menggunakan wang rakyat ke.. yang bayar pampasan kepada konsesi itu bukan wang rakyat bukan duit kerajaan negeri membayar kepada Puncak Niaga nak bayar kepada PLUS nak bayar kepada konsesi lain itu kan namanya untuk menyelamatkan rakyat daripada terus membebankan rakyat jadi negeri itu yang hendak saya nak ajar Sekinchan ini Kerajaan Negeri membantu kepentingan rakyat tapi wave kos (dengan izin) Speaker, perbelanjaan daripada Kerajaan Negeri untuk dibantu oleh Kerajaan Persekutuan. Ini yang Sekinchan kena faham dan boleh perjelaskan sekali lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Jadi ini persoalan pokok di sini. Yang menjadi punca, punca penswastaan dan sebagainya Barisan Nasional. Apabila mereka buat kontrak dengan syarikat konsesi boleh swasta. Saya tak tentang soal penswastaan. Kalau penswastaan itu boleh mendatangkan manfaat yang baik kepada rakyat, saya sokong. Tetapi apabila tandatangan itu, buatlah perjanjian, jangan berat sebelah. Apabila kenderaan itu bertambah selepas 3 tahun dia lupa. Dia terlepas pandang kenderaan bertambah. Dia hanya kata 3 tahun kena, 3 tahun kena naik, 3 tahun kena naik. Kenderaan bertambah, lupa perkara, perkara ini dilupakan. Ini persoalannya. Jadi, saya minta Putrajaya kena belajar dengan Negeri Selangor. Berhemah urus ekonomi. Caranya kena profesional. Bukan nak jaga kroni sahaja. Ini yang penting. Saya teruskan Tuan Timbalan Speaker dengan program-program IPR seperti Peduli Sihat. Bagaimana Selangor jana ekonomi kita dan jaga kebajikan rakyat dalam konteks Peduli Sihat. Mana ada satu kerajaan ya, di negara kita yang prihatin, ambil berat, peduli rakyat, fikirkan kos, fikirkan kesihatan rakyat. Fikirkan kos mereka apabila mereka menghadapi sakit, demam, mencret (dengan izin) mencret, cirit-birit, lausai seperti Meru, Meru tak ada hari ini. Lausai dan sebagainya. Lausai tak datang. Demam panas dan sebagainya. Mereka perlu dapatkan khidmat doktor perubatan dan sebagainya. Sekarang ni kos terlalu tinggi. Rakyat dibebani. Angkara apa? Angkara GST dan sebagainya. Dan Kerajaan Negeri kita sentiasa peduli. Kita fikirkan macam mana nak ringankan bebanan rakyat. Itu yang kita ajar negeri pimpinan Yang Amat

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Berhormat Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Azmin Ali. Dia fikirkan. Kita fikir selalu nak ringankan bebanan. Lain di Putrajaya.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dia tak fikir. Dia bagaimana nak tindas rakyat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Bernam minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ha, Hulu Bernam. Ok Hulu Bernam

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Hulu Bernam

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya nak tanya Sekinchan sedar ke atau tak sedar ni bercakap? Daripada zaman datuk nenek, Sekinchan pun ada rawatan ada doktor free di hospital. Kenapa macam tak ada. Kerajaan Persekutuan buat apa-apa pun. Macam nampak politik sangat. Kita tambah pula lagi Klinik 1Malaysia. Sedar ke tak sedar? Saya nak tanya tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Jangan melenting. Tapi saya nak bagi tahu Hulu Bernam. Kerajaan, kalau hari inilah, tak lama lagi berapa bulan lagi kita *InsyaAllah* ke Putrajaya. Kita tahu benda-benda ini kita boleh buat. Ini kita akan buat tapi sebagai Kerajaan Negeri, tanggungjawabnya. Kalau dulu ini tak dibuat. Zaman Yang Berhormat Sungai Panjang dulu, zaman Barisan Nasional, ada ke benda-benda ni di Selangor? Skim Peduli Sihat, Kad Peduli Sihat? Tak ada. Tapi Kerajaan Negeri sekarang ada. Kita fikirkan tahun lepas, tahun ini 2017 kita peruntukan RM125 juta untuk Skim Peduli Sihat. Setiap keluarga, kalau dia anak 3 pendapatan dia bawah RM3 ribu, kita tolong. Kalau anak 3, anak dia 4 tak ada masalah. Kalau Kuang, Kuang dia tak apa. Kuang dia kaya. Keluarga besar. Rumah banyak tak tahulah tapi dia kaya. Kaya dia tak perlu Kad Peduli Sihat. Dia tak perlu kad, dia sihat. Saya doakan sihatlah. Kuang ya. Tak apa sihat tak peduli sihat. Nak celah lagi saya nak ok lah saya bagi

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Memang Peduli Sihat direncanakan dilakukan oleh Kerajaan Negeri itu nampak dari segi fizikal bagus selain yang Sekinchan tidak menjawab tadi bahawa dia tidak sedarkan lagi bahawa kita telah siapkan hospital dengan semula sekali ini tetapi saya dengar ini saya dengar ada berlaku penyelewengan dalam peduli sihat ini ada yang pergi berjumpha doktor terus dapat *claim* saya dengar ya dapat *claim* dapat duit RM20 ini kena pemantauan jangan ingat peduli

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

sihat ok semua kad itu bagus semua ada berlaku ketirisan. Jadi perkara ini perlu tengok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Terima kasih Y.B. Hulu Bernam. Ya maknanya ada Peduli sihat ini mendapat sambutan yang begitu hangat sekali seluruh rakyat memohon dan ada yang ketirisan kalau ada ketirisan itu soal pentadbiran kalau ada kita akan pantau minta pihak kerajaan solve it kalau barang siapa yang tidak sakit sengaja disakitkan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sekinchan. Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oooooo ya potong *stim* ya tak apa ya Kota Anggerik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik ya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dulu pernah bangkitkan soal Klinik 1Malaysia. Tak ingat berapa jumlah *Klinik 1 Malaysia* berbanding Klinik panel Peduli Sihat. Dan ada tak Hospital Hulu Bernam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya tidak tahu di Hulu Bernam sama ada. Terima kasih Y.B. Kota Anggerik saya tidak tahu sama ada Hulu Bernam klinik untuk panel lah tapi ada keadaan konteks kad Peduli Sihat ini solve it kena pantau kita. Dalam usaha untuk mencapai 1,000 kita hendak mencapai 1,000 panel mana-mana boleh pergi senang Sekinchan pun ada 2 klinik panel. Pekan kecil Sekinchan ini ada 2 macam Sg. Air Tawar ada ke tidak, tak kan tak ada klinik tapi kawasan *UMNO* dulu kini jangan selamanya. Jadi ini yang hendak saya katakan di sini bahawa lain cara Negeri Selangor kalau ada ketirisan seperti yang disebut oleh Hulu Bernam mana barang siapa yang hendak tipu nak sakit kong kali kong dengan doktor tipu duit kerajaan ini kita akan minta siasat dan tangkap. Ini perkara boleh selesai bukan masalah tapi persoalannya ialah pelaksanaan dan dasar kerajaan ini sangat menyentuh dan rakyat tahu apa yang kerajaan negeri buat. Inilah cara kerajaan negeri buat belajar kena belajar dengan Kerajaan Negeri Selangor sekarang sudah ada berapa ada 149,382 orang pemegang kad Peduli Sihat dan kita jaga hampir 600,000 rakyat. Mereka datang saban hari datang ke pejabat saya ya untuk mohon kad ini. Wong *MCA* yang dulu malu-malu dengan saya dia telefon dulu dia kata saya boleh ke saya mohon saya *MCA* saya tahu saya perlu *MCA* tidak perlu berkenal saya kenal dia memang *MCA* tapi dia datang sekarang sebab apa kad Peduli Sihat dia hendak juga kerajaan negeri yang jaga. Saya tak ada masalah

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kerajaan negeri buta warna, buta kaum dan buta fahaman politik. Dalam konteks Peduli Sihat ini kad ini siapa-siapa pun boleh datang.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Mencelah lagi Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Hah

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Boleh

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak celah lagi bukan ketirisan lagi ya. Ok

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ini bukan ketirisan pula tetapi sekiranya berlaku RM30 pemeriksaan bayaran hospital tetapi sekarang ini dengan adanya kad Peduli Sihat ini berlaku lagi satu ketirisan. Boleh *mark up* sampai RM50 juga maka doktor swasta ini mengambil kira supaya dapat maksimum semua jumlah ini mengambil kesempatan keadaan ini maka banyak duit rakyat dibazirkan keadaan ini. Itu bukan sahaja saya hendak suarakan satu lagi kita Barisan Nasional siapkan klinik ibu mengandung semua lengkaplah daripada dulu dan sekarang baru beberapa bulan Peduli Sihat dah bising.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Itulah saya katakan pada petang ini Hulu Bernam dia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Seri Andalas minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dia agak melenting. Sikit tak pe. Kita bagi Seri Andalas sebab doktor

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAN A/L ARULANANDAM:** Suruh Hulu Bernam buat *statement* di luar dewan. Siapa jahat suruh buat *statement* di luar dewan untuk dicabarkan untuk siasatan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak apa tak apa..kita sabar kita sabar Hulu Bernam tak ada masalah Hulu Bernam ya..biar biar Hulu Bernam biar Hulu Bernam yang pentingnya kalau seperti mana doktor tidak cumalah *claim* lebih itu sebab ada pemantauan itu kaedah pemantauan kita kena tambah baik tak ada masalah soal pemantauan. Saya minta Hulu Bernam kalau ada *complaints* sedemikian. Tulis surat dan *solve it*, tulis surat kepada Menteri Besar ada *black and white*. Barulah kita boleh siasat secara profesional kalau tidak tuduh-tuduh sahaja nanti doktor tersinggung dan kakitangan tersinggung tuduh sahaja tidak boleh kena ada surat bagilah air meneral

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

sikit bantu kena bantu kena bantu itu caranya tak kan Y.B. Hulu Bernam sebagai wakil rakyat tidak faham cara macam ini. Ini prosedur SOP.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya faham Sekinchan tuduh Barisan Nasional macam-macam main tuduh dari tadi bukan kita yang tuduh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok tak apa-apa jangan melenting, jangan melenting sabar tapi perkara ini yang hendak saya katakan bahawa Hulu Bernam cara kerajaan negeri kita jaga rakyat lain, kelainan itu kena belajar ya kena belajar dan di sini saya hendak ingatkan Tuan Timbalan Speaker bahawa satu keluarga kalau dia ada master kad, kad yang Peduli Sihat anak dia ada tiga empat semua boleh satu tahun RM500 baru sekarang Pulau Pinang pun Pakatan Harapan pun ikut. Tapi Barisan Nasional dan negeri-negeri macam Negeri Sembilan ada, macam Johor juga Pahang lama daripada dulu tak pernah tukar tak ada kad ini kesian percuma untuk rakyat ya tak ada ya ini terunggul ya terunggul di Malaysia hanya di Selangor hanya di Selangor terunggul di Malaysia hanya di Selangor lain sebab ada rakyat datang tidak yakin dengan klinik 1 Malaysia tunggu pagi sampai tengah hari masa panjang, kedua kadang doktor selalunya tidak ada Pembantu Pegawai Perubatan sahaja Tuan Timbalan Speaker. Itu pun mereka waswas dan kadang-kadang ubat-ubat sekarang ini kebelakangan ini setahun dua ini ubat-ubat sering tidak cukup yang ada panadol sahaja. Sakit kaki panadol, sakit kepala jantung pun panadol. Jadi akhirnya klinik ini menjadi klinik panadol. Jadi ini jadi masalah klinik kita klinik swasta lain jadi kenapa rakyat Selangor faham membezakan ini lain Selangor. Rakyat Selangor ada anjakan paradigma dia lain ya. Dan saya ingin teruskan di sini ada perkara-perkara misal kata ditimbulkan kita ada satu patut saya syorkan kepada kerajaan negeri tubuhkan jawatankuasa siasat mana kelemahan dari segi pentadbirannya termasuk *claim* yang tidak berlaku dan sebagainya ada kong kali kong ini kita boleh siasat dalam jawatankuasa. Kalau ada tambah baik dan akan datang saya yakin inilah satu program yang tidak ada lain dalam negeri pakatan harapan dan saya yakinkan di sini. Barisan Nasional sampai ke hari ini tak berani lain-lain negeri tak buat. Dan sekarang yang kita sebut Kota Damansara kita tambah baik lagi belanjawan kali ini kita peruntukan 30,000,000 untuk satu kasih sayang Smart Selangor untuk ibu-ibu KASIH IBU. Ini kad baru lagi kad ini untuk RM200 suri rumah tangga yang tidak bekerja yang bawah RM2,000 kita bagi RM200 supaya kita hargai jasa jaga anak dan sebagainya. Sekarang ini pun ibu-ibu kita sanjung wanita kos wanita tengoklah wakil rakyat pakatan harapan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** ..... ia ada kong kali kong, ini kita boleh siasat dalam jawatankuasa. Kalau ada tambah baik dan akan datang saya yakin inilah satu program yang tidak ada di lain-lain negeri kecuali di negeri Pakatan Harapan dan saya ingin yakinkan di sini Barisan Nasional sampai hari ini tak berani. Lain-lain negeri tak buat

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dan sekarang yang kita sebut tadi Kota Damansara, kita tambah baik lagi. Belanjawan kali ini kita peruntukkan RM72 juta untuk satu kasih sayang iaitu SMART Selangor untuk ibu-ibu, Kasih Ibu. Ini kad baru lagi. Kad ini untuk RM200.00 suri rumah tangga di rumah yang tak bekerja, yang bawah RM2,000.00 kita bagi RM200.00 supaya kita hargai jasa jaga anak dan sebagainya. Sekarang ibu-ibu pun kita santuni, wanita mesra wanita. Tengoklah wakil Rakyat Pakatan Harapan di sini semuanya di sini, Kerajaan Negeri Selangor ramai wanita. Kita mencapai lebih 30%. Inilah Kerajaan Negeri Selangor ya. Ini harus kita iktiraf. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, saya menyentuh sedikit tentang pengumuman Yang Amat Berhormat yang mengatakan kakitangan Kerajaan Negeri Selangor memang merupakan tulang belakang kepada pelaksana-pelaksana dasar yang Kerajaan Negeri canangkan dan kemudian dilicinkan dibantu supaya kita dapat mencapai hasil yang optimum dan sistem penyampaian yang baik. Ini semua yang Kerajaan Negeri sangat menghargai bantuan-bantuan daripada Dato' SUK, Dato' PUU, Dato' PWN, semuanya seluruh Ketua Jabatan yang terlibat, Pengarohnya, pekerjanya sebagai satu pasukan yang kuat, profesional dan berintegriti. Ini kita Selangor lain, budaya Selangor sekarang di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, budaya kerjanya lain. Di bawah pimpinannya, saya yakin rata-rata penjawat awam suka sayangi Kerajaan yang ada sekarang. Dia suka, dia tahu bagaimana Menteri Besarnya, bagaimana EXCO nya, ADUN nya, kita bekerjasama dengan baik. Inilah yang dicemburui oleh Putrajaya. Jadi kadang-kadang sekarang ini ada berlaku pelbagai masalah, berlaku seperti apa? Pegawai-Pegawai kita yang *senior-senior* dalam PWN, dalam kewangan dan sebagainya, mereka dibawa ke Putrajaya sehingga kita ketandusan Pegawai-Pegawai. Kadang-kadang kita hendak buat kerja pun agak terganggu. Tapi tak apa. Ini perkara biasa, kita di Selangor, kita mampu. Pegawai yang *junior* pun dah makin hari makin belajar. Semua lebih efektif, sekarang kita boleh buat dan sekarang Kerajaan Negeri dalam belanjawan kali ini bagi lagi satu perlindungan insurans takaful. Perlindungan insurans takaful untuk semua penjawat awam gred sehingga 44. Ini juga satu penghargaan. Kita berterima kasih kepada kerjasama dan khidmat, jasa penjawat awam yang membantu. Kalau tanpa mereka, saya yakin banyak benda kita tak dapat lakukan dengan baik. Ini cukup penting dan paling pentingnya, seluruh Malaysia, seluruh rakyat di Negeri Selangor dan seluruh Malaysia fokus belanjawan Negeri Selangor pada Jumaat yang lepas. Semua fokus kerana apa? Kerana Selangor, kita bukan sahaja hargai penjawat awam. Kita juga berdasarkan kemampuan kewangan kita yang ada. Kita bagi bantuan kewangan khas kepada penjawat awam. Bantuan kewangan khas ini bukan seperti di Putrajaya. Tahun lepas, tahun 2017 RM500.00 dan yang terbaru Putrajaya umum, Ketua Retorkrat dia umum berapa? RM1,500.00 Tuan Timbalan Speaker. Bayar bila? Bulan Januari, itu pun bayar RM1,000.00. RM500.00 lagi bila? RM500.00 lagi bayar ketika perayaan Aidilfitri. Itu dah Kerajaan lain dah. Kerajaan baru, mungkin kita pula yang *decide*

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

bagaimana pula. Ini dia, jadi yang boleh dapat RM1,000.00 sahaja. Yang boleh dapat RM1,000.00 sahaja.

Kerajaan Negeri Selangor dalam Jumaat yang lepas, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah umum tiga (3) bulan gaji untuk bantuan khas ini. Tiga (3) bulan, carilah mana satu Negeri ada tiga (3) bulan? Yang terunggul di Malaysia hanya Negeri Selangor. Negeri Selangor, Selangor masa depan Malaysia. Selangor masa depan Malaysia. Ini dia tiga (3) bulan, yang akan dibayar yang pentingnya bayar tanggal 27, 27 hari bulan Disember. Ha? 21. Anak tangga lari sikit, 21 bayar tahun ini. Maknanya kalau bayar tahun ini, ia peruntukan tahun 2017. Tahun depan lagi, itu tak boleh umum. Itu Menteri Besar yang umum. Itu tahun depan tapi tahun ini kita mampu, itulah cara Negeri Selangor. Sekarang orang dah beratur, kakitangan-kakitangan Kerajaan dah beratur nak datang ke Negeri Selangor, berkhidmat di Negeri Selangor. Inilah cara Negeri Selangor. Inilah perbezaan yang boleh saya bangkitkan satu per satu. Kita banding satu per satu bagaimana Negeri Selangor menerajui Kerajaan ini dengan baik dan dibantu oleh kakitangan. Bagaimana kita menghargainya? Tak ada dalam Malaysia, hanya di Negeri Selangor.

Dan juga saya di sini nak bagi wakil semua BBC. Kita nak ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Berhormat PWN, Dato' Noordin Sulaiman yang bekerja kuat untuk bantu Negeri Selangor. Saya diberitahu sepatutnya dah bulan 10 ya, dah bersara. Tapi kita ketandusan, kita panggil sambung juga, Putrajaya tak nak bagi sampai bulan 12. Itu pun Yang Berhormat tolong untuk bantu belanjawan ini. Saya ucapkan terima kasihlah, jasamu dikenang semua untuk BBC. Saya harap kita dapat kerja lebih kuat untuk bantu Negeri Selangor.

Dan seterusnya saya ingin menekan aspek yang menghantui rakyat. Perkara yang paling penting yang belum saya sentuh pada belanjawan ini. Saya nak katakan apa yang rakyat paling sengsara sekarang ini ialah kos saraan hidup dan juga barang-barang naik. Barang keperluan harian naik yang tidak terkawal. Ini perkara yang paling penting yang rakyat hari-hari mereka dibelenggui oleh mimpi negeri ini. Gaji mereka tak cukup. Kalau di Negeri Selangor kita ada bantuan khas dan sebagainya kita cukup tapi di banyak tempat mereka mengeluh kenapa kos saraan hidup yang tinggi ini dengan tak padan dengan inflasi yang tinggi dan sebagainya. Kenapa harga barang semakin tinggi? Ini yang orang fikirkan, yang rakyat fikirkan. Jadi di Selangor kita memikirkan bagaimana untuk ringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Jadi saya dah canang, persoalan yang timbul ialah apa puncanya yang menyebabkan kenaikan harga barang seperti minyak masak, gula, tepung, petrol, diesel. Semua ini naik, apa masalahnya? Kenapa ia naik? Saya bagi contoh, minyak masak sekarang yang ada subsidi hanya yang paket-paket RM2.50. Itu sahaja, itu pun selalu kena beratur dan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

ketandusan stok. Tak ada stok. Itu yang rakyat biasa, yang peniaga-peniaga kecil mereka kena beli yang tong-tong, 3 kilo dan 5 kilo. Dulu sebelum ini harganya adalah 5 kilo dan kalau cap sawit, buah sawit berapa? RM14.35 untuk 5 kilo. Untuk 5 kilo RM14.35. Sekarang selepas subsidi dipotong, ha ini potong subsidi siapa punya kerja? Potong subsidi barang keperluan-keperluan asas ini di Putrajaya, sekarang harganya 5 kilo daripada RM14.35 melonjak kepada RM21.30. Kenaikan hampir RM7.00. Inilah satu tong boleh naik sampai RM7.00, 48% kenaikan. Jadi ini sangat terkesan kepada rakyat di bawah ini. Bagaimana peniaga goreng pisang, bagaimana peniaga restoran yang gunakan minyak dan sebagainya? Harga mereka terpaksa dinaikkan. Jadi akhirnya pengguna terpaksa gunakan, rakyat biasa terpaksa makan barang yang mahal kerana subsidi ditarik. Persoalan pertama subsidi minyak, gula. Gula sekarang berapa? Saya dulu berniaga runcit, saya tahu gula sebelum subsidi dipotong RM1.45 satu kilo. Sekarang apabila dipotong subsidi RM2.85 satu kilo, naik 100%. Satu paket dulu boleh beli lagi satu paket. Sekarang, satu paket sahaja satu kilo. Bagaimana perkara ini berlaku di Malaysia yang tercinta, kaya dengan hasil masuk, Tuan Timbalan Speaker. Kita tak boleh terima. Kenapa ini berlaku? Kerana kesannya potong subsidi. Potong subsidi. Ada orang bertanya kenapa zaman Tun Dr. Mahathir, zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi subsidi ini tidak dipotong dan bisa mampu untuk tampung subsidi. Kenapa zaman Dato' Seri Najib ini enggak bisa? Tak mampu? Apa puncanya? Puncanya rasuah, puncanya skandal, bapak kepada segala skandal. 1MDB dan sebagainya, duit kita terbakar, bawa pergi Amerika dan sebagainya dan ini yang berlaku. Ini satu perkara yang pertama, soal potong subsidi.

Perkara yang kedua, Tuan Timbalan Speaker. Pelaksanaan cukai *Good and Service Tax (GST) 6%*. Ini perkara yang kedua. GST ini satu cukai yang sangat menekan rakyat. Rakyat tak kira di mana pun, termasuk golongan kurang upaya, golongan asnaf yang memang tergolong dalam asnaf, memang miskin. Kita kena bagi zakat, orang Islam kena bagi zakat bantuanlah. Mereka ini dikategori orang yang miskinlah. Kena bagi zakat dan sebagainya. Orang macam ini pun apabila berbelanja mereka kena 6%. Ini cukai zalim, sepatutnya orang seperti ini Tuan Timbalan Speaker, orang seperti ini harus dikecualikan tetapi Kerajaan di Putrajaya mereka ini tidak ada hati perut. Benda ini pun mereka tekan. Ini perkaranya. Jadi cukai GST ini sudah dilaksanakan hampir tiga (3) tahun. Setiap tahun sedut duit daripada duit pasaran daripada rakyat RM41 billion, dua (2) tahun dah RM81 billion, tiga (3) tahun dan RM1,000 lebih billion. Mana pasaran ada duit? Duit semua disedut. Tak apa. Kalau Kerajaan tak ada duit, dia sedut duit ini dia bantu banyak pembangunan tak apa. Tapi sekarang kita nampak tak ada pembangunan. Pembangunan ada tapi tak nampak pembangunan yang besar-besar yang dapat menjana ekonomi kepada rakyat, peluang pekerjaan.....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekinchan, mencelah boleh?**

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Bernam minta Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha, Hulu Bernam. Saya bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Bila sebut subsidi, kita rakyat Malaysia ni, rakyat Selangor berasa syukur tau pasal subsidi ini lagi. Kalau nak di banding negara di luar sana tak ada subsidi. Gula yang sebut tadi RM2.75, kita beli di luar daripada Malaysia RM5.00 harganya pun masih subsidi. Kita rasa syukur dalam keadaan apa pun kita kena tahu. Jangan nak politik sangat nak bagi rakyat benci kepada Kerajaan Barisan Nasional ini. Jangan lebih-lebih sangat. Jadi saya nak sebut fasal GST ini, kita yang paling rendah 6%. Kalau banding dengan Singapura, cuba jawab berapa *percent*? Jawab, Sekinchan? Singapura berapa *percent* GST nya? Indonesia berapa *percent*? Kalau tak ada GST macam mana nak *rolling*? Kena faham, takkanlah tak tahu. Benda kecil ni pun tak tahu, susahlah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Berapa gaji minima Singapura?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Hulu Bernam.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sekinchan, sikit Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kejap ya. Biasa Hulu Bernam dia diam, tak melenting. Tapi sore *eki*, dengan izin, petang ini dia dah melenting sebab benda-benda yang saya sebut ini kena, kena pada tempat dan sasarannya. Tapi tak apalah, saya bagi Kota Anggerik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Sekinchan, Hulu Bernam nak banding kita dengan Singapura. Adakah Hulu Bernam atau Sekinchan nak ingat berapa gaji minima di Singapura berbanding gaji minima kita di Malaysia. Jadi tak boleh dibandingkan sebab gaji minima kita RM1,200.00, gaji minima sana 1,200 Singapore dollar.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Kota Anggerik. Buat pencerahan bagi *point* ya. Saya nak bagi tahu kalau nak banding Singapura duit ringgit sahaja. Bab yang ketiga saya belum sebut dua (2) faktor yang menyebabkan rakyat terkena sengsara penderitaan, keperitan hidup kos saraan hidup, yang pertama. Yang kedua, potong subsidi. Subsidi dikatakan dengan ayat yang cantik dalam TV3 menipu rakyat, penyelarasian. Penyelarasian subsidi, walhal tarik balik subsidi, potong subsidi gunakan ayat yang cantik. Rakyat terkena dengan tipuan janji manismu. Yang itu nombor dua. Nombor tiga, soal kejatuhan mata wang ringgit hampir 30% sejak dua, tiga tahun ini. Kalau banding dollar Singapura berapa? Sekarang RM3.10 - 1 dollar. Kenapa Malaysia ini? Sepatutnya Malaysia di depan. Saya yakin Malaysia ini kaya dengan hasil masyhur, negara yang barokah. Berkat buminya bertuah. Kalau kita urus tadbir dengan baik, saya yakin dan percaya Selangor kalau kita tadbir, Putrajaya dalam tempoh masa 10 tahun kita akan perbetulkan keboblokan, kepincangan rasuah. Orang ini kita tangkap satu per satu dan kita perbetulkan. Saya yakin Malaysia akan lebih ke depan. Betul. Malaysia bisa. Malaysia ada kemampuan tapi sebab kenapa sampai sekarang macam ini sebab ada kepimpinan rektokrat di Putrajaya.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Minta mencelah sikit. Sekinchan, boleh saya minta mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Oh, Kota Damansara, nak mencelah ke apa?

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Nak celah sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara, silakan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Kadang-kadang kita ini kan, bila bercakap dia tak sedar mengata orang. Tapi diri sendiri lagi lebih. Lebih sudu daripada kuah. Kata Hulu Bernam naik suara, Sekinchan pun sama je. Sebab itu, kita ini jangan mengata orang, jangan mengutuk lebih-lebihkan? Sebab jangan jadi macam Lim Guan Eng. Sekarang apa jadi dengan Lim Guan Eng? Apabila bencana berlaku di Penang, menangis kalau tengok muka *Ya Allah, Ya Rabbi*. Saya tengok sedih yang teramat sangat. Sebab, jangan jadi macam Lim Guan Eng. Sekarang apa jadi dengan Lim Guan Eng apabila bencana berlaku di Penang? Menangis. Kalau tengok muka *Ya Allah Ya Rabbi*...saya tengok sedih yang teramat sangat. Minta bantuan daripada Timbalan Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri tu siapa? Kerajaan Persekutuan. Akhirnya minta juga pertolongan kepada Kerajaan Persekutuan. Jangan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

mengata. Kalau bencana alam berlaku di Negeri Selangor, jangan nanti berlaku benda yang sama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Kota Damansara, kalau kita bicara soal bencana ini, soal musibah, malapetaka ini, kecelakaan ini, mana-mana dia akan berlaku. Jadi, kita kena kerjasama jaga rakyat. Bagaimana kita nak selamatkan rakyat, itu yang pertama. Soal politik kita kena ketepikan. Waktu musibah besar ini kita jangan bicara soal kepentingan politik. Kita kena selamatkan rakyat. Itu baru jiwa besar sebagai pemimpin. Kalau macam itu dah bezakan ini bezakan itu, ini politik sempitlah. Longkang punya politik. Malulah. Saya tak ada. Kalau ada mana-mana yang susah kita tolong. Pagi tadi....

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Menteri Besar dan juga Exco semua kita dah rancangkan pantas Skuad PANTAS dah bergerak ke depan, pergi ke Pulau Pinang. Menteri Besar pagi tadi di mana? Di Pulau Pinang. Dah sumbangkan RM1 juta. Ini Selangor, kita jaga.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Saya nak minta penjelasan sekali lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Negeri Kelantan, Selangor pun ke depan. DAP pun ke depan. Ini cara kita.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Seri Andalas minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Jadi, soal ini, soal ini jangan politik. Politik nanti rakyat marah. Rakyat nak tolong sekarang. Ya, kita bagi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Minta celah. Minta celah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teratai minta. Sekinchan, Teratai minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya bagi Teratai. Ingat Andalas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ambil Teratai.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan juga Sekinchan. Adakah, bolehkah kita bandingkan apabila ada suatu malapetaka berlaku dalam negeri kita ataupun negara kita pemimpin kita memang pergi tolong. Sampai tengah malam pun di kawasan berlaku malapetaka. Jikalau dibandingkan dengan ada seorang pemimpin lain yang bermain golf di luar negara walaupun dalam negara kita dilanda malapetaka. Jadi, kita kena bandingkan yang mana ialah pemimpin yang berjiwa rakyat, yang mana pemimpin yang rakyat seperti Menteri Besar kita yang bergegas ke Pulau Pinang untuk menolong Ketua Menteri Pulau Pinang dan rakyat di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Ya, saya tegaskan lagi dalam Dewan Yang Mulia ini ya, soal menyelamatkan mangsa, bagi bantuan kepada mangsa semasa ditimpa musibah ya, ujian daripada Tuhan semua ini biasa. Jadi, kita kena tolong. Menteri Besar kita contoh. Terus ke Pulau Pinang. Ini contoh. Jadi,.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Burong minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sungai Burong?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ooooo Sungai Burong. Ok. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya sebenarnya tak naklah masuk campur mana-mana. Tapi bila saya ingat bangkit isu malapetaka ini, saya nak kembali kepada soal urus tadbir. Saya nak minta menjalankan urus tadbir. Seorang urus tadbir yang bagus dia akan merancang ya. Dia dah nampak. Ini dah hujung tahun ya. Saya pun nak juga nak bangkitkan nanti dalam perbahasan saya di Selangor ini supaya kita berhati-hati. Di hujung tahun musim tengkujuh ya. Selalu akan berlaku banjir. Di mana-mana negeri kita lihat ini *trendnya* pada apa tahun-tahun yang ke belakang kita boleh. Kerana itu perlu ada perancangan. Kena wujudkan Jawatankuasa Keselamatan Negeri, aktifkan. Ini apa dia buat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang? Dia datang dia macam ***fire fighting***. Bila dah berlaku tersebut sedih. Dah tak tau buat apa-apa minta tolong pada Kerajaan Persekutuan. Dia sepatutnya menuju jawatankuasa di peringkat negeri untuk melihat kemungkinan berlaku malapetaka banjir yang akan berlaku dan siapkanlah jentera dalam negeri, agensi-agensi kerajaan semua ada yang bersedia untuk memberikan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

khidmat. Ada bomba, ada polis, ada Pertahanan Awam, ada institusi-institusi di bawah pentadbiran negeri, **JKKK** nya, apa semuanya. Ini semuanya dah merupakan agensi-agensi di bawah jagaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang boleh digemblengkan untuk merancang dan menghadapi masalah banjir. Tapi ini tidak dilakukan. Itu sebab tidak hairan kalau di Pulau Pinang pemimpin DAP nya terlibat dengan rasuah. Sebab tidak cekap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Burong apa soalannya?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Itu saya nak minta penjelasan daripada....soalan saya,....

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Dia gagal. Gagal mentadbir.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan saya Timbalan Pengurus, adakah Sekinchan bersetuju ya, bahawa isu malapetaka ini perlu juga di orang kata, dirancang dilaksanakan sebagaimana kegagalan Kerajaan Pulau Pinang kita lihat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok. Sila Sekinchan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Kegagalan tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Cukup, cukup .

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Sungai Burong yang ambil peluang untuk bercakap. Sebenarnya apa yang saya katakan, setiap negeri kita ada semua jawatankuasa-jawatankuasa bencana dan sebagainya. Negeri Pulau Pinang pun ada. Selangor pun ada. Kita sentiasa waspada. Tapi kalau bencana musibah besar datang, jawatankuasa yang kita adakan pun tak mampu nak mengurus tadbir semua. Kita tau. Jangan kita nak cakap sompong. Hari ini Sungai Burong jangan sompong. Kita kena tawaduk. Jangan sompong. Kita kena tawaduk.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Siapa yang sompong ni? Siapa yang sompong?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kita, ya, saya beritahu mana-mana negeri...

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Penjelasan.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kita sebagai pentadbir...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ini Tanjung Sepat minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya bagi Tanjung Sepat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Y.B. Sekinchan. Saya ingin penjelasan daripada Y.B. Sekinchan, adakah Y.B. setuju bahawa malapetaka ataupun bencana ni ataupun kerosakan sama ada daripada alam sekitar ataupun urusan pentadbiran kerajaan adalah merupakan punca daripada tangan-tangan ataupun sikap daripada manusia itu sendiri?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tanjung Sepat. Soal ini kita akan kaji kemudian sebab sekarang yang pentingnya, yang pentingnya kita kena selamatkan rakyat yang dilanda musibah. Kemudian boleh buat **post-mortem** dan sebagainya cari punca. Ini sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kita kena buat. Soal bagaimana kita dah **check**, apa masalah kita kena ada **post-mortem** kemudian apa yang berlaku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Jadi Permatang, inilah cara kita buat ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Jadi, saya tak mahu panjang lagilah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan, Kampung Tunku, Permatang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Haa...Kampung Tunku. Saya bagi Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku, saya nak Kampung Tungku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya nak ringkas saja Yang Berhormat Sekinchan. Mungkin dari segi persembahan Sekinchan lebih ke depan sedikit tapi apa yang dinyatakan oleh Sekinchan tu semuanya fakta. Saya ingin bertanya kepada

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Sekinchan, bukankah sekarang ini Malaysia dilanda satu lagi malapetaka yang lebih dahsyat, lebih serius dan nama dia ialah malapetaka ribut taufan 1MDB.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ini lagi tak faham.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Orang kata bencana lain dia kata bencana lain.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ini betul-betul bencana politik lah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Kita cerita fasal bencana dia cerita fasal bencana lain. Cakap berpusing.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Sikit-sikit politik. Politik juga. Orang nak jaga rakyat dia jaga politik.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Kalau Hulu Bernam nak bahas, saya bahas nanti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya minta semua duduk. Semua duduk. Saya percaya kita tidak bersetuju dengan cara macam ini. Bila kita nak bercakap menggunakan mikrofon dan saya percaya adab yang kita perlu ada ialah minta izin daripada Speaker. *Very simple*. Dan tidak pernah saya tidak membenarkan untuk pertanyaan atau mencelah daripada mana-mana pihak dan saya berharap tak diulangi perkara seperti ini dengan duduk tekan mikrofon dan bercakap dengan menjerit dengan mikrofon. Saya percaya Sekinchan, sambung.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, saya mohon.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Jadi, saya teruskan. Saya akur...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Permatang minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Arahan Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Minta Permatang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok lah, saya bagilah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih. Apa yang rakan saya sebut tadi daripada Kota Damansara sebenarnya bukan apa. Dulu waktu berlaku banjir di Kelantan, Ketua Menteri Pulau Pinang keluarkan kenyataan yang sangat menyayat hati kepada Negeri Kelantan. Kata itu tarah bukit dan sebagainya, itu sahaja sebenarnya yang pertama. Yang kedua, satu daripada sebab berlakunya banjir ialah kerana toreh bukit, potong bukit, buat pembangunan yang tidak terancang. Sebagai contoh, di Pulau Pinang beberapa bulan yang lepas Tanjung Bungah runtuh tebing. Berlaku semalam juga berlaku runtuhan tebing kerana tarahan tebing dan juga menggondolkan bukit. Jadi, saya nak tanya itu kerana sebab manusia sebagaimana Tanjung Sepat sebut tadi. Jadi, kena ambil iktibar. Sungai Burong pun cakap tadi sebahagian daripada sebab kerana kerakusan manusia yang ada di Pulau Pinang itu. Jadi, saya cadangkan Sekinchan cadang kepada Ketua Menteri daripada DAP – *Democratic Action Party* kepada *Developer's Action Party*. Sebab CM ni banyak semua bagi kepada pembangunan untuk sehingga tak terkawal. Sampai yang marah tu bukan orang BN, ADUN daripada DAP pun istiharkan tu...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok. Permatang dah faham soalan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya nak tanya, nak minta penjelasan maklum balas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih. Seperti apa yang saya tegaskan tadi, terima kasih kepada Permatang dia tak faham tadi saya kata ini sekarang masanya bukan kita pertikaikan apa. Masa kita kena selamatkan mangsa banjir dahulu kemudiannya kita buat *post-mortem* apa sebabnya dan itu caranya saya cakap. Kalau kita nak tuduh kat Cameron Highlands dulu bagaimana? Jadi, saya tak nak tuduh. Nak tuduh tak habis. Jadi, kita kena ambil sikap peduli rakyat dan bertanggungjawab. Jadi, saya rasa setakat itu. Jadi, saya nak teruskan Tuan Timbalan Speaker harapan rakyat agar Kerajaan Persekutuan dapat membela dan memperjuangkan hak dan nasib mereka melalui Pembentangan Bajet 2018 berkecuali apabila pembentangan tersebut tidak menyebut bagaimana nak hapus GST, bagaimana nak kurangkan kos saraan hidup. Ini yang rakyat derita. Rakyat hampa dalam konteks ini. “*Anak lanang tunangan karo perawan, tapi duit orak cukup gawe hantaran, Najib ngomong bajet iki ibu segala belanjawan, tapi ngopoh GST kok terus dibaham*”. Maksudnya, saya nak bagitahu Tuan Timbalan Speaker, kenapa dalam belanjawan ini kita tahu dalam bajet di

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Putrajaya kita tahu masalah rakyat adalah kos saraan yang tinggi. Puncanya GST, potong subsidi dan kejatuhan mata wang. Pengurusan yang tempang, pincang, rasuah dan bapa segala skandal adalah 1MDB tapi tidak ditangani di diam saja. Ini perkaranya. Dan, seterusnya kebelakangan ini ada pemimpin UMNO Barisan Nasional yang berlagak kononnya prihatin terhadap penderitaan rakyat terutamanya orang kampung dan golongan marhaen dengan lakonan berbagai watak yang lucu dan bersifat komedi yang berlanjutan sebagai contoh, saya bagi contoh. Ada yang tampil ke hadapan seolah-olah hero, hero dan jaguh, pendekar bangsa dengan menjual ikan kembung yang lebih murah, sekilo RM5.00 kepada penduduk kampung tetapi hanya terhad kepada dua kilo seorang dan hanya dijual secara tidak berkala dan bermusim-musim, lebih-lebihnya ketika nak sampai pilihan raya, itu yang pertama. Yang kedua, ada pemimpin rasis, yang tidak bertamadun, pernah bertindak ganas dan samseng di depan pintu pagar SUK berkelakuan tidak senonoh lebih daripada orang mabuk dan pecahkan botol bir kini tampil menghidangkan makanan tengah hari percuma untuk rakyat. Yang ketiga, ada pemimpin yang mengamalkan politik samseng dan kata politik yang pernah membuat ugutan nak simbah air ikan kepada Datuk Bandar. Ada macam tu. Kini tampil menghidangkan burger percuma kepada penduduk kampung secara bulanan. Ada pemimpin yang tidak menghormati undang-undang dan mencabar wibawa PBT dengan mendirikan bangunan tanpa kelulusan CF jabatan berkenaan kini tampil menjual gas yang lebih murah kepada penduduk kampung. Sekali imbas seolah-olah pemimpin UMNO BN ini bersama konco-konco yang sewaktu dengannya hendak meringankan beban rakyat melalui contoh kaedah di atas. Akan tetapi ia hanya sekadar lakonan filem komedi dan sandiwara yang berlanjutan tanpa sebarang penyelesaian tuntas mengenai bagaimanakah dapat membantu rakyat dengan mengurangkan bebanan kos saraan hidup secara holistik. Kita sedia maklum bahawa kaedah sedemikian bukan cara penyelesaian untuk nak ringankan bebanan rakyat. Tuan Timbalan Speaker, dalam Dewan Yang Mulia ini saya cabar Ahli-Ahli Yang Berhormat dari UMNO Barisan Nasional terutama Yang Berhormat, hari ini Sungai Panjang datang, Sungai Panjang dan Ahli Parlimen Sungai Besar bersama dengan bosnya jaguh Melayu Sungai Besar yang pakai tuala pada waktu tengah hari di depan SUK, pakat-pakat beraraklah buat demonstrasi bawa orang kampung berarak buat demonstrasi pergi ke Putrajaya bagi tahu Perdana Menteri suruh minta selesaikan kos saraan hidup rakyat. Caranya senang, batal GST. Batal GST kembalikan potongan subsidi. Kembalikan subsidi kepada rakyat. Kedua-dua langkah ini akan kurangkan kos hidup, kurangkan harga barang. Kalau pemimpin-pemimpin dalam Dewan ini, pembangkang ini tak berani, maknanya ini semua penyokong GST, penyokong potong subsidi, ini semua yang bertentangan dengan harapan rakyat. Mereka tidak tahu keluh gelisah rakyat. Apa yang rakyat susah, derita mereka tak faham. Mereka terus menyokong GST. Inilah, kalau berani kena lawan dengan sang penguasa kleptocrat di Putrajaya bagi tahu mereka hapus GST. Barulah beri tahu kampung masuk orang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kampung barulah cerita jangan ambil duit GST, ambil duit GST daripada rakyat, kemudian salurkan sedikit-sedikit kepada rakyat nak bagi makanan percuma. Nak bagi apa.

- Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Mencelah
- Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ikan percuma, ikan lebih murah.
- Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Speaker.
- Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ini bukan penyelesaiannya.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Hulu Bernam minta mencelah.
- Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Hulu Bernam.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Bernam.
- Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Macam mana kalau sekarang kita GST 6%, kalau kerajaan, *nauzubillah* lah kalau kerajaan Sekinchan ni saya rasa bukan 6% lebih daripada 12%. Cakap tak serupa bikin. Kalau tidak macam mana negara akan lumpuh lah. Bukan kita masalah sokong tak sokong. Ini perkara realiti. Semua kerajaan 156 negara menjalankan GST dengan baik saja. Tidak ada masalah. Kerajaan Arab Saudi pun akan wujudkan GST dia 5% negara kaya.
- Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** GST. Inilah, kalau berani kena lawan dengan sang penguasa autokrat di Putrajaya, bagitau mereka hapus GST. Baru lah beritahu kampung, termasuk orang kampung, barulah cerita jangan ambil duit gst. Ambil duit GST daripada rakyat kemudian salurkan sedikit-sedikit kepada rakyat, nak bagi makanan percuma, nak bagi ikan percuma
- Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Mencelah..macamana?
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Speaker.
- Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ikan lebih murah..ini bukan penyelesaiannya!
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan. Hulu Bernam minta mencelah.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha, Hulu Bernam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Macam mana kalau sekarang kita GST 6%, kalau kerajaan *nauzubillah* kerajaan Sekinchan ni, saya rasa bukan 6% lebih daripada 12%, cakap tak serupa bikin, kalau tidak macam mana negara ke lumpur lah. Bukan masalah kita sokong tak sokong, ini perkara realiti semua kerajaan 156 negara menjalankan GST dengan baiknya, tidak ada masalah. Kerajaan Arab Saudi akan wujudkan GST 5%, negara kaya, Indonesia pun ada. Semua rata, macamlah tak belajar. Sekinchan inilah, jangan hipokrit sangat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Dia melenting dengan gst. Kalau skandal 1MDB, lagi dia melompat. Tak apa lah, biar dia terus melompat, melenting, tapi rakyat tahu. Masalahnya mereka ini penyokong. Penyokong GST, penyokong potong subsidi untuk tindas dan susahkan rakyat. Ha, ini muka sebenar mereka, ya, bapak segala skandal. 1MDB mereka diam. Angguk sahaja. Tak berani buat apa-apa. Jadi, saya minta rakyat di luar, pilihan raya akan datang kita terus sokong ya, kerajaan yang ada sekarang. Kita tolak bulat-bulat ya Barisan Nasional, yang nak pakai tuala dan sebagainya, biarkan dia terus pakai tuala kan. Tengah hari di pintu pagar SUK. Tuan Timbalan Speaker, saya nak teruskan nak ucapkan terima kasihlah Dewan yang mulia ini, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana selalu terjah ke Sekinchan, ke Sg. Besar baru-baru ini, semalam pun ke Tanjung Karang, Sg. Besar bersama rakyat memahami ya, keperitan hidup, masalah yang dihadapi oleh petani, oleh nelayan dan sebagainya. Ini lah Menteri Besar berjiwa rakyat. Terjah sentiasa dan duduk di kampung ya. Sembahyang Subuh dengan orang kampung dan sebagainya. Ini lah cara pemimpin ya, yang rendahkan diri, merendahkan diri depan rakyat. Berjiwa rakyat, ini penting.

Dan seterusnya masalah petani-petani, pesawah-pesawah di Sabak Bernam, di Sekinchan ini. kita mengharapkan pembelaan. Di mana dalam musim yang lepas, tiga (3) musimlah berturut-turut, ada satu musim dua (2), 2016 ya, musim dua (2), 2016 di mana ramai rata-rata petani menghadapi musibah. Ha, ini musibah serangan penyakit *BLB* ya, *Bacteria Leaf Blight*, *BLB* ataupun Bakteria Hawar Daun telah menyebabkan rata-rata ramai petani, pesawah-pesawah, Melayunya, Cinanya, Indianya..seluruhnya menghadapi kemerosotan hasil tuaian mereka. Merosot, 8 tan tinggal 3 tan, 10 tan tinggal 3 tan. Mereka kerugian ya. Amat kritikal. Ini satu musibah. Dan kemudiannya mereka terpaksa berhutang. Berhutang dan hutang apabila mereka nak bayar hutang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

untuk sewa kebun, sewa lot pun tak mampu. Akhirnya, mereka pinjam dengan kawan, sanak saudara dan ada yang lebih kasihannya pinjam dengan *along* dan sebagainya pun ada. Jadi, kita, waktu ketika itu berlakunya musibah seperti ini, saya bersama Yang Berhormat Sabak, kita dah panjangkan masalah ini, kita terus dengar apa yang dihadapi oleh rakyat, kita panjangkan kepada Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat EXCO Pertanian Taman Templer minta apa yang boleh kerajaan negeri bagi walaupun kita tahu, bila pertanian ini di bawah MOA ataupun Kementerian Pertanian, Kementerian Pertanian harus ambil tanggungjawab. Apa-apa musibah berlaku, kita kena segera bantu mereka tetapi malang tidak berbau, waktu ketika itu, tak ada bantuan secara *ad-hoc* pada ketika itu, jadi, akhirnya kita minta kerajaan negeri Yang Berhormat Taman Templer, saya bagi surat dan sebagainya dan dia cepat. Yang Berhormat turun, tak sampai tiga (3) hari dah turun ke Sekinchan dan kawasan-kawasan sekitarnya dan tinjau sendiri dengar sendiri apa permasalahannya akhirnya balik buat kerja dan ..

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Mencelah boleh..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ini cara, cara bagaimana..bagaimana kerajaan negeri kita bantu..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan nak bagi Hulu Bernam lagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Hulu Bernam, hari ini minat saya, tak apa lah.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya hari ini memang minat dengan Sekinchan ni. Ok, Sekinchan. Saya tengok Sekinchan betul-betul berlakon macam hero, macam pejuang rakyat lah hari ini, kononnya. Saya nak tanya Sekinchan. Kenapa, kalau betul-betul pejuang rakyat ni, kenapa cukai pintu, cukai tanah..tak turun-turun malah makin naik? Kenapa? Cuba jawab soalan kalau betul-betullah peduli rakyat. Peduli ke nak gasak rakyat? Nak tekan rakyat? Jangan nampak sebelah gst lah apa lah, yang ini tak nampak. Gajah depan mana tak nampak, nun kuman jauh sana nampak. Jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih dengan gajahnya, dengan apa.. terima kasih Hulu Bernam, ya. Saya nak tegaskan, ya, soal cukai pintu dan sebagainya. Kampung Baru, Kampung Tradisi, ya, penjajah-penjajah fi lesennya dah tiga (3) tahun berturut-turut termasuk Belanjawan kali ini pun kita ya, kecualikan setahun lebih RM70 juta.. RM60 lebih hingga RM70 juta kerajaan kekurangan hasil dari segi ini. Tapi kita buat. Hulu Bernam dia tidak terikut dengan apa..saya rasa dia tak baca kot. Apa Belanjawan Menteri Besar ya. Mungkin dia terlepas pandang lah, jangan kata tak baca, terlepas pandang. Ya, tak apa. Itu biarlah tapi persoalan-persoalan bersama pesawah

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

ini apabila kita utarakan panjangkan kepada Yang Berhormat EXCO terus ya, cari dana mana yang ada kita terus bagi bantuan dalam masa terdekat, turun ke kawasan dan bagi bantuan racun rumput rumpai. Berapa? RM200 setiap seorang. Itu permulaan. Walaupun kerajaan negeri kita dalam konteks dana untuk petani ya, kita agak kurang sebab kita bukan bidang kuasanya kita hanya penyelaras tapis kita bantu juga dalam konteks ini. Dan itu yang pertama kita nak bantu. Kita cepat. Petani-petani, pesawah cukup gembira dan kita asyik tunggu bagaimana.. daripada Kementerian Pertanian, tak datang. Kemudian kita minta lagi apabila sidang Dewan, kita minta Yang Berhormat Sallehin tulis surat, kita minta kepada Menteri Besar, bantulah petani, bantulah pesawah. Mereka dalam penderitaan, mereka hutang dah, duit tak ada, hasil jatuh *ambruk*, dengan izin, *ambruk*. Semua tak ada, tumbang dah hampir nak tumbang, akhirnya Menteri Besar peduli rakyat, fikir dana Selangor yang ada bagi! Ya, bagi peruntukan segera bantuan khas kewangan. RM8.54 juta kepada berapa? 8,953 pesawah-pesawah di daerah Sabak Bernam, Sekinchan dan Parit 4 Sg. Burong dan sebagainya. 8,953 orang. Berapa seorang dapat? RM960.00. Ini baru kapasiti kerajaan negeri!. Ini paling penting dan ini keikhlasannya, keikhlasan kerajaan negeri nak membantu. Apabila kita dah sampaikan bantuan ini, baru lah Kementerian

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Pertanian bagaikan cacing kepanasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh dapat penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sg. Burong..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bukan cacing kepanasan ya?

**TIMBALAN SPEAKER :** Sila Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Siapa yang cacing kepanasan? Tak ada siapa yang cacing kepanasan. Kita nak..perasan sendiri sahaja. Dia yang kepanasan kot. Saya, memang tertariklah. Maknanya usul-usul untuk membantu pesawah-pesawah kerana mangsa *BLB* ya. Walaupun begitu, saya nak bertanya penjelasan. Sekinchan tahu tak dalam tahun 2016, saya pun ada pertanyaan Dewan ya bahawa pada masa itu, Sawah Sempadan ini telah, apa..salah satu daripada

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kawasan *Rice Bowl* di negeri Selangor ini, dengan izin, telah orang kata..*panen* dulu, telah menuai dulu. Jadi, kemudian itu baru lah dia menuai berperingkat-peringkat daripada Sawah Sempadan ke Sg. Burong ke kawasan Sg. Besar akhirnya ke Utaralah. Semasa berlaku *BLB* ni, *BLB* ni satu wabaklah, wabak penyakit yang merosakkan tanaman, memusnahkan keseluruhan sawah padi. Kawasan Sawah Sempadan ini pun terkena juga *BLB* ya, tapi dia awal.

**TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat tolong ringkaskan soalan Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya.

**TIMBALAN SPEAKER :** Jangan bersyarah pula.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalannya ialah Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan ini diberi daripada hijau, kuning, merah ..

**TIMBALAN SPEAKER :** Itu hak Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** dan hijau balik dan sekarang merah. Saya cuma nak dapatkan penjelasan sahaja.

**TIMBALAN SPEAKER :** Saya minta Yang Berhormat pendekkan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Usaha-usaha bantuan *BLB* ini, walau bagaimanapun, kerajaan negeri mungkin terlepas pandang ni. Kawasan Sawah Sempadan ini tidak mendapat, orang kata, bantuan ya, kepada petani-petani itu, sudahkah? Dan apakah langkah-langkah, apa orang kata, Sekinchan untuk membantu mereka?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya, kita dengan Sabak ni, kita kerja kuat dalam Dewan, kita suarakan perkara ini. Waktu itu saya dengar tak dengar Sg. Burong suarakan. Patutlah Menteri Besar tak tahu. Sg. Burong pun ada sebahagian. Patut kena suarakan. Dalam tu bahas. Jangan hilang. Kena bahas. Bahas apa masalah petani, bawa ke DUN. Kalau Menteri Besar dengar, kita pun *check* juga. Dan takkanlah Sabak boleh dapat, Sekinchan boleh dapat, Sg. Panjang boleh dapat, Air Tawar boleh dapat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Timbalan Speaker..boleh saya minta betulkan penjelasan itu?

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sg. Burong terlepas.

**TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong minta ..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini soalan bertulis saya ni. Pertanyaan bertulis saya dalam Dewan yang lepas ya. Bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar berapakah jumlah sawah padi yang telah diberikan bantuan oleh kerajaan negeri sebab serangan wabak *BLB* pada tahun 2017. Jawapan yang diberi ini, saya nak bacakan (a) Tiada bantuan yang diberikan kepada pesawah. Memang masa itu belum bagi bantuan tau, bagi bantuan tu kemudian ya. Ini nak bagitau, bukan saya tak..saya bertanya ni. Bertanya bertulis lagi sebab saya nak pastikan jawapan yang tepat daripada kerajaan negeri. ‘Tiada bantuan yang diberikan kepada pesawah musim 2017 memandangkan bantuan kewangan tersebut hanya diberikan kepada penanam padi musim 2016.’ Ok yang (a) tu saya nak beritahu. Maknanya, saya sudah bawa perkara ini. Jadi, janganlah tuduh yang bukan-bukan Sekinchan. Bukannya saya tak membangkitkan, sebagai wakil rakyat..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya..saya akan teruskan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sg. Burong, selain daripada saya bawa kepada Kementerian Pertanian, kepada Menteri yang berkenaan juga, saya bawa ke Dewan ini. Ha, jadi..Sekinchan jangan tuduh ya. Ha, minta tarik balik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sg. Burong

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan sambung.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nampak ni Sekinchan sebagai seorang yang membohong. Itu yang saya nak tengok. Dalam rekod ya, sebab dia tuduh saya yang bukan-bukan, yang tak betul.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak bagitau Sg. Burong, saya cuma kata dalam..dalam perbahasan saya tak dengar. Ha? Dia tanya..dia tanya. Saya minta. Saya dengan Sabak, kita minta. Dia tanya, tanya. Kerajaan tanya jawablah kan. Kita minta. Jadi, lain kali perbahasan kena minta. Saya minta Yang Berhormat Dato' Menteri Besar tolong! Kita minta! Ini, tanya! Tanya, tanya semua kita tanya. Tanya, orang tak layan tanya! Ini penting, tanya dengan minta lain. Tak apa, kita tak apa. Hari ini kita sekolahkan Sg. Burong dulu ya. Teruskan. Saya akan teruskan untuk..apabila kita bagi bantuan tersebut, pihak Kementerian barulah dia cepat-cepat. Barulah mereka kelam kabut dan cari, baru luluskan dana RM550.00 untuk satu lot. Ha! Tak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

apa. Kita alu-alukan semua bantu tapi cuma saya pertikai kan di sini dalam Dewan yang mulia, sebagai yang menjaga bidang kuasa pertanian itu, Kementerian Pertanian ini, bukan bagi RM550.00 untuk satu lot. Ini musibah. Kena bagi RM3,000.00 satu petani, satu lot bukan RM550.00. Kerajaan negeri RM960.00 campur RM200.00 dah RM1,160.00 ini baru bagi RM550.00 takkanlah macam tu. Tak boleh, sebagai bapak, kita ini bukan bapak. Kita di sebelah. Macam sedekah kepada petani, tak boleh! Pesawah ini kena dapat RM3,000.00 daripada Kementerian Pertanian, baru lah boleh. Saya rasa Sg. Panjang, Sg. Panjang tak sebut dalam Parlimen lah. Ini lah masalahnya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh minta penjelasan ni?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya Sekinchan, Sg. Burong minta lagi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya minta dah lama dah ni.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ada, ada. Jangan kacau. Ini kuasa Speaker. Dia tak boleh yang mengganggu, saya akan teruskan. Soal waktu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan tak benarkan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dia buat tuduhan-tuduhan, masalahnya dia buat tuduhan-tuduhan banyak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soal waktu, soal waktu budi bicara Tuan Speaker. Tuan Timbalan Speaker ya. Waktu itu jangan dicabar. Soal waktu budi bicara Tuan Timbalan Speaker ya. Jadi, saya nak tegaskan dalam konteks pertanian ini, dalam..dia nak cakap ni, cakap sendiri ni macam mana ni? Kena tertib ni. Cakap sendiri, ini ada .. oh! Baru-baru ni kita ada..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Sekinchan..sebelum

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Baru-baru ni kita ada Belanjawan untuk bantu pesakit mental. (Dewan ketawa). Adakan dalam? Ada kad ya? Ada kad? Kalau mental boleh sakit ya. Saya teruskan lah ya saya teruskan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Nak mencelah sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** *Ngomong-ngomong dewek..kita terus..*

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sekinchan nak mencelah sikit. *Hello, nak mencelah sikit.*

**TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara minta, bagi tak bagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kena bagi ke?

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Bagi tak? Nak bagi tak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bagi.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Bagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bagi..bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Haa, nak cerita tentang pesakit mental tu saya tengok Sekinchan pun ada sikit-sikit dah ada punya (ketawa). Contoh, dah ada sikit dah virus tu dah ada pesakit mental. Terima kasih juga lah kepada EXCO yang telah, Menteri Besar yang telah mengumumkan untuk ADUN-ADUN mereka, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ini sangat ganjil, tak apa lah tak apa. Kita bagilah. Kota Damansara dia tak ada apa *point*. Hanya itu sahaja ada, tak apa kita bagilah tak apa. Dia hanya *point* itu. Tak apa lah, saya bagi, saya..saya terima lah apa dia nak cakap. Tapi yang saya nak kata sekarang ni rakyat masih belenggu, itu bantuan-bantuan tapi soal dasar pertanian ini, pesawah-pesawah ini mereka tak ada jaminan. Kenapa saya kata tak ada jaminan? Ada satu punca, di mana padi..beras yang kita hasilkan harganya masih di paras RM1,200.00 satu tan. RM1,200.00 satu tan. Patut kena dinaikkan tetapi tidak boleh dinaikkan. Sampai sekarang tak boleh naik. Patut naik RM1,400.00 paling kurang RM1,400.00 satu tan baru lah petani boleh hidup selesa sedikit. Sekarang ada satu masalah di mana *BERNAS* sebagai satu syarikat yang diberi kelulusan oleh kerajaan bagi lesen import beras daripada luar negeri. Monopoli satu lesen! Akhirnya, menyebabkan beras yang kita jual oleh petani, padi-padi yang dihasilkan RM1,200.00 sahaja. Harganya terkongkong di situ. Ada sekatan kenapa kita jaga *BERNAS* ini dengan begitu elok jaga syarikat besar, syarikat kroni ini tetapi pesawah ini macam itu juga nasib mereka. Ya, yang mengusahakan pesawah untuk *national food security*, bekalan makanan, keselamatan negara tetapi itu tidak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

dihiraukan. Sepatutnya kita lebih pentingkan pesawah, bukan syarikat kroni *BERNAS*. Dan sekarang ni, dalam dua tiga musim ni lebih parah lagi. Sebab apa saya kata parah? Saya kena perjuangkan nasib mereka. Potongan basah, pemutuan gred, pemotongan basah sekarang, dulu 17% sekarang 20 ada 25 pun ada. 30% pun ada. Dia tak lah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebagai satu syarikat yang diberi kelulusan oleh kerajaan bagi lesen import beras dari luar negeri, monopoli satu lesen akhirnya menyebabkan beras yang kita jual oleh petani padi-padi yang dihasilkan RM1,200 sahaja. Harganya terkongkong di situ. Ada sekatan kenapa kita jaga beras ini dengan begitu elok jaga syarikat besar, syarikat kroni ini tetapi pesawah ini macam itu juga nasib mereka. Yang mengusahakan pesawah untuk *national food security*, bekalan makanan keselamatan negara tetapi itu tidak dihiraukan. Sepatutnya kita lebih pentingkan pesawah bukannya syarikat kroni *BERNAS* dan sekarang ini dalam dua tiga musim ini lebih parah lagi sebab apa saya kata parah sebab saya kena perjuangkan nasib mereka. Potongan basah, pemutuan gred, pemotongan basah sekarang dulu 17% sekarang 20%, ada 25% pun ada, 30% pun ada. Ia tidak lah kekal seperti dulu. Saya minta Kerajaan Negeri panjangkan pada Kementerian Pertanian, EXCO panjangkan, kita minta kembalikan 17% bukan 20%, 25%. Kalau dipotong sampai 25%, 20% dapat 10 tan dapat 8 tan dipotong 20% tinggal berapa. Kenapa dipotong sebegini tinggi, 17% memadai. Ini yang menyebabkan petani terus dihimpit. Kalau kita nampak ibu ayah kita yang bertani ini mereka tidak ada harapan, tidak terjamin harapan mereka masa depan mereka bagai mana kita nak menggalakkan anak-anak kita berkecimpung dalam sektor pesawah petani ini, tiada besok bagai mana *national food security* akan terjaga. Jadi saya minta sungguh-sungguh Yang Berhormat EXCO kena panjangkan perkara ini kalau ada mesyuarat bersama Kementerian beri tahu 17% bukan 20% bukan 26% bukan 25% itu satu. Yang kedua harga kena naik RM1,400 bukan RM1,200 supaya pendapatan mereka lebih terjamin, jadi saya mintak

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya mintak penjelasan sikit Sekinchan, pasal.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya Permatang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya nak tanya di kawasan Sekinchan yang tidak jual padi pada *BERNAS* malah jual kepada Syarikat Swasta berapa peratus potongan? saya nak tanya satu. Yang Kedua potongan ia tidak boleh standard 17% sebab ada padi yang muda, ada padi rosak sebab itu pemutuan itu

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

daripada 17% sampai kepada 25% adillah. Ini kena ikut yang mutu sebenar di tempat itu. Kalau kita bagi satu harga 17% orang esok tinggalkan padi dia naik lalang apa semua pun dapat 17% dia tanam dia tinggal lepas itu dia tuai dan dia pun dapat 17% jadi tidak adillah kepada orang yang sebenar. Jadi peratusan ini diikut sebenar. EXCO tidak faham ini, *you* tidak faham, Yang Berhormat tidak faham tidak ada padi di Sungai Pinang tidak payah cakap lah. Jadi Sekinchan saya nak tanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : OK faham Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak tanya jadi Sekinchan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sekinchan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang beli Swasta berapa Sekinchan beri

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sekinchan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : 17% ataupun 15%. Berapa? Rate berapa saya nak tengok kalau betul-betul. Ada tapi majoriti berapa?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ini *floor* saya you nak bahas-bahas.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya tanya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok saya jawab.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Kalau boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dah tanya habis ke belum? Saya jawab. Ok soal potongan basah ini bertahun-tahun saya dekat Sekinchan kita perjuangkan. Kenapa sebelum ini 10 tahun yang lepas 17% boleh kekal. 17% kekal tiba-tiba dalam musim ini naik dalam 20%, 25%. Saya tidak kira sama ada petani Melayu atau petani Cina, India itu bukan perkiraan saya. Perkiraan saya hak mereka jangan lah sampai 20%, 25%. Kalau nak kira padi muda dan sebagainya *you* tekan sampai 40% pun boleh. Jadi ini bukan persoalan kita hanya kerana Kerajaan kita kena minta semua pengilang Swasta ke BERNAS ke kita kekalkan 17%. Itulah kenapa sebelum ini boleh kenapa tiba-tiba 3 tahun ini melonjak sampai 20%, 25%. Ini persoalan yang saya nak tanya. Jadi rakyat di bawah ini mereka petani kalau lebih subsidi kepada mereka tidak apa jangan kepada kroni. Kroni satu sahaja satu syarikat tapi petani ini kalau di Daerah Sabak bernam ada 10 ribu jelapang padi Negeri Selangor 10 ribu. Kita kena bantu 10 ribu bukan bantu kroni BERNAS. Ini yang saya nak tegaskan. Jadi saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dalam Belanjawan kali ini telah memperuntukkan 3 juta untuk memberi pelindungan insurans

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kepada pesawah-pesawah 10 ribu yang terlibat akan mereka ada jaminan sikit daripada segi perlindungan ini. Saya harap akan datang kita ada lebih banyak bantuan untuk mereka dan saya juga nak nyatakan dalam musim yang lepas juga petani-petani dan pesawah-pesawah juga menghadapi kemerosotan walaupun bukan DLB bukan bakteria hawa daun tetapi ada masalah *Elnino*, masalah penyakit macam-macam apa penyakit yang ada penyakit seperti macam-macam bena perang *brown*, *plan hopper*, ulat d,kara padi, hawa seludang, reput tangkai macam-macam ini telah menyebabkan hasil mereka dalam dua tiga tan dan empat tan pun ada. Musim lepas pun begitu tapi bukan DLB, DLB kurang sikit tapi masalah lain berlaku. Saya pun kadang-kadang saya dengan teliti dan saya kita mengesyaki waktu ketika MARDI memberi benih padi yang digunakan oleh CLY *green field* dan sebagainya adakah waktu itu digunakan racun yang digunakan serangga untuk mereka tiga musim sebagainya waktu itu ada *side effect* ataupun implikasinya itu tidak tahu. Jadi kita minta Kementerian dan juga Jabatan Pertanian kena buat siasatan. Sekarang kenapa *plan* ini jadi merosot. Kita mahu Kerajaan meninjau pantau perkara ini dan keduanya saya minta kerajaan mempunyai kewangan yang cukup untuk petan-petani untuk kali ini bantulah sekali lagi mungkin kadar yang sedikit pun tidak apa kerana mereka ini musim lepas juga susah. Saya minta Yang Berhormat Dato Menteri Besar teliti bagaimana nak bantu musim lepas mereka menghadapi masalah yang sama. Bagilah mereka sikit bantuan secara *One Off* supaya mereka dapat membantu meringankan menambah sedikit pendapatan mereka kurangkan kerugian mereka dan seterusnya saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sekinchan, Speaker bercakap. Boleh atau tidak saya minta Yang Berhormat berhenti jam empat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Empat ya saya cuba sedaya upaya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima Kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker saya cuba saya ingatkan nak sampai petang. Saya cuba. Saya nak kupas sedikit tentang Belanjawan kali ini yang di mana Selangor dalam sistem pengangkutan ini saya cukup berbangga pada Negeri Selangor. Kita banyak bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah EXCO Yang Berhormat Sungai Pinang dan sekarang ini kita telah berjaya. Saya nampak rekod di mana kita telah berjaya menyediakan seratus buah bas percuma *Smart Selangor* di seluruh semua PBT di Negeri Selangor. Di Sekinchan dulu beberapa tahun yang lepas saya ingat saya perlu imbas kembali dahulu tiada bas berhenti-berhenti dah bankrap dan sebagainya. Sekarang bas percuma *Smart Selangor* telah masuk dan pergi ke Kuala Selangor dan pergi ke Sungai Besar dan Sabak Bernam. Setiap hari daripada enam pagi hingga sembilan malam. Setiap jam satu kali pergi. Sekarangnya bas dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan *Wifi* dan *Aircond* dan ada penduduk-penduduk Sekinchan dapat tolong ibu tunggal, ibu tinggal,

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

tolong lagi *student*, pelajar-pelajar, warga tua, orang yang tiada kenderaan mereka menunggu di situ, Melayu, Cina, India saya tengok. Yang Berhormat EXCO turun tengok di situ kita sama-sama pantau bagaimana perkhidmatan bas percuma *Smart Selangor* di Sekinchan dan pergi ke Kuala Selangor pergi ke Sungai Besar. Jadi cukup bagus mana ada Kerajaan boleh sediakan bas percuma ada suri rumah tangga datang jumpa saya dia kata dia tidak pernah dalam seumur hidup naik bas dua bagi duit dia tidak mahu. Naik bas bagi RM2.00 pun dia tidak mahu. *Driver* kata tidak boleh ambil sebab ini Kerajaan Negeri telah bagi percuma. Tidak pernah terfikir terlintas dalam pemikirannya ada perkhidmatan bas percuma sedemikian. Inilah Kerajaan Negeri Selangor lain daripada yang lain dan ada sesetengah suri rumah tangga ataupun *uncle-uncle* di Sekinchan tengah hari pukul satu, pukul dua mereka dekat Sekinchan tidak ada buat apa selepas panas sangat tidak pergi bendang mereka pergi naik bas. Mereka pergi *city tour* sampai ke Sungai Besar kemudian pergi ke Sabak Bernam kemudian balik lagi. Saya tanya nak pergi mana tidak apa saya duduk bas sahaja. Kenapa duduk bas? Ada *aircond*, sejuk ada *wifi* boleh main telefon. Ini perkhidmatan Negeri Selangor, rakyat begitu suka. Di Selangor yang terunggul di Malaysia hanya di Selangor, Selangor masa depan Malaysia. Jadi sekarang saya terima kasih kali ini saya nampak ada peruntukan tambahan dalam Belanjawan kali ini RM30 juta di peruntukan tahun lepas tahun 2017 20 juta ini RM30 juta saya yakin ramai lagi PBT banyak lagi PBT akan membantu Selangor penuh dengan bas percuma. Kita pergi mana-mana boleh bagi bas percuma. Pergi rumah terbuka Negeri Selangor pun boleh gunakan bas percuma. Ini lah Selangor dan saya harap pihak PBT kena jaga. Oleh sebab bas ini semakin banyak jadi pemantauan itu perlu ditingkatkan kerana ada setengah-setengah bas ada yang curi tulang. Mungkin masa yang sepatut sampai tidak sampai. Masa makan satu jam dia bawa dua tiga jam. Dalam satu hari dia kena jalan lima trip enam trip tiba-tiba kurang satu trip. Ini saya tahu ada. Ada perkara yang sedemikian kerana terlalu besar dah seratus kita susah nak pantau. Jadi pemantauan saya mintak pihak PBT pertingkatkan. Saya yakin perkhidmatan ini disukai, disenangi, disambut oleh seluruh rakyat Negeri Selangor. Ini lah Kerajaan Negeri Selangor soal pengangkutan dan kita harap pada masa akan datang pengangkutan dengan lebih baik dan seterusnya saya ingin menyentuh tentang sekolah Bantuan Pendidikan Sekolah khususnya pada tahun ini ada peruntukan tambahan untuk SJKC, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ditambah dengan satu juta dan Sekolah Agama juga ditambah dengan satu juta menjadi keseluruhannya 2.4 juta. Ini Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya peruntukan ini wajib dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri bantu sikit sahaja tapi kerajaan negeri membantu 2.4 juga. Semua aliran Sekolah Tamil kita bantu, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Mualigh kita bantu, Sekolah Agama Rakyat kita bantu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kita bantu, Sekolah Persendirian kita bantu 2 juta. Ini cara Kerajaan Negeri. Baru-baru ini sekarang kita tengok Tuan Timbalan Speaker MCA war-warkan kononnya mendapat kelulusan daripada

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Kementerian, enam belas sekolah baru termasuk yang pindah mereka begitu hebat. Saya nak bagi tahu hutang tunggakan peruntukan daripada Kerajaan Pusat sampai sekarang pun bukan semua langsai ada yang tertunggak juga. Janji dalam Belanjawan tapi tidak keluar duit. Ini cara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Selangor lain. Jadi kita kena ubah dasar. Saya sering kali tekankan dalam Dewan yang mulia ini untuk hendak membantu pendidikan ini kita jangan politikkan tetapi soal politik dia melangkaui politik. Kita hendak anak-anak kita melahirkan modal insan daripada pelbagai aliran dengan lebih baik apa salahnya semua orang pandai belaka, cerdik-cerdik belaka, *talent-talent* belaka, *intelligence* belaka tapi kenapa kita ada pemandangan sempit tidak bolah lah ini tidak boleh semua Rakyat Malaysia sedangkan syarikat besar-besar *internasional* daripada *Melbourn* datang sini buat sekolah *private* dan sebagainya semua boleh. Jadi kita kena profesional kita kena ambil pendekatan sederhana inklusif untuk menjaga semua aliran sekolah di Negeri Selangor. Jadi secara moden negeri Selangor harus diikuti. Saya minta kerajaan pusat kena belajar dengan kerajaan Negeri Selangor. Kita ada kat set dasar setiap tahun mesti ada peruntukan tahunan masuk dalam bajet peruntukan tahunan bukan sahaja sekolah jenis kebangsaan bukan sahaja jenis Tamil bukan sahaja sekolah agama rakyat semua aliran kita kena set dan termasuk Sekolah Persendirian Puchong dengan izin sekolah sendirian cina kena sampai hari ini kerajaan pusat di Putrajaya sekolah menengah persendirian tidak diiktiraf dan satu sen pun dia tidak mahu bagi. Bagi lah sedikit pun tidak boleh. Takut. Tapi sampai pilihan raya boleh menipu pula. Kita cuba MCA datang dengan Timbalan Menteri Pendidikannya yang Musang *King* dan sebagainya datang Menteri Musang *King*, Timbalan Menteri Musang *King* datang kepada rakyat untuk tipu rakyat tipu undi. Kita akan buat pengiktirafan sijil peperiksaan bersepada untuk sekolah-sekolah menengah tidak lama lagi satu kilo meter boleh sampai. Satu kilo meter lagi boleh dapat tapi kita tunggu lima tahun satu kilo meter tidak habis-habis kalau Yang Berhormat Sungai Pinang naik basikal dan habis tiga tahun dah. Ini satu kilo meter tidak sampai tidak sampai (bahasa cina) dengan izin (bahasa cina) satu kilometer Tuan Timbalan Speaker. Apabila saya *check* balik rupanya saya salah dengar.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** (bahasa cina) adalah satu juta. Sepuluh.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Speaker

**Y.B. TUAN ANG SUEE LIM:** Satu ribu juta. Satu bilion.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Bernam minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Langkah satu juta.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Boleh mencelah?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minat betul.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Apa lagi. Suka tengok aktor sedang berlakon. Jadi saya tanya Sekinchan. Hanya kita tengok di Malaysia kalau bandingkan dengan negara-negara asian, Malaysia ini memperkenalkan sekolah macam-macam aliran. Malaysia memperkenalkan boleh sekolah SJKC, SJKT, Sekolah Kebangsaan ini satu pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia dan bantuan dipertikaikan apa yang tidak Kerajaan Persekutuan bagi semua sekali tidak kira mana-mana SJKC semua sekali aliran jadi ini jangan lah main politik sangat Sekinchan cuba kalau betul itu betul lah tapi nampak macam tidak adapun. Dulu pun sekolah menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan saya ingat Sekinchan ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam jadi fakta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya bagi lagi sikit masa. Masa kecederaan saya minta izin Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker untuk saya *landing* sebentar lagi kerana cuaca tidak begitu baik kerana ada angin taufan dan sebagai taufan 1NDB taufan ribut 1MDB jadi saya teruskan. Soal sekolah ini kalau kita ikhlas nak iktiraf semua aliran sekolah seperti yang Hulu Bernam cakap kenapa kita tidak set dalam dasar bukan cakap sahaja *flipflop* set dalam dasar setiap tahun berapa untuk sekolah ini setiap tahun berapa untuk sekolah persendirian. Sampai hari ini enam puluh tahun merdeka sekolah persendirian.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR**: Ingat Sekinchan cuba kalau betul itu betullah ya tapi nampak macam tak ada pun dulu pun sekolah dah terima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan saya ingat, Sekinchan ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam jadi fakta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER**: Sekinchan masa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**: Bagi saya sedikit masa kecederaan, saya minta izin Yang Berhormat Timbalan Speaker untuk saya “*landing*” kerana cuaca tidak begitu baik, ada angin taufan dan sebagainya taufan 1MDB, taufan rebut 1MDB jadi saya teruskan. Ya soal sekolah ini kalau kita ikhlas nak iktiraf semua aliran sekolah seperti apa yang Hulu Bernam cakap kenapa kita tak set dalam dasar bukan cakap sahaja free float set dalam dasar setiap tahun berapa untuk sekolah ini, setiap tahun berapa dalam sekolah persendirian. Sampai hari ini 60 tahun merdeka Sekolah Persendirian Cina yang ada 60 di Malaysia satu sen pun tidak bagi. Bagilah sikit kenapa susah sangat

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

MCA, kalau MCA tidak boleh buat suruh letak jawatan semua, ini perkara mudah suruh gerakan MCA balik. Ini perkara yang saya nak cakap.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini satu.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Jangan resis, ini saya kena cakap jangan resis bukan Sekolah Cina sahaja semua sekali.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta semua.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Jangan sebut Cina.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Hulu Bernam tidak fahamlah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya kata semua Sekolah Agama Rakyat kena bagi, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kena bagi, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kena bagi, Mubalig pun kena bagi kalau dia sesuai kita iktiraf bagilah apa salahnya dan sejak UEC seluruh dunia telah iktiraf sijil bersepada itu takkan tunggu lagi satu billion batu, kilometer pun tak sampai. Inilah yang dijanji-janji kosong rakyat dah benci dan rakyat dah *fedup* dengan janji-janji kosong Barisan Nasional itu soal pendidikan dan saya ucapkan terima kasih Kerajaan Negeri begitu prihatin soal pendidikan dan saya nak sentuh yang terakhir. Hulu Bernam nak Tanya lagi terus keluar ok, ok biar dia keluar. Ini soal peranan kita nak menghargai golongan-golongan orang kelainan upaya OKU ini ada masa sedikit *landing* cuaca sekejap. Saya minta dalam perbahasan saya mesti saya minta elauan kepada OKU dan juga kepada penjaga OKU, kita minta Yang Berhormat ya sebab kita bagi elauan pada OKU-OKU Orang Kelainan Upaya bukan Orang Kuat UMNO minta maaf Orang Kelainan Upaya ini OKU tersebut dan juga penjaga dia sebab penjaga kena jaga 24 jam jadi penjaga kena tolong juga bagi sedikit kepada penjaga elauan itu kena ada saya minta. Yang keduanya kita kena perbanyakkan latihan-latihan dan kursus-kursus golongan OKU ini perbanyakkan dan dipergiatkan untuk mereka cungkilkan bakat-bakat mereka yang tersendiri. Mereka ada yang tersendiri dan Tuhan ini maha kuasa.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Boleh saya mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Celah lagi.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Bagi masa saya celahlah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya kena bercakap sebab dia tiada di sini tadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Timbalan Speaker bagi dia, kena bagi saya jugalah. Sedar ke tidak kita dalam Kerajaan Persekutuan bagi bantuan kepada penjaga sebanyak RM300 penjaga OKU ini dan mana-mana OKU yang berkerja di tambah lagi pendapatan dan begitu juga kita siapkan pusat dalam komuniti untuk melatih anak-anak ini OKU ini, itu tidak sebut yang ini tidak nampak sebab itu gajah depan mata tidak nampak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih dalam konteks OKU ini saya bersuara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan sekejap lagi akan teruskan dan berharap tidak menerima celahan dan mana-mana Yang Berhormat nak mencelah buat dalam perbahasan masing-masing. Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, dalam soal membela hak golongan OKU ini saya semarah dan sesuara dengan Hulu Bernam. Konteks ini kita sama, kita serupa, kita nak jaga, nak pertahankan hak OKU dan saya nak minta elauan penjaga OKU kursus-kursusnya dan diperbanyakkan latihan kemudian penempatan kerja untuk golongan OKU PBT dan GLC kena prihatin dan perbanyakkan kalau ada permintaan daripada mereka dan kita kena utamakan mereka supaya mereka boleh terbela kalau tidak siapalah nak tolong mereka. Dan juga Ahli-ahli Majlis selepas 2008 apabila kerajaan baru kita ada lantik sebahagian kawasan-kawasan PBT, ada ahli Majlis daripada OKU-OKU dan saya pastikan Kerajaan Negeri Selangor kena pantau setiap PBT kena ada kalau tak ada kalau ada calon yang tak ada kena bagi. Diutamakan supaya mereka diberi peranan jangan disisirkan daripada masyarakat kita tidak mahu kerana mereka juga sangat prihatin hendak bersama dengan kita. Kita jangan sia-siakan mereka dan seterusnya saya juga nampak dari segi pembelian diskauun dalam universiti seperti UNISEL, KUIS dan sebagainya diskauun pendidikan kena *special* kepada mereka. Keutamaan kepada mereka ini perlu kerana mereka termasuk pendidikan formal dan juga university kena dititik beratkan dan seterusnya saya hendak cadangkan sudah sampai masanya satu dasar atau pun satu enakmen untuk khas orang-orang kelainan upaya. Kita kena buat satu dasar kalau buat kajian dulu tumbuhkan jawatankuasa dan buat kajian satu dasar baru untuk OKU setiap tahun dan ada peruntukan khas yang bagaimana kita nak jaga mereka, bantu mereka bukan sahaja kita bagi duit tapi bagi duit mungkin tidak akan menyelesaikan masalah secara

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

berpanjangan. Kita nak ajar mereka bagaimana cara untuk memancing bukan pancing ikan untuk mereka. Jadi saya harap Kerajaan Negeri ambil perkara, ambil serius dalam konteks ini, saya tidak mahu cakap panjang lagi soal perkara-perkara lain kalau nak sampai pukul 6 tapi oleh kerana ada isu-isu akan saya bangkit dalam jawatankuasa, banyak lagi isu-isu tapi saya rasa belanjawan negeri, rakyat ya Negeri Selangor ini cukup komprehensif merangkumi keseluruhannya ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, semua kakitangan dan Menteri Besar. Akhirlah dengan ekonomi maju pesat dan banyak simpanan setiap kali belanjawan ada sahaja MB umumkan jadi BN saya kena ulang kali Negeri Selangor memang jadi rebutan Ekonomi maju pesat dan banyak simpanan setiap kali belanjawan ada sahaja MB umumkan jadi BN janganlah nak berangan-angan. Sekian sahajalah terima kasih saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sekinchan, duduk dulu, Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan kita masih panjang kita memerlukan masa untuk ditambah dipersilakan wakil kerajaan untuk mengemukakan usul.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung jam 7 petang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat sekalian usul telah disokong Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. YA. Yang tidak katakan tidak. Usul disokong dan dipersetujui. Saya persilakan Sabak. Saya nak ingatkan masa hanya 30 minit sahaja.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Assalammualaikum w.b.k, terima kasih Tuan Pengerusi dan salam sejahtera. Tuan Timbalan Speaker pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Negeri Selangor untuk tahun 2018 yang kita sambut sebagai satu belanjawan yang baik dan tidak ada bahasa melainkan memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. mudah-mudahan kesyukuran yang kita tадahkan ini akan menambahkan berkat dan menambahkan lagi pengukuhan ekonomi Negeri Selangor sesuai sebagaimana Firman Allah dengan izin " Bahasa Arab" Sekiranya kamu bersyukur maka kepada Allah maka Allah akan tambahkan lagi kepada kamu dan sekiranya kamu kufur ingkar maka azab Allah itu tersangat pedih. Tuan Timbalan Speaker lebih syukur lagi apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merujuk

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

belanjawan pada kali ini di atas semangat istilah yang menyebut tentang yang mengguna pakai apa yang dibacakan oleh Firmah Allah melalui surah Al Baqarah ayat 148 mengambil perkataan “Bahasa Arab” dengan izin untuk membacakan ayat yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar “Bahasa Arab” Sebagaimana yang telah dimaklumi dan telah dinyatakan tentang terjemahan maksud di dalam ayat ini. Namun tuan-tuan sekalian tidak salah untuk kita memaknakan bahawa “Bahasa Arab” itu bermaksud telah berlumba-lumba melakukan kebaikan kerana ini telah membawa maksud umum yang difaham selama ini tentang kalimah “Bahasa Arab”. Namun daripada belanjawan itu sendiri saya menampakkan kepada kita sebenarnya kita bukan sekadar dalam persoalan “Bahasa Arab”. Yang dimaknakan secara umum dengan berlumba-lumba melakukan kebaikan. Pengalaman saya yang belajar di Negara Jordan tentang pentafsiran “Bahasa Arab”. Dia bukan sahaja sekadar berlumba-lumba melakukan kebaikan tetapi dari sudut istilah berlumba-lumba itu bukan melalui perkataan “Bahasa Arab”. Tetapi daripada “Bahasa Arab”. Maka penggunaan “Bahasa Arab”. Dia melangkaui soal berlumba-lumba tetapi yang maknakan ialah sentiasa kehadapan melakukan kebaikan maka oleh sebab itu dalam belanjawan kita pada kali ini beberapa perkara memang sebahagian kita telah kehadapan dan dapat dalam soal melakukan kebaikan dan sama ada persediaan ini dan strategik ini adalah untuk pengukuhan rizab Kerajaan Negeri mahupun untuk menyediakan kesejahteraan kepada rakyat Negeri Selangor. Semua ini termasuk juga istilah “Bahasa Arab”. Sudah tentulah mengambil semangat di atas belanjawan pernah dikemukakan oleh Al Quran melalui Nabi Yusof as bahwasanya belanjawan yang merangkumi kepada dua persediaan tujuh tahun tujuh tahun iaitulah belanjawan ekonomi di waktu berkembang dan belanjawan ekonomi di waktu ianya meleset. Maka di dalam memberikan makna terhadap “Bahasa Arab”. Dengan makna bahawa sentiasa mendahului di dalam melakukan kebaikan. Alhamdullilah di dalam pembentangan jelas memaparkan Selangor terus ke hadapan di dalam melakukan kebaikan kepada rakyat. Semua ini bukan untuk menjadi satu kemegahan tetapi untuk merangsang supaya yang baik itu kita ikuti manakala yang tidak baik itu mesti kita tinggalkan. Sebagaimana yang telah diumumkan kita memaklumi bahawa kita kehadapan dalam beberapa program yang kita lakukan. Belum pun negeri lain sedia memberikan air percuma. Selangor telah bersedia memberikan air percuma belum negeri lain sanggup memperkenalkan Kad Peduli Sihat. Selangor telah mendahului negeri lain dalam soal Kad Peduli Sihat. Begitu juga yang lain kita telah banyak mendahului termasuk yang kita sebut beberapa produk baru yang dikeluarkan di dalam belanjawan pada kali ini. Kad kiswah umpamanya yang pertama yang kita kena mengakui bahawa memang kita mendahului termasuk di dalam “Bahasa Arab”. Tetapi sebagaimana yang disebut di dalam ini bukan menjadi suatu kemegahan tetapi untuk merangsang kepada yang lain supaya yang baik itu mesti diikuti dan saya fikir apabila kita mendahului ini sesuai sebagaimana yang disebut bahwasanya apabila kita mahu

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

melakukan perubahan. Kalau kita nak berubah tetapi mengikut orang lain berubah itu sebenarnya bukan perubahan tetapi perubahan apabila kita mendahului orang lain dalam melakukan perubahan.

Saudara Timbalan Speaker begitu juga apabila kita menyebut tentang persoalan akhirat ialah persoalan yang merujuk kepada kearah kebaikan. Di dalam mengistilahkan akhirat apa sahaja melakukan kebaikan yang dia lakukan sudah tentu kita tidak mempunyai kepentingan-kepentingan lain selain daripada ialah untuk memastikan bahawasanya seluruh rakyat Negeri Selangor khususnya akan mendapat limpahan daripada kesenangan ataupun limpahan daripada pengukuhan ekonomi yang berjalan dalam urus tadbir Kerajaan Negeri. Maka limpahan inilah menjadi satu ukuran sejauh mana rakyat merasa sejahtera terhadap kerajaan. Maka kita telah menyampaikan satu akhirat kepada mereka. Oleh sebab itu tuan-tuan sekalian apabila kita merujuk kepada soal "Bahasa Arab". Maka dia bukan sekadar bermula daripada kita mengemukakan suatu kebaikan terhadap akhirat tetapi dia bermula daripada pembentukan diri maka sebab itu Buhamka bahawasanya "Bahasa Arab" bukan sekadar operasional tetapi "Bahasa Arab" adalah merupakan karektor bermula daripada yang pertama sekali dia disebut ialah "Bahasa Arab". Ini dia akan memaksimumkan seluruh daripada bermula daripada diri sehingga setiap diri.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Maka dia bukan sekadar bermula daripada kita mengemukakan sesuatu kebaikan terhadap khairat. Tetapi dia bermula daripada pembentukan diri. Maka sebab itu Buya Hamka telah menyebut bahawasanya Fastabikul Khairat bukan sekadar *operational*. Tetapi Fastabikul Khairat adalah merupakan karakter bermula daripada, yang pertama sekali disebut ialah Fastabikul Khairat ini dia akan memaksimumkan seluruh daripada usia bermula daripada diri sehingga setiap diri menyedari bahawa tidak akan ada waktu yang dibuang percuma di dalam kehidupan mereka dan ini bermula daripada setiap diri melakukan amal baik, melakukan pekerjaan-pekerjaan yang baik yang seterusnya pekerjaan baik itu akan melimpah kepada rakyat untuk mendapat kebaikan hasil daripada pembentukan diri. Saya menyebut ini tuan-tuan sekalian, Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker kerana memaklumi bahawa Alhamdulillah saya berterima kasih dan menyanjung tinggi di atas usaha yang dilakukan oleh Y.A.B Menteri Besar turun terjah kepada masyarakat untuk memastikan bahawasanya bukan sekadar kakitangan kerajaan, bahkan rakyat berpuas hati terhadap urus tadbir Kerajaan Negeri dan di sana dapat melihat sendiri tanpa ada lakonan-lakonan dan mungkin itulah pekerjaan terjah itu dilakukan. Namun pada waktu yang sama, saya melahirkan rasa lebih gembira lagi kalau sekiranya terjah itu bukan dalam konteks untuk melihat dalam konteks limpahan hasil Selangor akan dapat kepada rakyat. Tetapi dia terus kepada soal bagaimana memastikan bahawa setiap tenaga, diri bermula daripada manusia ialah mereka yang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

pada peringkat awalnya adalah hidup Fastabikul Khairat di dalam diri mereka sendiri. Maka oleh sebab itu, saya lebih untuk masa akan datang boleh jadi lebih baik, ada lebih baiknya bukan sekadar bermula terjah itu pada waktu kita bersarapan pagi tetapi seawal waktu subuh untuk turun untuk melihat sendiri dan tak perlu nak bagi tahu. Boleh jadi saya pernah buat amalan ini dan banyak masa buat amalan ini turun antaranya melihat di kalangan ketua-ketua kampung. Sama ada mereka turun ke tidak turun ke Masjid sembahyang subuh berjemaah umpamanya. Sebab ini adalah merupakan Fastabikul Khairat yang menjadi ukuran sama ada ketua kampung boleh menjadi contoh atau tidak boleh menjadi contoh dan tidak perlu kita bagi tahu tentang kehadiran. Maka oleh sebab itu ini juga boleh dibuat oleh Y.A.B untuk melihat sendiri di kalangan umpamanya Pegawai Daerah umpamanya ataupun penghulu-penghulu umpamanya ataupun ketua-ketua kampung umpamanya. Untuk melihat supaya Fastabikul Khairat ini bukan hanya dalam konteks perlaksanaan *operational* tetapi Fastabikul Khairat itu dapat bermula daripada karakter yang hidup pada setiap pimpinan-pimpinan. Jadi ini yang disebut pada peringkat yang pertama. Yang kedua begitu juga yang disebut sebagai Fastabikul Khairat ialah segala tenaga juga disalurkan pada peningkatan mutu diri secara keseluruhan dan tiada sebarang penyalahgunaan tenaga dalam Fastabikul Khairat. Masing-masing mempunyai semangat untuk bekerja, masing-masing mempunyai fokus yang sama untuk bekerja. Masing-masing meletakkan bahawasanya segala bentuk penyelewengan dan menyedari bahawa segala amalan-amalan buruk itu mesti ditinggalkan sama ada rasuah, sama ada amalan-amalan ketirisan dan sebagainya yang kemungkinan akan berlaku, maka ini semua adalah merupakan sesuatu kerja-kerja yang baik walaupun dengan hanya kita kata menegah satu perkara yang kecil tetapi itu jugalah merupakan satu Fastabikul Khairat yang mesti berjalan dalam sebuah kerajaan. Tuan Timbalan Pengerusi di dalam memaknakan Fastabikul Khairat Selangor saya fikir mempunyai banyak ruang dan kita terlalu banyak kerja dengan rakyat kita yang terlalu ramai dan saya percaya apatah lagi dengan soal hasil kita yang besar. Maka kita mempunyai ruang yang terlalu banyak untuk melakukan kebaikan. Saya nak menyebut ini khususnya dalam konteks Fastabikul Khairat yang kena lakukan ke atas remaja-remaja. Tentunya kita merasa agak terkejut apabila isu kebakaran Pusat Tahfiz yang berlaku di Keramat, Kuala Lumpur baru-baru ini yang pada peringkat awalnya sangkaan-sangkaan, tohmahan-tohmahan dibuat di atas faktor kecuaian dan sebagainya dengan kita tidak menafikan bahawasanya perlu dan penting bahawasanya Pusat-Pusat Tahfiz ini perlu bersedia dan mendapatkan kelulusan daripada semua pihak, sama ada PBT, sama ada Bomba dan sebagainya keselamatan supaya mereka dapat melengkapkan dan bersedia untuk menghadapi apa sahaja kemungkinan-kemungkinan yang berlaku. Namun faktor manusia kita tak dapat nak elakkan. Apa yang lebih mengejutkan apabila punca yang berlaku ia nya ialah bukan terbakar. Persepsi terhadap Maahad Tahfiz ini terbakar itu sudah terbuang apabila kenyataannya bahawa ia nya dibakar dan yang lebih

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

mengejutkan lagi yang membakar itu adalah di kalangan budak-budak remaja yang positif dadah. Di kalangan mereka yang berumur 12 tahun, 16 tahun. Ini sebenarnya menggerakkan kita untuk melihat bahawa kita mempunyai satu peluang. Saya tidak mengatakan kelalaian tetapi saya menyebut tentang peluang apabila remaja-remaja semakin macam terbiar di antara umur 10 tahun hingga 12 tahun. Ini adalah merupakan peluang kepada Kerajaan Negeri untuk kita semakan mendekati mereka. Kita memerlukan suatu *body* yang boleh untuk mengurus mereka terutama sekali dikalangkan remaja-remaja yang kita kata yang tertinggal daripada dunia pendidikan, yang mereka tidak diurus oleh sekolah, mereka tidak diurus melalui peringkat pendidikan dan bahkan tidak semacam ada yang mengurus mereka. Orang-orang seperti ini, remaja ini ramai di Selangor dan ramai di Sabak Bernam. Nun di Batu 1 di Desa Kasih Batu 1, nun Desa Kasih Parit 8 umpamanya. Nun di Sabak Bernam, yang sering berita-berita sampai kepada kita bila meninggal dunia sebab apa? Sebab dadah. Bila kemalangan sebab apa, sebab dadah. Mati sebab apa, sebab dadah. Pukul ayah sebab apa, sebab dadah. Ini berlaku di kalangan remaja-remaja yang antara saya sebut ialah 10 hingga 21 tahun dan ini memang kita mengakui bahawa kita menyediakan kepada mereka PABT umpamanya. Kita dengan kita merangsang terhadap pusat-pusat, sekolah-sekolah sendirian umpamanya tafhib. Ada pula tafhib yang pula dia kemasukan pelajar-pelajar telah dipilih dari kalangan mereka-mereka yang bermasalah yang ini kita sangat sanjung tinggi kerana ada juga sekolah-sekolah yang masih menerima mereka yang bermasalah tetapi masih lagi ramai mereka yang tertinggal yang terbiar dalam dan ini menjadi peluang kepada kita untuk melakukan Fastabikul Khairat. Kerajaan Negeri menyediakan dan membuat kajian yang sungguh untuk melihat apa *body*, apa perancangan kita untuk masa depan terhadap mereka itu. Sebab sebagaimana yang Soekarno pernah sebut sekiranya masa depan remaja kita tidak dipelihara negara akan kehilangan mutiara yang paling berharga untuk menjadi pelapis kepimpinan negara, mungkin tidak negara, negeri mungkin tidak negeri, mereka akan jadi ketua di kampung mereka, menjadi dalam konteks masyarakat mereka. Mereka adalah tenaga yang boleh dibina. Maka oleh sebab itu, ini peluang besar kepada Kerajaan Negeri untuk terus melakukan Fastabikul Khairat di kalangan remaja-remaja yang saya sebut 10 hingga 12 tahun. Saya fikir pendidikan kita perlu untuk lebih luas lagi, meneroka lebih luas lagi untuk kita mencari perjalanan jauh lebih luas sehingga kita akan mendapat satu kesimpulan dan jawapan bahawa kita sangat concern dalam bentuk kita menyediakan sama ada melalui institusi yang kita sedia ada yang kita hanya perkasa kan sahaja iaitulah pusat-pusat sekolah yang mana mereka itu membuat kemasukan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah ada Maahad Tahfiz di sana yang masukkan mereka di kalangan penagih dadah, bukan maahad tahfiz tetapi sekolah-sekolah yang bermasalah begitu juga masalah-masalah yang lain yang mereka diberikan kesempatan. Tetapi, yang paling penting ialah kita kata untuk membina remaja sebelum daripada berlakunya kerosakan gejala ini, maka kita telah dapat

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

menangani remaja yang mempunyai kekentalan jiwa. Tuan Timbalan Speaker, begitu juga saya menyebut tentang Fastabikul Khairat, yang kedua kepada pelajar-pelajar kita yang berada di Timur Tengah. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B Menteri Besar di atas pengumuman untuk memberikan satu peruntukan khas sebanyak RM10,000,000.00 kepada pelajar-pelajar kita yang berada di Timur Tengah, namun saya nak merujuk tentang keperluan, sebahagian keperluan kepada pelajar-pelajar kita yang berada di Mesir terutama sekali. Saya percaya lawatan Y.A.B ke Timur Tengah ke Mesir melihat sendiri tentang keperitan pelajar. Kita melihat sendiri bagaimana keperluan yang mendesak terhadap pelajar-pelajar ini. Saya menyebut membangkitkan soal isu keselamatan dan isu kebajikan kepada pelajar-pelajar ini saya sendiri biasa turun ke Mesir. Saya pengalaman belajar di Jordan mungkin tidak ada banyak masalah sangat di Jordan. Tinggal lagi masalahnya ialah persekitaran politik yang ada di dunia di luar daripada negara Jordan. Masalah di Syria, masalah di Palestin dan masalahnya juga terkesan kepada soal yang berlaku di Mesir apatah lagi ditambah dengan masalah dalaman Mesir. Masalah dalaman Mesir ini menyebabkan berlaku masalah ekonomi yang begitu teruk, parah dan kita memaklumi bahawa mananya negara yang menghadapi masalah ekonomi maka penyakit-penyakit sosial akan semakin meningkat. Tidak terkecuali kepada Mesir masalah kecurian, masalah rompakan, masalah peras ugut, masalah ragut. Ini sudah menjadi satu fenomena yang berlaku yang semakin mendesak, yang semakin banyak berlaku di negara-negara timur tengah. Pelajar-pelajar kita semakin terancam dari sudut keselamatan, mereka berada di rumah-rumah yang apabila mereka keluar malam pasti ada pelajar-pelajar lelaki yang terpaksa untuk menemankan mereka balik ke rumah. Pada hari Jumaat, pelajar-pelajar kita bila pergi ke menunaikan solat Jumaat dia akan pasang radio dalam rumah kuat-kuat supaya disangka di dalam rumah itu ada orang yang tak pergi sembahyang Jumaat, sebab biasanya berlaku rompakan, pecah rumah ketika pelajar-pelajar sembahyang Jumaat, sebagaimana juga fenomena kita kadang-kadang curi kelapa sawit waktu sembahyang Jumaat. Itu berlaku, sebab itu saya fikir satu perkara yang perlu boleh jadi untuk saya bangkitkan dalam sebagai peluang kita melakukan Fastabikul Khairat ialah mencadang supaya kalau boleh kerajaan kita bina kan asrama ataupun belikan asrama kepada mereka supaya penempatan mereka boleh tersusun supaya keselamatan mereka boleh terjaga supaya mereka boleh berkomunikasi sesama mereka, tidak perlu berada ada di sebahagian tempat yang terpencil, jauh antara mereka hubungan yang sukar dan kadang berlaku sesuatu masalah. Saya percaya walaupun kita mungkin ada negeri lain yang lebih advance lagi yang telah beli bangunan-bangunan untuk dibuat asrama. Saya percaya kita tidak ada istilah tidak mampu. Cuma mungkin selama ini ada beberapakekangan-kekangan. Saya fikir kekangan ini yang teknikal ini yang boleh diatasi sehingga kalau boleh kita menyediakan satu asrama yang kondusif, yang selamat, yang berkebajikan. Terutama kepada pelajar-pelajar kita yang berada di Mesir. Begitu juga saya juga untuk

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

memanjangkan dalam konteks Fastabikul Khairat yang disebut ini untuk pergi sedikit ke Sabak Bernam. Mungkin saya tidak mengenakan setengah jam untuk bagi ruang kawan-kawan yang lain. Begitu juga di Sabak Bernam, saya nak menyebut sampai ke Sabak Bernam ini termasuk Sekinchan sebenarnya, termasuk Sekinchan. Cuma saya dah nampak, perhati Sekinchan ini dah semakin wangi dah sekarang ini. Kalau dulu kita lalu Sekinchan orang buta pun tahu yang itu adalah Sekinchan sebab baunya busuk. Kalau tanya orang buta lalu Sekinchan sampai mana dia kata Sekinchan, sebab bau busuk sekarang ini dah wangi dah termasuk ADUN nya. Tetapi ADUN belum kahwin lagi dan saya tak ada masalah dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang masih lagi melihat Sekinchan keperluan baru-baru ini luluskan pula RM1,000,000.00 untuk gimnastik. Masha Allah ini satu yang patut ADUN Sekinchan sujud syukur jugalah sepatutnya. Tetapi apa yang saya akan bangkitkan ialah soal keperluan terhadap masalah sebenar di kalangan rakyat Sabak Bernam yang rata-rata kita yakini dan percaya bahawa pendapatan penduduk Sabak Bernam ialah petani. Mereka ada kebun, mereka ada kelapa sawit, mereka ada sawah, mereka ada kebun pisang, mereka ada tanah walaupun ada mereka yang ada kesedaran untuk menghidupkan tanah sendiri ataupun yang tidak ada keupayaan mereka sewakan tanah kepada orang lain, itu soal lain. Tetapi sering yang menjadi masalah ialah bagaimana petani kita nak memasarkan. Ini sering menjadi permainan di kalangan orang tengah. Saya perhati kesungguhan Pegawai Daerah, Sabak Bernam. YDP Sabak Bernam, YDP Majlis Daerah Sabak Bernam yang telah melihat ke Kota Baharu RTC yang ada di Kota Baharu yang telah berjaya untuk mengumpulkan petani-petani dan konsep ini telah pun dimasukkan dalam Rancangan Tempatan bagi Daerah Sabak Bernam sehingga tahun 2025 yang memasukkan perlunya ada satu Bandar Agropolitan di Sabak Bernam, di Ladang Air Manis. Cuma kita hendak supaya kalau boleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Kesedaran untuk menghidupkan tanah sendiri ataupun yang tidak ada keupayaan mereka sewakan tanah kepada orang lain, itu soal lain. Tetapi sering yang menjadi masalah ialah bagaimana petani kita nak memasarkan. Ini sering menjadi permainan di kalangan orang tengah. Saya perhati kesungguhan Pegawai Daerah, Sabak Bernam. YDP Sabak Bernam, YDP Majlis Daerah Sabak Bernam yang telah melihat ke Kota Baharu RTC yang ada di Kota Baharu yang telah berjaya untuk mengumpulkan petani-petani dan konsep ini telah pun dimasukkan dalam Rancangan Tempatan bagi Daerah Sabak Bernam sehingga tahun 2025 yang memasukkan perlunya ada satu Bandar Agropolitan di Sabak Bernam, di ladang Air Manis. Cuma kita hendak supaya kalau boleh Kerajaan Negeri menyeferakan untuk memastikan Bandar Agropolitan ini akan segera menjadi kenyataan supaya petani-petani kita lebih merangsang kepada mereka untuk terus dan memperkasakan lagi pertanian mereka supaya mereka terus boleh pasarkan hasil-hasil mereka. Waktu yang sama peluang dan ruang kepada yang lain dan apatah lagi

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

sebagai satu kawasan yang masih disebut kita masih mengekalkan kelestarian, kehijauan, maka sudah tentu sebagaimana pelan pembangunan yang kita nak rancang ialah kita nak mengekalkan kawasan-kawasan pertanian dan penduduk Sabak Bernam tidak ada pilihan. Mereka tidak banyak pembangunan-pembangunan fizikal melainkan yang mereka fokus yang besar adalah bagaimana mereka nak menghidupkan pertanian mereka. Namun, *skill* di kalangan petani-petani, apatah lagi apabila petani-petani yang lama meninggalkan anak-anak muda mereka yang masih muda ataupun generasi yang kedua yang ketiga yang sebahagian mereka tidak mempunyai *skill* di dalam pertanian. Maka yang ini kita harap diambil perhatian bagaimana mereka perlu ada *skill*. Banyak petani-petani yang menyewakan sawah yang menjualkan sawah mereka kepada orang lain. Kadang ada seorang pengusaha mereka mengusahakan sampai 20 lot. Satu-satu lot lebih kurang 3 ekar tanah satu lot. Ada yang mengusahakan sampai 20 lot, sebab apa. Kerana, anak mereka tidak ada *skill*, tidak ada keupayaan tidak ada kemampuan untuk mengurus sawah mereka sendiri. Ini yang kita sebut, begitu juga soal tanah-tanah yang lain. Soal kelapa umpamanya, soal kelapa sawit umpamanya maka apatah lagi di waktu yang sama ada sikap pula kemalasan. Semua ini boleh menjadi perencah yang akhirnya menyerahkan sahaja tanah kepada orang lain dan dia hanya menunggu yang kadang-kadang di sini lah mereka menjadi penipuan kepada beberapa elemen-elemen yang lain. Itu pertama dan begitu juga saya sangat membimbangi tentang fenomena yang baru sekarang ini. Fenomena yang baru sebagaimana yang disebut oleh Sekinchan sebentar tadi berkaitan dengan sekuriti. Sekuriti ini sangat penting terutama bekalan beras dalam negara. Kita tidak mencukupi dengan beras yang ada untuk menampung keperluan seluruh rakyat di Selangor. Tetapi fenomena yang baru ini sangat menakutkan apabila ada petani-petani, pesawah-pesawah sudah beralih daripada menanam padi yang tanah mereka sudah digunakan untuk menanam sayur. Sebab apa, sebab puncanya ialah pendapatan. Puncanya adalah soal harga padi, puncanya adalah soal permainan macam kitalah, di sini pun kita berbalah, 15 %, 17%, 15%, 17 %. Akhirnya ada petani-petani yang saya kata soal *skill* yang pertama tadi mereka tidak ada akhirnya mereka ambil jalan mudah. Mereka kadang sebahagian lebih suka untuk tabur benih, tabur daripada dia tanam. Kerana apa, tenaga tak ada. Kenapa, modal tak ada dan sebagainya. Akhirnya memang pendapatan mereka rata-rata kalau sawah padi 1 lot, pendapatan bawah 6 tan sebenarnya mereka sudah ber hutang. Mereka tidak ada untung bahkan mereka sudah ber hutang. Modal mereka. Tetapi mahu tidak mahu mereka terpaksa meneruskan juga walaupun 6 tan sebab *food security*. Sebab itu betul sebagaimana Y.A.B. sebut, mereka membanting tulang mereka dengan keringat membasah keringat, walaupun sebenarnya dia tahu kadang-kadang dia tidak untung bila dia tanam padi dan Alhamdulillah *team* yang baru insurans kepada petani-petani kita amat menghargai tetapi waktu yang sama saya fikir Kerajaan Negeri kita boleh bantu, saya fikir kita ada duit dan ini Fastabikul Khairat umpamanya kita buat satu

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

insentif. Insentifnya apa, di kalangan petani-petani yang dia dapat 8 tan kita akan berikan hadiah kepada mereka. Contoh RM500.00. Kalau tidak RM5,000.00 pun RM500.00. Mereka yang dapat 10 tan kita akan beri insentif kepada mereka RM800.00 ataupun RM1,000.00. Ini akan menjadi galakkan kepada mereka untuk meningkatkan di waktu yang sama ia menjadi bantuan dan kalau ia nya berlaku kita dah ada rekod dah yang ada di Pejabat Pertanian di Persatuan Peladang kita ada rekod. Masalahnya baru-baru ini apabila Y.A.B. Alhamdulillah dapat turunkan kepada petani-petani bantu petani-petani kita bagi mereka kumpul. Kita respons kita sebut saja dalam Dewan Undangan Negeri selang seminggu ke dua minggu terus Y.A.B. turun bagi, tapi kita kurang persediaan dari sudut rekod dan data, kita bagi mereka cek, akhirnya sebahagian besar cek terpaksa pulangkan. Namanya salah ditulis, bin nya tak betul. Orang lain, orang lelaki tetapi bubuh binti. Orang perempuan dia bubuh bin pula. Jadi, akhirnya ramai dan sampai hari ini masih ada lagi yang masih belum selesai lagi cek-cek tersebut. Jadi lebih kurang 1,000 orang begitulah lebih kurangnya. Jadi yang ini yang kita fikir, sebab itu ini akan melengkapkan lagi data yang kita akan tengok bahawa ini sebagai satu cadangan kalau ada respons daripada Kerajaan Negeri saya fikir ia adalah suatu insentif yang petani akan melihat macam mana pun kalau dia nak mengejar kepada RM1,000.00 sebagai hadiah daripada Kerajaan Negeri maka dia akan pertingkatkan produktiviti terutama padi mereka. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. satu minit lagi Y.B.**

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Oh satu minit. Sikit lagi, sikit lagi. Bolehlah 2-3 minit. Kemudian begitu juga tentang beberapa projek yang telah pun disebut di Sabak Bernam. Saya terima kasih Y.A.B datang ke Sabak daripada Belanjawan hari Sabtu baru-baru ini dan ada dialog antara EXCO dengan rakyat Sabak Bernam dan ada soalan daripada seorang makcik kepada seorang EXCO kita. Antara soalan itu saya pernah bangkitkan dalam dewan umpamanya beberapa soalan berkaitan dengan soal perumahan, berkaitan dengan soal kenderaan, tapi Alhamdulillah apabila kita punya untuk kita punya bas percuma telah dapat peningkatan sebanyak RM30,000,000.00. Saya fikir untuk *term* akan datang Y.B. EXCO boleh menjawablah bahwasanya kita telah luluskan laluan baru di Sabak Bernam daripada Pekan Sabak terus ke Tanjung Medan di Sabak Bernam. Itu sebab yang hanya kepada EXCO baru-baru ini yang saya nampak EXCO pun macam terungkap juga nak jawab. Mungkin bukan bahagian dia lah, tetapi dia nak tolong jawab kan juga. Sebenarnya saya pun dah *address* untuk beberapa kali dan mudah-mudahan dengan pertambahan ini bolehlah dan permintaan mereka bukan setiap masa, tidak. Kalau susah pun kita berikan *peak hours* kepada mereka, waktu kemuncak waktu bila. Orang kampung kemuncak ini tak ada lainlah, waktu pelajar nak pergi sekolah, waktu pelajar balik daripada sekolah. Baik begitu juga saya nak bertanya yang lain yang telah pun diluluskan dalam Dewan Negeri, cuma tak ada satu penjelasan bila sebenarnya nak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

buat. Antaranya ialah Kompleks Sukan Sabak Bernam diluluskan dalam dewan. Tetapi saya nak juga penjelasan EXCO bila agak-agaknya akan dibuat ini Kompleks Sukan ini. Gimnastik dah ada dah, RM1,000,000.00 di Sekinchan kan. Orang Sabak pun nak gimnastik juga kan. Berenang pun nak juga, boling pun nak juga, gimnastik pun nak juga. Ingat tak sihat ke orang Sabak ini. Jadi yang ini yang kita nak tanya bila agaknya Kompleks ini akan diluluskan begitu juga pusat penyembelihan patuh syariah Speaker sebut. Nampak gayanya masih tanah itu masih lagi belum bermula dan bilanya akan dilakukan dan begitu juga RNR Air Manis telah kita luluskan tetapi saya fikir Kerajaan Negeri tolong bantu untuk PBT menyegerakan apa ini semua projek-projek ini dan akhirnya Tuan Timbalan Speaker apabila Y.A.B. mengumumkan tentang bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat dan sekolah-sekolah yang lain sekolah jenis kebangsaan. Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T. Namun, kita saya fikir antaranya kepada sekolah-sekolah tahniz yang Kerajaan Negeri perlu untuk buat boleh jadi satu jawatankuasa khusus pemandu terhadap sekolah-sekolah tahniz ini. Yang penting ialah kita tak hendak tahniz ini dalam keadaan dia terkial-kial sendirian. Walaupun sekarang ini telah ada beberapa tahniz yang agak ke hadapan tetapi mereka perlu panduan selain daripada yang diumumkan bahawa tahniz-tahniz ini perlu dan sekarang ini telah ada kesediaan KUIS dan UNISEL melalui MoU dengan beberapa elemen lain untuk menyediakan SPM, *fast track* SPM kepada pelajar-pelajar tahniz dan Alhamdulillah di Sabak Bernam pun saya dapat pelajar tahniz telah ada sijil SPM yang sekarang ini ada yang sudah melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah ada yang di KUIS umpamanya. Tapi perlu penekanan yang lain bantuan bagaimana ada tahniz perlu vokasional, tahniz pertanian, tahniz sukan, tahniz seni dan begitu juga yang kita ada sekarang ini ialah tahniz sains. Terutama sekali bagi tahniz-tahniz yang bergerak secara bersendirian. Maka sebab itu ratusan tahniz ini kita dapat urus mudah-mudahan dengan baik dan ini adalah Fastabikul Khairat dan terakhir sekali ialah Tuan Timbalan Speaker kita tengok belanjawan kali ini kita telah luluskan banyak kad lah. Seorang itu ada kad peduli sihat, kita ada kad KISS pula dan lepas ini entah apa-apa entah kad Darling ke apa Wallahu alam selepas daripada ini. Tetapi saya fikir kita kena ke arah bagaimana sebab bagi setengah orang-orang tua ini. Kampung-kampung ini sampai 2-3 kad dia pening. Kad pengenalan sendiri pun dia pening nak urus. Banyak sangat kad, kadang-kadang dia pening. Macam mana kalau sekiranya kita lebih melihat ke hadapan supaya semua penerima ini hanya menerima satu kad sahaja. Tetapi kad itu boleh digunakan kepada semua. Kalau dia penerima kepada KISS, maka yang di situ memaklumkan dia hanya penerima KISS sahaja. Kalau dia penerima Peduli Sihat dia hanya menerima Peduli Sihat sahaja. Dalam kad itu telah ada rekod. Jadi walaupun kad yang sama tetapi dia tidak boleh guna untuk semua. Ini ke arah itu kita harap dapat diurus mudah-mudahan Fastabikul Khairat yang kita kemukakan untuk mendahului kebaikan diterima oleh Allah dan diberkati dan sekian saya menyokong belanjawan yang telah dibentangkan. Assalamualaikum W.B.T.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B.TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Sabak. Saya mempersilakan Seri Andalas.

**Y.B.TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Speaker. Salam hormat dan salam sejahtera kepada semua di dalam dewan. Mula-mula saya nak ucapan syabas dan tahniah kepada Bukit Antarabangsa Dato' Seri Menteri Besar dan juga seluruh EXCO dan kakitangan kerajaan yang telah pun dengan kerjasama membahaskan satu bajet yang holistik di mana saya nampak seluruh rakyat negeri Selangor mendapat faedah dari bajet. Sebelum itu, saya nak katakan rasa simpati kepada negeri Pulau Pinang dan seluruh rakyatnya di atas kajian banjir kilat dan juga ribut taufan yang melanda negeri itu sehingga menyebabkan bencana besar di mana kehilangan nyawa pun kita menghadapi. Tetapi terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah beri bantuan kepada negeri Pulau Pinang RM1,000,000.00 untuk atasi cuba atasi masalah dan segala bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri dan beberapa rakan-rakan kita sekarang turun kepada Pulau Pinang untuk bantu mereka di dalam situasi yang ada. Dalam isu ini saya nak ingatkan negeri Selangor di dalam bajet kita nampak ada sebahagian besar yang kita belanja untuk Jabatan Saliran Air (JPS) untuk atasi masalah banjir di dalam Selangor. Ribut dan taufan ini bukan satu-satu yang biasa, tetapi saya ingat negeri Selangor kena sedia sebagai contoh di Pulau Pinang untuk hadapi satu-satu yang boleh berlaku di dalam negeri Selangor. Sebab itu saya ingat kita kena rajin dan semua kakitangan seluruhnya iaitu JPS atau pun peringkat PBT-PBT dan juga Jabatan UPEN kena buat satu kajian di mana kita di dalam negeri Selangor kena mengadakan program macam mana kita nak atasi masalah banjir ataupun baik pulih ataupun bina kawasan-kawasan baru atau kawasan-kawasan lama ini untuk naik taraf dengan situasi yang sekarang yang kita hadapi. Saya diberitahu bahawa Kementerian yang jaga meteorologi ini tahun depan akan keluarkan satu paper baru di atas situasi *climax change* di negara kita dan saya harap kertas itu akan menunjukkan bahawa kita akan menghadapi masalah besar dengan penurunan hujan yang lebih dan kita kena buat sesuatu untuk atasi masalah ini. Sebab itu saya terima kasihlah kepada negeri Selangor di mana kita telah peruntukan RM100,000,000 lebih kepada JPS untuk atasi masalah pada masa yang sama kalau boleh negeri kena bantu juga PBT-PBT berkenaan di mana kita nampak ada masalah-masalah banjir, contoh di Klang dan Klang ini ialah kita tahu dia di paras bawah laut dan ada masalah banjir dan saya terima kasih dalam dua tiga tahun ini kita telah belanja dekat RM5 juta lebih untuk atasi masalah. Itulah keadaan yang kita kena gunakan di dalam *planning* kita di mana taman-taman yang ada di seluruh Selangor. Taman-taman ini ialah 40 tahun, 50 tahun umur dia sekarang. Bila dibina 45 tahun sebelum ini keadaan cuaca lain daripada cuaca sekarang dan kita kena buat sesuatu untuk naik taraf khususnya longkang-longkang yang kita ada di taman-taman ini dan dalam

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

kawasan-kawasan ini kita kena belanja untuk buat demikian. *Its all about containing water, its all about how we control out flow of water.* Sebab pembinaan-pembinaan di dalam negeri Selangor tidak akan berhenti. Ya saya nampak kita ada koridor selatan, timur dan barat. Koridor-koridor akan di penuh dengan pembinaan-pembinaan. Contohnya di Guthrie Highway sekarang sampai Elmina sudah sampai kepada Rawang, Kajang, Rawang dan sebagainya. So kita kena adakan peruntukan yang akan digunakan oleh PBT dan juga Kerajaan kena bantu PBT-PBT ini dalam tiap tahun di mana mereka akan mereka kena *identify* kawasan itu dan kita kena tentukan peruntukan keluarkan kita naik taraf kawasan-kawasan ini.

Tuan Speaker saya nampak kita ini sekarang dalam satu situasi di mana Kerajaan Negeri telah bagi peruntukan besar kepada golongan B40. Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar dan EXCO yang nampak golongan B40 ini dalam negeri Selangor kena dapat bantuan yang besar dari Kerajaan Negeri. Tetapi pada masa yang sama pagi tadi saya dengar ucapan ataupun jawapan daripada EXCO di mana dia senaraikan beberapa kawasan di dalam negeri Selangor dan Pembasmian Kemiskinan di dalam kawasan itu 0.0, 0.0 dan 0.0. Saya terima alasan ini dibagi sebab ada *detail* yang dikeluarkan daripada Kerajaan Pusat tetapi di dalam Negeri Selangor kita kena faham bahawa kemiskinan ini dia ada 3 kategori kemiskinan dia di dalam negeri Selangor. Kita tidak boleh katakan kemiskinan di negeri Selangor telah pun dihapuskan. *We have relativ powerty, we have absolute powerty, and u have urban powerty in Selangor.* One of the bigger Tuan Speaker ialah Kemiskinan Perbandaran *that is Urban Powerty* di dalam negeri Selangor. Macam mana kita sebagai Kerajaan Prihatin kita nak atasi masalah *Urban Powerty* yang ada di dalam negeri Selangor. Walaupun orang-orang golongan dalam kategori *Urban Powerty* di dalam negeri Selangor, pendapatan mereka saya yakin ialah kurang daripada dua ribu ringgit seisi keluarga. *This is the group* di dalam satu negeri yang maju kita ada masalah dan kita kena cuba macam mana kita nak bantu mereka dan atasi masalah ini melalui beberapa program. Satu-satunya program baru untuk tahun baru tahun 2018 KISS ini saya ingat one of good program yang kita nampak kita akan adakan pada tahun 2018. Dan tiga puluh ribu wanita yang di dalam keluarga tak kira dia kahwin atau belum kahwin ataupun ibu tunggal tetapi kalau pendapatan dia kurang daripada dua ribu ringgit kita akan bantu dia dengan *Smart Card* KISS ini untuk diberikan mereka untuk *shopping* masing-masing. Saya pun terima kasih kepada negeri Selangor sebab Smart lama-lama ini kita ada program *Smart Food* yang telah lakukan, walaupun itu sedikit bantu mereka-mereka di bawah tetapi pelaksanaannya melalui pejabat-pejabat kita ini memang satu-satu yang bebankan yang katakan pekerja-pekerja di dalam pejabat ADUN di dalam kawasan. *And i think all of you know*, sebab itu kita ingat kita telah tukar kepada KISS itu dia lebih senang untuk kita lanjutkan program ini di bawah.

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Saya pun nak sentuh sedikit tentang isu miliniar ini di dalam negeri Selangor. Miliniar ini ialah sebuah kumpulan anak muda di dalam negeri Selangor. Dia merangkumi seluruh populasi miliniar di dalam Malaysia ialah tiga 36.64% kalau tak silap saya. Ini dari *research* yang telah dibuat oleh *CIMB Research Group* ini. Dan mereka miliniar ini umur dia dari 20 tahun sampai 34 tahun dan *they have demanding group people* yang sentiasa pegang *handphone* dan dia *online* dan dia tahu apa yang berlaku di dalam negeri dan apa dia nak jawapan dia melalui *handphone* sahaja. Soalan melalui *handphone* sahaja. So kita melalui program-program di dalam negeri Selangor ini kita nampak kita kena pastikan bahawa miliniar ini kita dan *contact* dengan mereka dan kita selalu communicate mereka maklum balas dari mereka ini. Sebab *they will be the new leader* di dalam negara kita dan kita sebagai Selangor negeri yang maju kita mesti ada satu landasan di antara Kerajaan Negeri dengan miliniar ini dalam negeri Selangor dan saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Dato' Menteri Besar dan kita telah pun bagi tumpuan kepada miliniar ini untuk kita berada perkongsian fikiran dan apa yang mereka nak kita atasi masalah miliniar yang kita ada di dalam negeri Selangor.

Rumah mampu milik di dalam negeri Selangor ini satu-satu isu yang hebat, kita kena faham bahawa Selangor ini ada jenis A, B dan C. Tapi bukan semua tempatnya ada A, B dan C. Macam kawasan saya dia bina A sahaja. So harga dia RM220.000.00. Tetapi masalah dengan Selangorku ini saya nak minta EXCO dan juga Kerajaan Negeri Selangor teliti sedikit tentang komponen Bumiputera dan bukan bumiputera dalam isu rumah Selangorku ini. Sekarang saya dengar dia punya kuota ialah 73-30. 70% untuk Bumiputera dan 30% untuk bukan Bumiputera. Saya tidak ada masalah dengan kuota ini, tetapi saya ingat kita kena bagi perhatian kepada kawasan-kawasan yang tertentu di dalam kawasan negeri Selangor yang mana kuota itu boleh dipakai. Kalau Shah Alam memang 100% kuotanya boleh jadi 70% 30% tidak ada masalah. Tetapi contoh di dalam kawasan saya sampai sekarang rumah Selangorku yang telah pun sudang dibuka dan orang dan masuk menghuni di dalam rumah masih sekarang tidak cukup kuota Bumiputera itu di penuhkan. So ini beban kepada pemaju untuk pegang lama-lamanya. Dan bila saya minta Kerajaan adakah mekanisme nya untuk kita *release* kuota Bumiputera kalaulah sampai berapa lama dia tidak ada cukup orang-orang yang *qualify* rumah ini, apakah mekanisme dia di dalam negeri Selangor. Jawapan yang saya dapat di antara PTG dengan pejabat Perumahan ialah dua jawapan yang berbeza PTG yang beritahu dengan saya ada mekanisme tetapi Lembaga Perumahan katakan tidak ada mekanisme untuk mereleasekan rumah-rumah Bumiputera yang 70%. So ini saya harap kita boleh adakan satu kefahaman di antara dua-dua jawatan ini untuk tentukan rumah-rumah Selangorku yang sudang dibina dan boleh diterus bagikan atau dijuarkan kepada orang-orang berkenaan ini. Ada fakta-fakta tentang umah mampu milik di dalam negeri Selangor ini yang *survey* yang terkini menunjukkan bahawa rumah mampu milik ini yang boleh katakan dijual dibeli oleh orang-orang yang mampu untuk beli sampai RM260,000,00 sahaja di negeri Selangor. Tetapi kos *average* rumahnya di

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

dalam negeri Selangor sekarang ialah RM442,000.00 sebuah rumah. So kalau kita tengok *house the price* di dalam negeri Selangor. *We are the one worse in the country* yang katakan kita ialah 5.10%. *Anything about 5% is considered unaffordable* di dalam negeri Selangor. Fasal apa yang saya kata ini yang saya kata ia nak bawakan sekarang ialah di dalam negeri Selangor sekarang kita ada satu juta lima ratus lima ratus lima puluh juta orang memiliki rumah sendiri. Kalau kita sebagai satu Kerajaan Prihatin kalau kita tidak buat sesuatu untuk bantu membina rumah Selangorku ataupun *affordable housing* di dalam negeri Selangor melalui beberapa syarat-syarat yang kita boleh tentukan untuk rumah ini dibina dengan harga yang murah dan dijual kepada semua, kita akan gagal di dalam isu *affordability* atau pembinaan rumah-rumah kos sederhana ini. Sebab itu saya minta Kerajaan Selangor kalau boleh buat kajian. Adakah premium tanah yang akan di mana rumah-rumah ini akan dibina kita boleh kurangkan premium tanah atau *zero rate* premium tanah ini sebagai satu kaedah dan ada juga *development* digunakan *development deposit* untuk rumah-rumah ini kita boleh hapuskan melalui pejabat apa melalui PBT-PBT masing-masing dan beberapa lain bayaran-bayaran itu kita boleh tentukan boleh dikeluarkan atau dikurangkan untuk akhirnya pembina-pembina ini pemaju-pemaju ini boleh bina rumah-rumah Selangorku untuk di *make it affordable* untuk orang-orang yang beli ini. Ini cara-cara ini mesti dilakukan oleh Kerajaan sahaja bukan kita tak bagi peluang ini kepada pembina atau *developer* ini ringan untuk binakan Rumah Mampu Selangorku ini sebab harga sekarang dengan apa yang kita boleh buat harga tanah di dalam negeri Selangor dan juga barang-barang ini dengan mereka kena bayar GST dan sebagainya dan beban besar untuk mereka dan kita tidak boleh capai untuk kita adakan beberapa rumah untuk program ini.

Tuan Speaker saya telah pun dengar dan sudah lamanya bawa perkara ini di mana di dalam negeri Selangor ini di mana kita nampak sekarang pembinaan-pembinaan besar oleh syarikat-syarikat tertentu melalui prasarana dan sebagainya dengan adakan *public transport services* melalui LRT 1, 2, 3 dan MRT 1 dan 2 dan ini saya nampak semua diberi kepada syarikat-syarikat tertentu yang besar oleh Kerajaan Persekutuan melalui Prasarana dan sebagainya. Tetapi apakah hubungan kita dengan syarikat-syarikat ini yang telah buat ataupun dapat kontrak-kontrak besar ini di dalam negeri Selangor dengan syarikat-syarikat ini untuk bagi bantuan ataupun kita terus bagi dia peluang sahaja untuk masuk dan bina dan dia tak kira negeri Selangor sebagai satu negeri yang di mana dia datang di sini dia melakukan dia bina negeri ini sebab ROI dia tentu dapat dalam tempoh 20 tahun 30 tahun ataupun 40 tahun. Dia ROI is fix when a project has done in negeri Selangor. And that why everyone want do the project in negeri Selangor. But soalan saya what is Selangor getting on this. Pembinaan yes, syarikat datang buat bina lepas tu dia buat duit. But we not getting anything of this. So sebab itu saya nak puji saya nak katakan dengan negeri Selangor ini kita mesti nak buat sesuatu. Janganlah kita beri dengan senang-senangnya pelan dan juga kelulusan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

untuk mereka-mereka ini dan PBT-PBT ini kena mainkan peranan yang besar dalam isu ini. So we have to make sure yang mana dia lalu dan apa yang dia buat di dalam negeri Selangor itu ialah ada bawa manfaat kepada negeri Selangor. And kita kena jaga dan we have to be the guardian of the people of Selangor untuk Selangor untuk projek-projek besar, besar macam ini di dalam Negeri Selangor. Pada masa yang sama, Negeri Selangor ini ialah satu-satu negeri yang maju, termaju di dalam Malaysia. Latest statistik yang saya ada tentang penjualan kereta di dalam Malaysia ini, terkejut ya. 1 tahun volume kereta yang jual di dalam Malaysia ini ialah dekat, tahun 2017 sahaja mereka jangka lepas forth quarter ini penjualan kereta akan meningkat kepada 597 ribu kereta. Kalau kita banding dengan Negeri Selangor, kalau katakan 30% itu dijual sahaja di dalam Negeri Selangor. Itu ialah lebih dari 100 lebih ribu kereta baru di dalam jalan-jalan kita. Sekarang pun sudah masalah besar dengan siasatan jalan raya di dalam Negeri Selangor. Walaupun kita kata pelan kita ialah 60:40 di mana kita nak buat public transport 60% dan kita akan adakan jalan raya-jalan raya yang baru 40%. Untuk planning ini, ini dua-dua kena bersama. Kita tidak boleh katakan kita kena tunggu sampai 60% itu sedia sebelum kita binakan 40%. Kalau itulah yang akan jadi ni, masalah kesesakan kereta di dalam Lembah Klang ini, Klang Valley ini memang akan, akan jadi 1 masalah besar kepada rakyat Negeri Selangor. Sebab itu saya minta kita kena setuju dengan Lembaga Jalan Raya Malaysia di mana pelan-pelan untuk adakan jalan raya – jalan raya yang baru, yang connectivity itu, yang missing lane itu. Ataupun jalan raya yang baru sama-sama sekali kita pelankan dengan ada public transport system yang lain pun yang ada bersama-sama yang sekali. Kalau tak ada, saya nak pergi kepada PJ dari Klang akan ambil saya lebih dari 1 jam setengah ataupun 2 jam. Keadaan macam itu sekarang. Walaupun saya bayar tol sampai RM3, RM4, fasal tol itu tak guna.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap Bukit Gasing. Yang Berhormat Andalas, ada 1 minit lagi sebab sebelum merah. Silakan Bukit Gasing. Silakan Bukit Gasing soalan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN:** This I am pay attention to what you are speaking

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan soalan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN:** Saya setuju kita kena merancang untuk jalan raya baru tetapi saya rasa cadangan konsesi yang membuat perancangan ini tidak baik kerana mereka memikirkan kutipan tol. Jadi perancangan untuk jalan-jalan raya baru haruslah dibuat oleh kerajaan. Dari segi neutral, dari segi apa yang boleh selesaikan masalah trafik yang terbaik. Bukannya di, kita tunggu untuk syarikat konsesi

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

mencadangkan. Kita buat lebuh raya di sini, di sini, di sini. *That's not the very healthy way to move forward.*

**Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Saya terima tetapi kalau macam itu kita kena ada rancangan cadangan kita. So itu kena buat kajian, itu kena buat oleh negeri. Kita tidak boleh berhenti di waktu sekarang. Katakan kita akan bagi tumpuan kepada *public transport* sahaja. *You have to do it both at the same time. That's what i am trying to say. I am not saying at once is more important the other. I think this has to go hand in hand in Selangor.*

Tuan Speaker,

Saya ada lagi 1 perkara yang saya nak bangkitkan ialah di dalam bajet kita yang tema dia ialah Pembangun Bangsa dan Memakmur Negeri. Dato' Menteri Besar telah mengemukakan 1 belanjawan yang, yang baik, di mana belanjawan pengurus ialah 46.8%. Dan belanjaan pembangunan ialah 53.2%. Ini satu-satu contohnya macam mana belanjaan persekutuan pun kena ada dibuatkan tapi malangnya mereka lebih suka untuk adakan perbelanjaan pengurus yang lebih tinggi. Tetapi saya nak minta yang Kerajaan Negeri lakukan tentang *balance* bajet ini. PBT-PBT pun kena ikut juga. Bila saya baca laporan Ketua Audit Negara mengenai pernyataan kewangan beberapa PBT yang telah dibagi kepada kita ni. Saya nampak mereka punya perbelanjaan pengurus dia lebih dari 85, kadang-kadang 90%. Sampai dia punya belanjaan ni *less than 1%*. So, saya minta kita kena, kena adakan sedikit perimbangan ya. Macam mana PBT-PBT boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk *balance* kan bajet dia membangun untuk bagikan kemudahan dan sebagainya untuk rakyat di dalam kawasan dia. Contohnyalah saya, saya ADUN Seri Andalas dan saya di bawah Majlis Perbandaran Klang ini. So, kita ada 9 ADUN di bawah Majlis Perbandaran Klang dengan 3 Parlimen. So, bila kita minta untuk sedikit pembangunan di dalam kawasan, adakah dia gunakan peruntukan MARRIS ataupun dia, dia mesti ada sedikit belanjaan, perbelanjaan pembangunan di dalam bajet mereka tetapi malang dia susah untuk dapat. Fasal itu saya mula-mula katakan kita mesti ada program untuk atasi masalah banjir dengan kita adakan perbelanjaan untuk naik taraf kawasan-kawasan perbandaran di dalam Negeri Selangor. Sebab itu saya minta sedikit gambaran yang boleh dibagi untuk kita macam mana PBT-PBT boleh adakan *balance accounting* untuk kita pada masa yang depan. Saya nak, nak terima kasih juga kepada Negeri Selangor tentang bajet kita yang telah bagi peruntukan RM3 juta lebih untuk Stadium Kota Raja yang akan dibaik pulih. Ini orang penduduk di dalam Bandar Klang sudah tunggu lama-lama dah. Saya terima kasih kepada dan saya harap ini akan dimulakan cepat mungkin. Jangan kita lambatkan proses ini sampailah hujung tahun depan tetapi

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

prosesnya kena mulakan sekarang untuk kita atasi *problems* yang ada di dalam Stadium Kota Raja.

Dan akhir sekali Tuan Speaker, saya terima kasih kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor, di mana kerajaan kita telah bentangkan 1 bajet yang holistik, yang telah mengamui semua rakyat di dalam Negeri Selangor. Tetapi kepentingannya ialah cara pelaksanaan program-program ini pada tahun yang akan datang dan berapa cepat mungkin kita boleh mulakan program-program ini di dalam kawasan-kawasan semua ADUN di dalam Negeri Selangor. Dan saya minta kerjasama dari semua pihak untuk kita licinkan prosesnya untuk laksanakan program-program ini di bawah Negeri Selangor. *Start now so that we will excute it in the beginning of the year by most probably by our target should be by the end of Januari* kita kena adakan program-program ini di bawah dengan rakyat Negeri Selangor akan terima faedah program-program ini. Dengan ini saya sokong bajet yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Balakong dulu. 20 minit Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Speaker kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada Jumaat yang lalu. Tahniah kepada Barisan EXCO dan juga pimpinan Kerajaan Negeri termasuk kakitangan Kerajaan Negeri Selangor kerana telah bersusah payah menyediakan belanjawan yang pada saya dianggap terbaik ialah di negara kita. Saya yakin tiada mana-mana negeri yang boleh membentangkan 1 belanjawan yang setaraf dengan belanjawan Selangor ini. Sebagai seorang Ahli Dewan Negeri Selangor, saya berasa bangga kerana sudah beberapa tahun berturut-turut belanjawan kerajaan bersifat peduli rakyat dan membawa pembangunan sehingga Kerajaan Pusat terpaksa meniru Program Inisiatif Peduli Rakyat yang telah diperkenalkan di Selangor dan juga beberapa cadangan bajet Pakatan Harapan, bajet alternatif Pakatan Harapan dan ia membuktikan bahawa pemimpin Pakatan Harapan jauh lebih mempunyai pandangan lebih jauh dan jauh lebih berkemampuan untuk memimpin ataupun membentuk sebuah kerajaan yang peduli rakyat. Kerana apa yang telah dilakukan oleh kami, apa yang telah dicadangkan merangkumi semua lapisan masyarakat.

Saya, Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Dato' Menteri Besar kerana telah menambahkan peruntukan RM1 juta kepada SJK(C) dan Sekolah Agama Rakyat masing-masing dan terus meningkatkannya kepada RM6 juta dan RM10 juta masing-masing. Saya mohon ini adalah 1 perkara yang memang kami meraikan tetapi saya mohon agar pihak kerajaan sekiranya boleh saya ingin mencadangkan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

supaya ia diberikan kepada pihak sekolah lebih awal jika dibandingkan dengan apa yang kami telah lakukan iaitu pada pertengahan tahun. Jika boleh saya mohon peruntukan ini diberikan pada suku pertama supaya mereka boleh dengan lebih berkesan untuk membelanjakan duit-duit tersebut. Janganlah kami ikut jejak MCA ataupun Kerajaan Pusat di mana Kementerian Pendidikan terpaksa memberi atau mengagihkan RM50 juta kepada Sekolah Cina peruntukan 2016 tapi diberikan pada 2017. Dan peruntukan 2017 katanya dah sampailah tapi kami tidak tahu lah adakah ia benar-benar sampai atau tidak. Saya berharap Kementerian Pendidikan boleh mengagihkan Peruntukan RM50 juta untuk Sekolah Cina untuk tahun 2017 dengan secepat yang mungkin.

Dan Tuan Speaker,

Kami juga terima 1 berita yang agak baiklah bagi masyarakat kaum Cina. Sebelum Perdana Menteri membentangkan bajet 2018 di Parlimen, Menteri Pendidikan telah mengumumkan 10 buah sekolah jenis Kebangsaan Cina yang baru dan pemindahan 6 sekolah jenis kebangsaan Cina yang lama. Saya juga pada 2 hari yang lepas ada terdengar ucapan Menteri Pengangkutan merangkap Presiden MCA bahawa mereka akan mulakan kerja-kerja pembinaan sekolah-sekolah tersebut pada tahun depan dan mereka janji akan siap dalam masa 2 tahun. Saya memang mempertikaikan adakah ia benar-benar akan siap dalam masa 2 tahun kerana berdasarkan maklumat yang saya dapat, mereka belum tahu lagi ataupun belum kenal pasti lagi lokasi pembinaan sekolah tersebut dan juga tidak ada, belum ada tanah lagi. Jadi saya ingin mohon kepada pihak kerajaan sekiranya, sekiranya pihak Kementerian memohon tanah untuk membina sekolah-sekolah ini di Selangor, saya mohon agar pihak kerajaan, kami cuba membantu, kami beri tanah kepada mereka dan kami tidak menghalang, cuba menyokong pembinaan sekolah-sekolah berkenaan di Negeri Selangor. Saya rasa ini bukanlah masalah kepada Kerajaan Negeri Selangor jikalau Kementerian benar-benar memohon tanah tersebut untuk pembinaan sekolah. Tapi walau bagaimanapun saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasihlah kepada UMNO kali ini kerana kalau bukannya kerana perpecahan dalaman UMNO Kerajaan Pusat tidak akan mengumumkan kelulusan untuk membina sekolah Cina baru ini. Ini seperti yang telah berlaku pada tahun 1999 apabila berlakunya perpecahan dalam UMNO pada masa itu.

Tuan Speaker,

Ekonomi negara kita semakin meleset berikutan pelaksanaan GST yang menambahkan beban rakyat. Hujah Menteri mengatakan harga barang akan turun dengan adanya GST terbukti adalah satu penipuan. Keadaan bertambah buruk lagi apabila keyakinan pelabur terhadap negara kita berkurangan berikutan skandal 1MDB yang tidak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

terjawab-jawab oleh pihak kerajaan. Ini mengakibatkan rakyat Malaysia perlu menanggung sejenis cukai yang baru yang pada saya, saya memanggil dia sebagai cukai rasuah. Berikutan dengan semua ini ramai rakyat terpaksa mengikuti nasihat seorang Menteri lah supaya mengambil kerja sampingan dan ia telah mengakibatkan semakin banyak yang telah memilih untuk menjaja. Tetapi apa yang berlaku sekarang adalah kebanyakan mereka akan menjaja di tepi jalan tanpa memohon kelulusan daripada Pihak PBT dan apabila mereka mohon dengan PBT, pihak PBT tidak dapat meluluskan permohonan mereka kerana kebanyakan mereka nak lokasi yang strategik dan akan menjaja di tepi jalan utama. Ini telah menjadi satu masalah dikebanyakan PBT kerana saya nampak saya ambil contoh, Majlis Perbandaran Kajang, Penguat kuasa bukannya tak bekerja mereka ada pergi buat sitaan tetapi hari ni sita, dua hari lagi mereka akan bermiaga semula. Jadi saya berharap pihak Kerajaan perlu mengambil satu inisiatif untuk mengkaji bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Adakan pembinaan lebih banyak medan selera akan selesaikan masalah itu, saya tidak pasti ataupun pihak PBT menyediakan lebih banyak tapak gerai untuk mereka bermiaga. Ini telah mengakibatkan imej PBT terjejas sebab apabila Penguatkuasa ambil tindakan terhadap penjaja. Penjaja akan marah dengan PBT kerana mereka rasa mereka dalam keadaan yang susah nak cari duit tambahan sedikit pun PBT nak kacau tidak berbelas kasihan. Tetapi apabila PBT tidak ambil tindakan pengadu pula mengatakan, melontarkan tohmahan-tohmahan mengatakan pegawai MPKj ataupun pegawai MPK ataupun mana-mana PBT telah mengambil sesuatu ataupun terima sesuatu daripada penjaja. Itulah cabaran yang kami hadapi dan saya harap, pihak Kerajaan boleh mengkaji isu ini dan cari satu penyelesaian supaya dapat kurangkanlah masalah-masalah ini.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian

Satu lagi isu ingin saya bangkitkan adalah isu penganjuran program-program khas contohnya seperti penganjuran OktoberFest yang telah menjadi isu hangat dibincangkan di kalangan masyarakat pada bulan yang lalu. Ia menjadi satu isu yang sengaja dipolitikkan oleh setengah pihak kerana penganjuran pesta ini telah sebenarnya telah bermula banyak tahun yang lalu dan tidak pernah ada apa-apa isu ataupun tidak pernah ada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Perkara ini tidak lah serumit seperti yang telah berlaku sekiranya pihak PBT pada ketika itu tidak menolak ataupun menendang bola itu kepada pihak polis. Kita semua faham bahawa pihak polis sengaja berpolitik kerana Timbalan Perdana Menteri telah pun mengarahkan Ketua Polis Negara supaya tidak meluluskan permohonan permit ataupun permohonan kebenaran untuk menganjurkan pesta berkenaan tapi nampaknya kenapa hanya di Selangor. Melaka dibenarkan tak ada masalah, polis tak kata ada masalah. Kenapa hanya di Selangor jadi Kerajaan tidak harus terjatuh ke perangkap mereka dan ia akan

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

menyebabkan kerajaan Selangor ia nampak macam seperti tidak konsisten dalam membuat keputusan. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengwujudkan satu garis panduan yang nyata, yang jelas untuk semua program-program khas seperti OktoberFest ataupun apa-apa jenis konsert yang bakal dianjurkan di negeri Selangor. Ini adalah untuk mengelakkan pelabur ataupun pengajur mengalami kerugian setelah melaburkan beratus-ratus ribu ringgit ataupun satu jumlah ringgit, modal yang besar. Saya berasa adalah amat tidak adil kepada pelabur apabila permohonan mereka ditolak pada saat-saat terakhir. Kita kalau nak tolak, tolak awal-awal. Biar wujudkan satu garis panduan apakah yang mereka patut patuhi dan biar pelabur ataupun pengajur yang mempertimbangkan adakah mereka sanggup ataupun adakah mereka mampu mematuhi semua syarat-syarat tersebut. Saya berharap ia dapat diselesaikan dengan secepat yang mungkin dan kita tidak perlu lah bergaduh-gaduh ataupun berbalah mengenai isu ini pada tahun yang akan datang.

Selain daripada itu saya ingin membangkitkan satu isu juga yang saya rasa adalah satu akan menjadi satu masalah yang besar di dalam negeri Selangor. Saya rasa semua setuju dengan saya bahawa kebanyakan rumah, rumah teres, rumah kediaman di dalam negeri Selangor ataupun kemungkinan di seluruh negara kita pernah diubahsuai dan saya yakin 80% ataupun lebih tidak mempunyai kelulusan ataupun dibina melenceng daripada pelan kelulusan. Apa yang berlaku pada beberapa tahun yang lalu ini adalah kami nampak pihak PBT ada memberi notis kepada tuan rumah memohon mereka untuk mengemukakan pelan mereka ataupun mengemukakan *as built* pelan supaya bangunan mereka boleh diluluskan ataupun dalam di beberapa PBT mereka memanggil dia program pemutihan ubahsuai rumah tanpa kelulusan. Apa yang terjadi adalah untuk mengemukakan pelan *as built* mereka perlu membelanjakan sejumlah wang yang agak tinggi. Ada setengah premis PBT yang membenarkan tuan rumah mengemukakan pelan melalui *draftman* tetapi ia juga memakan satu kos yang agak tinggi dan pernah berlaku sekali pada empat tahun yang lalu apabila saya didatangi dengan seorang pengadu dengan notis berkenaan saya menasihati beliau untuk mengemukakan pelan *as built* melalui arkitek dan beliau telah ikut nasihat saya dan lakukannya akhir sekali beberapa bulan yang lalu saya terserempak dengan dia dan beliau memberitahu saya dia telah dengar nasihat saya dan belanjakan lebih 15 ribu dapat kelulusan rumah dia tidak diambil tindakan oleh PBT tetapi jiran-jirannya yang lain yang terima notis yang tak mengemukakan *as built* pelan tidak diambil tindakan juga dan dia rasa ia adalah satu dasar yang tidak adil mengapa dia mengikut undang-undang, dia perlu membelanja satu jumlah wang yang tinggi dia tidak diambil tindakan seperti juga yang tidak mengikut undang-undang jadi saya berasa kerajaan perlu mengadakan satu cara penyelesaian mencari cara penyelesaian untuk menyelesaikan masalah ini dengan kos yang terendah supaya pemilik tidak dibebankan. Memang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kalau katakan nak ambil tindakan dalam bidang kuasa PBT memang tindakan merobohkan struktur berkenaan boleh dilakukan tetapi *lets face the reality* banyak sangat adakah kerajaan sanggup merobohkan mungkin tujuh unit dalam satu deret yang tidak mengemukakan pelan mereka jadi saya berharaplah saya berharap pihak kerajaan boleh mengambil serius perkara ini supaya ia dapat diselesaikan dengan cara yang paling baik dan akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada pihak kerajaan merujuk kepada laporan media sebelum ini mengenai hutang GST oleh pihak jabatan kastam kepada PBT-PBT dalam negeri Selangor adakah ia sudah dijelaskan oleh pihak kastam ataupun apakah tindakan susulan pihak kerajaan negeri terhadap kastam mengenai isu ini kerana pada isu ini saya rasa ia adalah sangat tidak adil kepada rakyat-rakyat di negeri Selangor dan juga tuduhan Ketua Pengarah Jabatan Kastam mengatakan dokumen-dokumen yang disediakan ataupun dikemukakan kepada Jabatan Kastam ada keraguan kenyataan ini adalah sangat tidak adillah kepada kakitangan-kakitangan di PBT kerana saya menganggap ia adalah satu kenyataan yang menghina mereka seolah-olah kakitangan PBT mahu menipu Jabatan Kastam untuk mendapatkan lebih banyak pulangan daripada GST. Itu sahaja daripada saya sekian saya menyokong Usul ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Bismillahhirrahmannirahim, terima kasih Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar yang saya muliakan. Terima kasih kerana telah membentangkan satu bajet yang cukup bermakna kepada rakyat Negeri Selangor. Pada petang ini saya akan membincang, mengutarakan beberapa perkara yang saya percaya tidak akan siap dalam masa 20 minit. Tapi saya amat-amat berharap agar Dato' Menteri Besar dan kerajaan mengambil tahu dan mengambil kira perkara ini yang sebelum saya hadir tadi saya telah memaklumkan kepada EXCO Perumahan dan sebuah buku yang bertajuk *Hire Objektive of Humanity* telah saya hadiahkan kepada Dato' Menteri Besar pihak atas kepada pemikiran dan idea fikrah kita tentang perkara ini. Yang pertama sekali, saya ingin ingatkan bahawa Smart Selangor merupakan satu idaman kita, di mana berlakunya *connectivity* dengan izin dan integrasi di antara manusia dan peralatan perkakasan yang memudahkan, meningkatkan kualiti hidup kita. Saya percaya bahawa di samping tema Fasabiqul Khoirot, Smart Selangor hendaklah bercirikan rahmatanfilalamin. Rahmatanfilalamin adalah salah satu ayat yang terkandung dalam surah al anbiya yang bermakna para nabi dan para rasul yang dalam surah itu mengungkapkan hampir kesemua kecuali dua daripada 25 para anbiya, para rasul yang tujuan penceritaan kisah perjuangan Nabi Ibrahim, Nabi Nuh, Nabi Lut dan sebagainya itu adalah untuk memberi keyakinan kekuatan kepada Rasulullah SAW bahawa dia diutuskan tidak lain daripada untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam.

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Jadi kita berharap bahawa Smart Selangor, di samping tema kita keseluruhannya adalah untuk Fasabiqul Khoirot berlumba-lumba untuk menuju kebaikan dan kebaikan juga bertujuan untuk membawa rahmat pada sekalian alam dan dalam buku yang telah saya hadiahkan kepada Dato' Menteri Besar tadi terkandung satu konsep yang telah dihalusi daripada Al-Quran dan Sunah yang membimbangkan kita, kita berada di puncak yang paling atas. Sebagai pentadbir Dato' Menteri Besar yang lebih Besar dan bakal Perdana Menteri dan bagi kami giliran lah bila dah sampai turn kan, itu semua kehendak Allah. Jadi kita di atas ini menangani rakyat yang di bawah yang berhadapan dengan banyak masalah. Pertama tugas kita sebagai pemimpin ialah untuk memastikan kita sendiri bebas daripada masalah, we are problem free leader. Dan apabila kita tidak dapat menangani masalah mereka, mereka terperangkap dalam satu kezaliman itu hariki di bawah. Sehingga kita dapat mengangkat masalah mereka, kita selesaikan masalah mereka kita mencapai tahap apakah keperluan mereka kita berikan memberikan cahaya ke depan untuk mereka mendapat yang ingin yang diidami itu, berapa di satu tahap yang baik maka barulah mereka berada di satu tahap yang dikatakan keadilan. Keadilan diberikan kepada mereka dan tujuan Al-Quran, tujuan Islam, tujuan kita sebagai satu cara hidup yang memberikan kebaikan kepada manusia. Almaqasid almadaniah yang lebih ditegaskan dalam buku ini selain daripada maqasid syariah adalah maqasid alinsaniah yang bererti kita menangani kemanusiaan keseluruhannya. Tidak kira apa agamanya, pegangan dia, dia adalah insan walqomarobaniadam yang dirakamkan dalam Al-Quran, manusia Bani Adam itu adalah mempunyai kemuliaan dan qoramah. Dengan itu ciri-ciri rahmatanfilalamin ini antara lain adalah kita pasukan pakatan harapan dan pejuang-pejuang parti keadilan mestilah menyelesaikan masalah rakyat sama dengan menamakan dua masalah rakyat yang besar yang biasa jarang kita bicarakan dia adalah kita anggap sebagai tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan iaitu dadah dan mat rempit dan beberapa maklumat yang saya dapat kutip daripada mat rempit ini sangat menyayat hati dan kisah dadah di tempat saya pun makin lama makin merebak. Dengan dadah mengambil satu from lebih canggih, lebih menawan dalam bentuk gula-gula, ais dan makanan-makanan yang tidak sendiri diberi dan diberikan kepada anak-anak muda kita, anak-anak kecil kita yang mereka telah ketagihan. Jadi ini dua perkara besar mahu tidak mahu rakyat Selangor berdepan dengan masalah dadah dan rempit dan untuk kita menyediakan keperluan rakyat ini makanan, pakaian, tempat tinggal, pelajaran, kesihatan satu lagi yang perlu kita selesaikan adalah kemahuan mereka. Mereka mahukan mendapatkan bonus, biasiswa, melancung, pengangkutan yang baik, percutian dan mereka dapat hidup di "*lebalcity*" dengan izin. Dan seterusnya memberi kebahagian kepada mereka apabila kita dapat angkat mereka ke tahap kebahagian barulah kita meletakan mereka di suatu tempat yang kita katakan rahmatanilahilalamin rahmat dengan izin Allah S.W.T. Dan ini diwar-warkan di dalam konteks "*happiness*" di dalam indeks. "*Happiness*" indeks tuan-tuan dan rakan-rakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat dia lebih

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

bercakap dengan “values”, nilai iaitu seperti dengan izin betapa pemurahnya masyarakat, betapa penyayangnya masyarakat, berapa kasih sayangnya masyarakat, berapa hikmatnya masyarakat di dalam menggunakan sumber-sumber yang ada. Petroleum banyak, minyak banyak dia lantak habis-habisan digunakan dengan wajar dan digunakan hasilnya untuk dilaburkan di masa depan terutamanya pendidikan, perumahan dan sebagainya. Itu sebab negara-negara seperti Norway nombor satu indeks “happiness” mereka, kedua Negara Demark, Island itu sebab mereka selalu gembira sampaikan boleh kalahkan England dalam bola sepak satu kejutan besar. Island mengalahkan England kemudian Swissland dan Finland dan Malaysia ada peningkatan kebelakangan ini sejak dari tahun dulu hingga tahun ini 2017 peningkatan 5 anak tangan kepada 42. Ini adalah satu permulaan yang agak baik daripada seratus lima puluh lima negara kita dan macam-macam masalah yang kita hadapi masih mampu mengangkat kegembiraan dan kebahagian kemungkinan diberikan sumbangan oleh kerajaan rakyat Negeri Selangor. Apa yang saya ingin tekankan pada hari ini adalah dua masalah besar ini iaitu dadah yang menular ke sekolah-sekolah, pelajar darjah 6 sudah menjadi *poacher* dan bukan sahaja menagih dadah tetapi telah menjual sebagai *poacher* kepada orang-orang lain dan dadah hampir-hampir senonim dan apa puncanya dan jawapan yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji ilmiah adalah jawapannya adalah rumah. Semua masalah ini datangnya daripada rumah dan daripada situ kita dapati rumah ini merupakan satu perkara yang sangat-sangat dihayati. Jadi kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kita terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menjadikan rumah mampu milik, rumah Selangorku antara fokus kita. Saya percaya apabila kita menerapkan konsep SMART Selangor mesti bercirikan rahmatanililahilamin kita menegaskan bahawa Selangor kita adalah pemaju, pemaju membina rumah tetapi Kerajaan Selangor membina bangsa. Itulah slogan yang kita tanamkan kita ingin mencadangkan satu konsep baru kepada rumah Selangorku iaitu satu cadangan yang saya akan berharap akan dapat menjelaskan lagi selepas siri dewan ini Dato' Menteri Besar kepada kerajaan Exco yang bertanggungjawab agar kita lihat bahawa cadangan saya ini terkandung di dalam beberapa cadangan yang asal usulnya kumpulan ini dengan teknologinya dan kita dengan kebolehan untuk mengintergrasikannya dengan secara finalcing di mana finalcing rumah ini kalau kita lihat ada tiga pihak yang terlibat dalam bab perumahan. Satu yang berkaitan dengan pemaju, kedua berkaitan dengan kontraktor, ketiga berkaitan dengan pembeli. Pemaju mengambil capital modul dan membeli loan, ini pusing-pusing macam mana pun sekitar 10% interes yang dikatakan faedah. Kita tidak suka sebut faedah, kita sebut interes musuh besar kepada manusia tak adalah mengenai kehidupan dan ekonomi adalah riba itu sudah diistiharkan perang oleh Allah S.W.T dan Rasulnya. Kedua kontraktor juga mengambil pinjaman untuk mengalirkkan aliran tunai mereka melakukan factoring yang melibatkan sekurang-kurang 10% dan pembeli sudah tentu dikenakan faedah tertinggi oleh bank kepada 8 ke 10% dan dalam proses itu dana yang ada dalam kitaran

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

perniagaan ini jumlahnya adalah 10% campur 10% campur 10% jumlah 30%. 30% itu hanya untuk services sahaja interes dan negara-negara maju juga bukan Negara Islam sahaja telah mengamalkan zero interes dalam beberapa program perumahan mereka. Jadi saya mencadangkan bahawa pertama ini yang paling utama sekali perlu diutamakan oleh Kerajaan Negeri adalah satu protikelwim dengan izin keazaman dan keberanian politik untuk membuat keputusan Yes kita boleh buat, kita boleh adakan satu system yang mungkin kita katakan coexzis buat masa ini, system yang tidak ada guna riba, system yang konvensional, system yang dilaksanakan oleh kerajaan, system yang dilakukan oleh syarikat-syarikat pemaju-pemaju swasta dan dalam konteks ini saya ingin menjelaskan bahawa teknologi ini telah cuba diintroduce dengan izin cuba diperkenalkan oleh Malaysia tujuh tahun yang lalu tetapi tidak ada yang sanggup bawa dari segi nak menanggung bagaimana nak menghilangkan 30% kitaran jahat yang biasa ada dalam servcis dengan izin dengan menyelesaikan masalah riba dan interes ini jadi mereka berpindah ke Indonesia dan pada hari ini teknologi kita telah disempurnakan dengan baik. Banyak rumah-rumah berkualiti, rumah-rumah mampu milik dari satu bilik ke dua bilik ke tiga bilik di mana flesibiliti berlaku dan anak itu baru bekerja, baru berkahwin mungkin dia perlu rumah satu bilik dan apabila dia dah besar, anak dia sudah lama bekerja, gaji bertambah kemudian memiliki rumah rasanya dua bilik perlu bagi dia, dia pulak bertukar. Jadi system ini sama macam di Singapura. Di Singapura konsep membudayakan pemilikan rumah sebagai pemilikan kekayaan sudah tidak wujud. Yang wujud adalah mempunyai rumah, tempat yang stabil dijamin oleh kerajaan yang memiliki perkongsian untuk kita menjana harta kita dengan baik di mana apabila keperluannya adalah satu bilik dia beli rumah itu satu bilik dan apabila dia tidak dia akan apply kepada kerajaan, kerajaan akan susunkan keutamaan masa dia boleh beli rumah dua bilik, tiga bilik dan seterusnya. Dan apabila dia sudah tua dia rasa dia nak duduk dengan anak dia bolehlah pindah ke rumah yang kecil. Jadi konsepnya adalah satu yang dinamik dan sesuai dengan konsep Singapura yang hanya kerajaan membina dua rumah dan tanah adalah milik kerajaan itu ada kelainan dengan kita tapi kita rasa Selangor boleh buat dan saya yakin kita ada kemahiran dan cukup kepakaran untuk membolehkan perkara-perkara ini dilakukan dengan baik. Dan diantara perkara yang saya nak tekankan di sini Dato' Menteri Besar, bilik ini adalah satu duabuel yang boleh dilaksanakan dan boleh dimajukan saya fikir dengan izin onlay best ..... become relaty dengan ini saya mencadangkan cara perlaksanaan konsep tersebut seperti di atas. Nombor satu FDI dengan di mana dengan system yang bebas daripada riba, bebas tiada tanggungan 30% daripada interes dan faedah kita boleh mengumpulkan dana pelaburan RM1 billion seperti mana yang kita kehendaki. Kedua metologi pembinaan yang cepat dan murah satu alternative yang boleh kita dapati di pasaran tetapi idea ini adalah datang daripada sebuah negara di Eropah yang baru-baru ini satu kolifly semasa football world cup tidak ramai yang minat bola di sini. Kemudian yang ketiga adalah difed payment pembayaran tertangguh kerana tidak ada

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

tanggungan terhadap interes dan kerajaan sendiri adalah pemaju dan kerajaan boleh lantik kontraktor dalam kitaran perniagaan pengalaman kita yang ada GLC-GLC yang terlibat dalam pembangunan dan kemajuan kita tidak ada banyak masalah dalam perkara ini. Ini tentunya mengurangkan kos pembiayaan untuk finalcing kos dan keempat premis area tempat yang strategik terutama lokasi kos yang berbeza dan berlainan jadi adalah amat baik kerajaan dapat mengenal pasti antara tanah yang masih ada sekitar kawasan-kawasan Bandar di Negeri Selangor terutamanya yang duduk di Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa dan tempat-tempat yang berada di kawasan Shah Alam, Bangi, Klang, Kajang dan Petaling Jaya. Dengan ini saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk kali pertama saya menyampaikan satu ucapan, saya perbahasan yang satu tajuk sahaja iaitu tentang perumahan dan saya percaya we can do it, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, salam perpaduan, salam satu sejiwa dan salam satu Malaysia. Tuan Speaker saya mengambil kesempatan ini dan mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan belanjawan 2018 Negeri Selangor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan cadangan perbelanjaan berjumlah RM3.1 bilion untuk yang terdiri daripada belanja mengurus sebanyak RM1.46 bilion, belanja pembangunan sebanyak RM1.6 bilion. Belanjawan yang dicadangkan ini merupakan belanjawan deficit berjumlah 870 juta. Ini adalah empat tahun berturut-turut belanja defisit yang digunakan oleh kerajaan dibawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Pada tahun 2015 sebanyak 452.5 juta defisit, 2016 - 630 juta, tahun 2017 – 900 juta dan tahun 2018 sebanyak 870 juta. Untuk maklumat dewan Kerajaan Persekutuan juga telah melaksanakan belanjawan deficit dan dituduh dan dilihat defisit yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah merupakan satu kelemahan. Tapi pada hakikatnya Kerajaan Negeri juga melaksanakan belanjawan deficit. Persoalannya adalah deficit adalah satu isu yang penting deficit itu terkawal dan boleh dikawal dan perbelanjaannya memberikan manfaat dan impak yang besar ke atas kesejahteraan kepada rakyat dan kemampuan kerajaan atau kebolehupayaan kerajaan untuk meningkatkan hasil untuk membayar dan menampung perbelanjaan deficit tersebut. Tuan Speaker Sungai Burong ingin mengambil bahagian untuk menarik perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan kepada belanjawan ini dalam beberapa perkara. Yang pertama ialah mengenai isu meningkatkan strategi meningkatkan perbelanjaan untuk menjana ekonomi. Salah satu daripadanya ialah dari segi pelaburan Selangor, Kerajaan Selangor telah meningkatkan pelaburan untuk meningkatkan ekonomi Negeri Selangor yang akan menjana pendapatan dan peluang pekerjaan kepada penduduk. Walau

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

bagaimana pun Sungai Burong melihat bahawa strategi peningkatan pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor hanya memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada. Saya ingin menarik perhatian kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa dari segi pembangunan walaupun telah berlaku peningkatan pembangunan yang pesat bagi Negeri Selangor yang telah mencapai sebuah negeri maju namun ada lagi kawasan-kawasan di dalam Negeri Selangor ini yang masih terpinggir. Saya ingin mengambil perhatian di kawasan persisiran pantai utara Negeri Selangor ini seperti kawasan Tanjung Karang, kawasan Sungai Besar dan kawasan Sabak Bernam di mana kawasan ini dari segi pembangunan, seperti tarikan pelaburan untuk supaya memberikan peluang kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan berturut-turut. Saya tahu kebanyakannya daripada kawasan ini adalah kawasan luar bandar yang penduduknya atau rakyatnya terdiri daripada petani-petani dan bagi kebanyakannya generasi muda di kalangan mereka terpaksa keluar daripada kawasan kampung atau pun kawasan mereka untuk mencari peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik di kawasan-kawasan luar bandar. Saya mengharapkan bagi membolehkan pengimbangan pembangunan yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut supaya ia boleh sama mengikut arus pembangunan perdana negeri Selangor menggesa Kerajaan Negeri memberikan tumpuan membangunkan beberapa kawasan-kawasan perindustrian untuk membolehkan ia dijadikan kawasan pusat-pusat pertumbuhan di kawasan utara. Saya difahamkan Kerajaan Persekutuan akan membina prasarana jambatan yang untuk kawasan Sabak Bernam dan ia menjadi potensi yang besar untuk membangunkan kawasan di utara Sabak Bernam seperti Sg Lang bagi kawasan-kawasan pertumbuhan yang baru.

Yang keduanya Tuan Speaker dalam bajet 2016 Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah benar-benar untuk mengerakkan langkah supaya ia Sungai Klang dan selama ini dilihat mengalir lesu untuk berangkat pembelaan. Malah dalam bajet 2016 Kerajaan Negeri telah menggariskan langkah 5 hingga 10 tahun untuk pemulihan hak Sungai Klang. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan bajet sebanyak RM 15 juta untuk kajian komprehensif yang akan dibiayai bersama oleh 5 pihak.terpaksa perubahan iaitu MBSA, MBPJ, MPSJ, MPK dan MPAj. Malah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mahu menjadi pemulihan Sungai Klang sebagai mercu tanda untuk menjana pertumbuhan baru dan mengikut ekosistem maritim yang menghubungkan bandar-bandar utama di Selangor dan Kuala Lumpur menerusi jalan air seperti tak ingat lagi perkataan saya ikut dalam buku bajet 2016 seperti Sungai Rhine yang menghubungkan beberapa negara Eropah. Dalam bajet 2017 pula Kerajaan Negeri akan mengkaji untuk mewujudkan sebuah agensi Pengurusan Sungai Klang yang akan menyelaras kerja-kerja pemulihan pembangunan Sungai Klang serta menyediakan pelan pembangunan benteng sungai sebagai sungai sumber pendapatan baru bagi Kerajaan. Dalam bajet 2017 juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga telah memberikan peruntukan sebanyak RM15 juta untuk kerja-kerja pemuliharaan dan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

mempromosikan Sungai Klang kepada dunia sebagai dengan menganjurkan Klang River Marathon. Walau bagaimanapun, saya telah membaca buku belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari muka surat ke muka surat ye, tebal saya cakap tahniah, ini satu rekod buku belanjawan yang begitu tebal dan memang mengambil masa yang lama dibentangkan. Tapi malangnya saya tengok dasar atau strategi ini yang begitu penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi Selangor ini dah tak ada. Jadi sama ada dia terlepas pandang atau tinggal atau sengaja hari ini tidak lagi dilaksanakan kerana tidak penting. Saya melihat, Sungai Burong melihat bahawa pembangunan di Sungai Klang ini sebagaimana idaman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ini adalah satu perkara yang sangat signifikan kita boleh melihatnya kalau di Putrajaya kita ada Waterfront yang boleh dibanggakan sudah tentunya lah kalau benar-benar diberi komitmen untuk dibangunkan Sungai Klang ini menjadi satu kawasan pusat pertumbuhan yang bestari dan mampat ia bukan sahaja akan menjadi kebanggaan pada rakyat di negeri Selangor terutamanya di kawasan sekitar Sungai Klang tetapi ia menjadi ekornic kepada negeri Selangor ini. Jadi saya sangat berharap kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya dasar atau kaji ini diberikan sebagai sesuatu perkara yang extra ordinary yang beza, kalau tidak kita melihat belanjawan yang dilaksanakan oleh Yang Amat Dato' Menteri Besar merupakan ganjaran belanjawan yang agak biasa sahaja.

Yang ketiganya saya di dalam bajet ini mewakili rakan-rakan dalam Barisan Nasional juga Barisan Nasional dan juga rakyat negeri Selangor ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memansuhkan tol di Sungai Rasah dan juga di Batu Tiga. Sekinchan tak suka ke? Rakyat Selangor semua suka dan bergembira dan ini membolehkan sebagai satu dasar untuk menerangkan saya juga difahamkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah juga tumpang sekaki bahawa pemansuhan kedua-dua tol ini adalah juga hasil perjuangan beliau dan Pakatan. Pada saya tidak kiralah, yang penting rakyat dapat menikmati daripada kesan keputusan dasar tersebut. Cuma saya ingin juga mencabar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di Selangor ini ada beberapa juga lebuhraya yang di bawah orang kata jagaan dan milik pemegang sahamnya yang dasar besar adalah Kerajaan Negeri Selangor. Kalau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersetuju bagi pemansuhan beberapa tol ini saya ingin mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga bagi kawasan-kawasan Lebuhraya tersebut tolnya juga dimansuhkan. Saya yakin percaya kalau ada keinginan komitmen ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta pencelarhan sedikit, minta pencerlahan Yang Berhormat, terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan tentang tol-tol yang Kerajaan Negeri kepunyaan yang di control, di kawal oleh Kerajaan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Negeri, saya minta senarai atau pun derafkan kepada Dewan, saya tak ada maklumat tersebut, minta.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih boleh tanya dengan Menteri Besarlah. Menteri Besar lebih arif Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada beberapa Lebuh raya yang di liabiliti oleh GLC Negeri Selangor dari segi sahamnya. Apa pulak tak ada ..... saya nak tunggu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kata tak ada.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Yang Berhormat Sungai Burong mengata Selangor yang menguasai mana-mana satu? Syer yang besar yang menguasai, yang menguasai mesti 51%, 51% baru menguasai. Kalau tak ada 51% Sungai Burong telah mengelirukan Dewan. Minta Sungai Burong bagi, bagi fakta 51% yang mana satu tol, yang mana satu tol lebuh raya yang kerajaan negeri kawal 51% saya nak tahu, saya tunggu jawapan ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Minta penjelasan Sungai Burong boleh?

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Bagi pula.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Apa yang Sungai Burong sebut ialah mengenai saham yang dimiliki oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri Klang – Lebuh raya bukan masalah majoriti., tak majoriti.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ini saya nak terang, nanti.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalnya saya nak tanya Sungai Burong. Sebagai contoh Lebuh raya Kesas melalui Kesas PKNS memegang 30% di dalam PKNS ini bukan soal 100%. Maknanya apa yang Sungai Burong sebut tadi yang saya fahamlah itu kalau cakap saya betul. Sungai Burong kata memandangkan Kerajaan Negeri pun menyokong pemansuhan tol jadi Sungai Burong minta supaya apa juga pegangan saham yang ada pada Anak Syarikat Kerajaan Negeri itu lupuskan jual kepada orang lain tak payah pegang sebagai tanda jabatan. Betul boleh saya minta Sungai Burong betul?

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Permatang.... Ok

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Dan satu lagi.....

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya bagi penjelasan, saya bagi penjelasan. Saya memanglah bukan seperti Permatang cakap exactly. Apa yang saya tekan ialah sekarang ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tekan bahawa tol-tol ini diperjuangkan dan kebetulan ini dia mengatakan bahawa Highway tol di Sungai Rasah dan juga Batu Tiga ini hasil perjuangan beliau. Jadi sekarang saya cabar ada beberapa

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

lebih raya di mana penguasaan saham Kerajaan Negeri penguasaan bukan majoriti, penguasa saham Kerajaan Negeri berkuasa, tak kiralah tapi dia ada penguasa dalam Syarikat berkenaan. Kalau kita ada penguasaan kita berkuasa sekurang-kurangnya .....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, Tuan Speaker....

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sekurang-kurangnya sebagai Ahli Lembaga Pengarah ia boleh memperjuangkan untuk supaya tol itu di hapuskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap, Peraturan Tetap Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Yea..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap 36(6) ini satu sangkaan jahat, saya terangkan kepada Tuan Speaker okay? Niat Sungai Burong senang dia nak apa itu percakapan dia di rekod, kemudian dilaporkan malam ini esok supaya rakyat keliru dia ingatkan Kerajaan Negeri Selangor menguasai Syarikat sebagai majoriti itu niat dia. Kemudian bila nanti kita jawab, tidak dilaporkan maka rakyat memberi tanggapan yang silap. Sebenarnya memang Kerajaan Negeri melalui Anak Syarikat ada pegangan, pegangan atau milik saham tapi itu ada minoriti itu dia tak sebut. Nanti dulu saya nak tunjukkan kepada Speaker, saya terangkan kepada Speaker kenapa sangkaan jahat, dengar betul-betul ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Speaker ini bahas Speaker?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya bukan bahas saya terangkan kepada Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Permatang, Permatang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Suruh dia duduk

**TUAN SPEAKER :** Permatang, Peraturan Tetap dibangkitkan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ini bahas, ini bahas ni..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Nak ajar Speaker pula

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** You pun

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Duduk Permatang kurang ajar ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ah Speaker ini saya minta tarik balik perkataan kurang ajar ini. Saya nak minta tarik balik, Sungai Pinang tolong tarik balik.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Okaylah tarik balik, duduk, tarik balik, duduk.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Lain kali beradab sedikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Duduk, duduk

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Beradab lagi dia bercakap.

**TUAN SPEAKER :** Permatang, Permatang tolong duduk sudah tarik balik, Permatang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Duduk, duduk tetapi tengkok dia lagi biadap.

**TUAN SPEAKER :** Teruskan, teruskan Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Baik.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Bagi Peraturan Tetap Speaker dia buat ruling

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Duduklah, duduklah Permatang sudahlah. Tuan Speaker, senang sahaja hakikatnya Kerajaan ada memiliki saham tapi adalah minoriti jadi bukan kita menguasai, bila kita ada majoriti baru menguasai tetapi bahasa yang digunakan itu menguasai kemudian dia kata kita memegang majoriti itu pun tak betul. Kalau dia tegas kalau dia masih tak nak tarik balik maka kita akan rujuk kepada Jawatankuasa Hak seperti yang kita lakukan kepada Batang Kali sebelum dan ini adalah penting. Ini yang penting sebab ini mengelirukan Dewan juga saya pohon supaya saya tengah cakap ini kalau tidak bergaduh ini pula, tenanglah, duduk duduklah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Nak mencelar boleh, nak celar?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ini tak boleh celar, duduk dulu, duduk dulu.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Friendly abai, duduklah jadi ini mengelirukan Dewan, hukumnya adalah kita rujuk kepada Jawatankuasa Hak dia boleh bebas, dia boleh bahas apa sekali pun tapi fakta kena betul. Jangan kelirukan Dewan itu sahaja Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Burong, dengar dulu

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Speaker, nak mencelar sedikit

**TUAN SPEAKER :** Peraturan Tetap dibangkitkan saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Sungai Pinang, Sungai Burong tolong betulkan isu ucapan tadi.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sebelum itu saya nak

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali tolong duduk. Sungai Burong habiskan.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ucapan saya ialah yang pertama, yang pertama sekali apabila tol di Sungai Rasah dan di Batu Tiga ini telah dihapuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengatakan itu adalah perjuangan dia.

Tak apa, itu perjuangan tol

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya juga ingin

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Yang Berhormat Sungai Burong nak mencelar sedikit.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tak apa, saya nak memberi penjelasan sebab apa Speaker ini minta teruskan.

**TUAN SPEAKER :** Betul, betul.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Apa yang saya nak cakapkan dan niat apa yang saya cakap sekarang ini Kerajaan Negeri ada pegangan menguasai pegangan saya tukar ke pegangan.

**TUAN SPEAKER :** dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Sungai Pinang, Sungai Burong tolong perbetulkan isi ucapan tadi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Sebelum itu saya nak....

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali tolong duduk, Sungai Burong nak habiskan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** ucapan saya ialah yang pertama sekali apabila tol di Sungai Rasau dan di Batu Tiga ini telah dihapuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana Dato Menteri Besar mengatakan juga itu adalah perjuangan dia. Tak apa. Itu perjuangan tol. Saya juga ingin bagi penjelasan. Speaker minta saya meneruskan. Saya nak teruskan apa yang saya nak ucapkan dan niat apa yang saya cakap. Sekarang ini kerajaan negeri ada pegangan. Menguasai saya tukar kepada pegangan. Pegangan dalam anak syarikat yang menguasai tol-tol. Pegangan anak syarikat maknanya di beberapa tol yang disebutkan tadi oleh Permatang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ada pegangan saham minoriti. Itu yang disebut.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Saya tak sebut minoriti. Dengar dengar. Duduk dulu. Menyampuk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Minoriti. Minoriti.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Saya diberi laluan untuk memberi penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong, teruskan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Jadi saya ingin menjelaskan bahawa saya cakap tadi ada pegangan. Saya betulkan tadi perkataan menguasai itu bermakna kita ada mengontrol di situ. Ada pegangan dalam share itu maknanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui Ahli Lembaga Pengarah di situ boleh membawa usul kepada lembaga pengarah supaya tol ini dihapuskan. Tapi bila macam ini saya terpaksa akur inilah perjuangan tak kira di mana tak kira siapa dia anak syarikat sendiri pun perjuangan untuk menghapuskan tol dibuat untuk rakyat.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong nak bagi siapa? Sungai Burong ada lagi dua, tiga orang. Sungai tak benarkan. Teruskan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Isu yang keempat ialah skim insurans sawah. Saya nak ucapkan terima kasih sebagai seorang yang lahir di kawasan sawah padi, anak tani di Tanjung Karang saya mengucapkan terima kasih di atas kelulusan Yang Amat Berhormat Menteri yang memberikan insurans kepada pesawah yang telah bekerja keras membanting tulang mengeluarkan peluh untuk menghasilkan padi yang merupakan *food for security* negeri dan negara. Hari ini telah orang kata diberi pengiktirafan atau pembelaan. Walaupun kita tahu kita kerajaan Barisan Nasional pun Perdana Menteri telah luluskan peruntukan RM600 bagi tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian kepada pesawah berkenaan. Kerajaan persekutuan bagi, kerajaan negeri bagi insurans kalau berlaku apa-apa sakit dan sebagainya mereka ini dapat diinsuranskan. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab insurans ini adalah insurans peribadi tapi pada saya saya rasa penting kepada petani ialah kemusnahan dan kerosakan tanaman oleh makhluk perosak. Seperti yang disebutkan oleh Sekinchan ini ialah masalah yang berulang-ulang. Berbagai-bagai kaedah yang dilakukan oleh agensi kerajaan oleh pakar-pakar yang terlibat dari mengenal pasti penyakit dan sebagainya tapi apabila satu penyakit telah dapat diselesaikan mungkin dia ada penyakit baru datang atau berulang. Berbagai-bagai makhluk perosak telah disebutkan tadi daripada karak padi, daripada BLB, hari ni BLB dah kurang timbul pulak bina perang ataupun bina perang yang menyerang pesawah dan telah merosakkan tanaman mereka dengan hampir tanamannya yang ditanam itu walaupun diusahakan dengan cara tanaman yang baik tapi bila dapat serangan itu boleh mendatangkan kerugian. Jadi saya cadangkan supaya insurans ini ditukarkan atau ditambahkan selain daripada insurans peribadi kepada insurans bencana oleh serangan daripada makhluk perosak. Yang kedua bercakap tentang insurans ini kalau masalah membanting tulang ini petani di sawah pagi harini banyak menggunakan modal. Dia tidak membanting

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

tulang dia gunakan modal menggunakan pemikiran, ilmu pengurusan untuk menghasilkan tanaman yang baik. Yang benar-benar membanting tulang ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah nelayan. Nelayan pantai. Ini adalah orang yang berpendapatan kecil dan mempunyai bot-bot yang kecil dan juga pukat-pukat yang kecil yang menangkap ikan di sekitar kawasan 3nautikal mile daripada pantai. Mereka pergi pagi balik malam dan saya telah melihat ramai dari mereka ini orang kata macam kepenatan. Ini betul-betul kita kata membanting tulang. Saya tadi bertanya kepada Sekinchan semasa lawatan Dato Menteri Besar ini ada diperkenalkan insurans juga kepada nelayan. Dia kata belum. Jadi saya ingin syorkan walaupun kerajaan Barisan Nasional ada bagi sumbangan duit RM300 ini, elau orang kata bantuan pada nelayan sebulan sekiranya kerajaan negeri boleh menampung insurans ini adalah orang kata sebagai satu usaha keprihatinan kita terhadap nelayan-nelayan yang telah memberi sumbangan menangkap ikannya. Hari-hari kita menikmati hasil tangkapan mereka.

Seterusnya Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin membangkitkan tentang isu ketelusan saya telah membuat usul sebenarnya usul berkenaan dengan IBR (Ikrar Bebas Rasuah) supaya usul ini dibentangkan untuk membolehkan supaya negeri Selangor ini juga melaksanakan ikrar bebas rasuah yang merupakan inisiatif baru yang diperkenalkan oleh SPRM. Malangnya usul ini telah ditolak di dalam kamar. Dan alasan yang diberikan supaya ia boleh dibahaskan di dalam dewan. Jadi saya ingat perkara ini boleh dibahaskan oleh semua orang dan kita ambil satu tetapan apakah yang akan kita lakukan di negeri Selangor untuk menunjukkan bahawa kita ini berazam untuk menghapuskan rasuah di Selangor. Pertamanya apabila kerajaan Selangor mendukung slogan mahu bersih daripada rasuah maka sepatutnya kita menyambut baik cadangan ikrar bebas rasuah yang telah pun di mutate dengan izin oleh SPRM ini. Oleh itu, sebenarnya...

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik, Sungai Burong.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Saya tertarik dengan Sungai Burong Ikrar Bebas Rasuah. Saya cadangkan supaya Sungai Burong minta Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Ikrar Bebas Rasuah dulu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Kita dah buat dah. Ini satu-satunya negeri yang belum lagi melaksanakan IBR. Saya menjadi pelik dan hairan malahan negeri Pulau Pinang yang Ketua Menterinya pun sekarang dihadapkan di mahkamah kerana rasuah pun sanggup untuk mengadakan IBR ini bukan bebas rasuah. Jadi kenapa negeri Selangor ini yang kita menjunjung hasrat untuk membersihkan Selangor dari bebas rasuah ini kita tidak melaksanakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Sungai Burong. Soal ikrar bebas rasuah ini, ini satu simbolik untuk menyatakan kononnya kita bebas rasuah. Ini yang dibuat oleh SPRM tapi yang menjadi persoalan sekarang saya nak tanya Sungai

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Burong yang ketua yang ikrar bebas rasuah sekarang suruh tanggap MOI tak boleh tangkap, tangkap Jo Low tak boleh tangkap, tangkap bini orang pulak yang dia tangkap sekarang ini. Ini masalahnya macam mana soal ikrar, ikrar itu tak bererti kalau kita tak buat. Itu gimik saja, tak guna. Ini buang masa saja.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Itulah, saya Sekinchan ini sebenarnya tak faham apakah ikrar itu. Ikrar itu dia adalah merupakan di luar tanggungjawab eksekutif SPRM. Tetapi lahir datang daripada kesedaran kita sebagai manusia yang memegang etika yang kita mahu bebas dari rasuah. Maka kita di negeri Selangor...

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker minta mencelah.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik. Sungai Burong kat depan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Saya nak tanya Sungai Burong, Sungai Burong pernah dengar tak Menteri Besar memberitahu pada umum bahawa semua EXCO dikehendaki menandatangani satu deklarasi yang mereka tak ada kepentingan dalam mesyuarat tu. Itu lebih utama dari ikrar yang dicadangkan. Setiap minggu bukan ikrar sekali. Setiap minggu EXCO dan Menteri Besar beritahu umum dan keluar di media adakah Sungai Burong ikut media tu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Yang ini yang jelas ni persoalannya mengapa nak dipertikaikan ikrar bebas rasuah kalau kerajaan negeri boleh buat komitmen itu, itu lagi baik setiap kali EXCO buat ikrar tak cukup ikrar buat tandatangan. Itu sudah baik. Jadi kalau begitu maknanya apa juga. Bukan saya nak kata SPRM. Menyampuk macam burung kakak tua.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, dia tak tau apa dia nak cakap dia masak dia tak tau apa nak cakap. Kita dah sign setiap minggu. Dia tak boleh jawab jadi dia pusing-pusing nak cari jawapan. Pening nanti.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Dia dah out of contact. Out of contact.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Masa tak cukup la. Time. Time

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Ada ni. Apa pula tak reti cakap. Macam saya tak bercakap. Sungai Pinang ni pun jangan la.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya kesian dengan Sungai Burong ni dia sudah terbang macam burung dah. Dah pening tak tau apa nak cakap. Mengaku saja la.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Sungai Burong saya bagi masa yang secukupnya untuk bahas perkara ini kerana saya tolak usul tersebut saya benarkan dibahaskan sekarang.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sungai Burong ada masa boleh ambil satu lagi soalan? Ada masa tambahan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Ok boleh. Kita bagi.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Kalau penting nak ambil ikrar ini kalau untuk BN kerana laporan Audit 1MDB ini mesti rahsia. Kenapa tak boleh buka kerahsiaan ini kalau betul-betul nak lawan rasuah. Kalau betul-betul nak lawan rasuah tak payah nak rahsia laporan audit ini.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Saya nak tanya Bukit Gasing ni, kalau dinyatakan hasrat yang kita mahu bersih rasuah, kita berjanji. Salah ke? Tak boleh ke?. Sebab kita nak tahu tujuan ikrar bebas rasuah ni.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Ikrar tu secara ceremonial sahaja. Saya tiap-tiap minggu EXCO.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Saya nak bagi tahu tujuan Ikrar IBR ini adalah untuk memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh pemimpin organisasi di negeri Selangor dan warganya dan eksekutif dan kakitangan di negeri Selangor secara sukarela di atas kapasitinya sebagai individu itu dan memastikan individu itu memandang ikrar ini bertanggungjawab dan merasakan tugas mereka menjauhkan daripada sebarang perlakuan rasuah sepanjang tugas.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sungai Burong nak tanya apakah ikrar ini mempunyai sekatan ataupun impak sekatan undang-undang. Adakah orang yang melanggar ikrar itu boleh didakwa di mahkamah dan apakah pula penjara maksimum ataupun denda. Saya nak tanya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Kampung Tunku ini kena bezakanlah antara undang-undang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Jawapannya hanya ada atau tidak. Ya atau tidak. Simple saja. Saya tak tanya soalan yang susah. Jadi adakah ia mempunyai sekatan dari segi undang-undang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Memanglah dia tidak ada sekatan undang-undang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Jadi kenapa kita hendak buang masa. Nak buat ceremonial.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Ini menunjukkan bahawa kita menyokong usaha-usaha kerja yang dibuat oleh SPRM untuk memastikan bahawa

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Baik kita buat sesuatu yang boleh menjadikan seseorang itu boleh ditawan di mahkamah dan juga dipenjarakan kalau dia rasuah. Buat apa buat ceremony. Soalan saya itu sahaja.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Bahaslah, jangan nak menyampuk, saya sudah tidak beri. Saya sudah bagi tadi. Saya suruh dia duduk. Bercakap saya sudah jawab. Dia pun tidak ikut peraturan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kita mesti ada etika dalam diri, kita mesti mahu ingat bahawa kita tulus,ikhlas,hendak menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah maka kita...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sungai Burong. Sungai Burong.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat kalau saya. Cuma saya hendak bertanya sekiranya sesuatu perkara itu

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Apa salahnya?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tiada salah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya rasa

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ini adalah. Cuma-cuma.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Membuat ikrar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Cuma Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sekinchan ni janganlah cuba menyampuk-nyampuk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Macam Jamal jual ikan. Begini. Gini.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Jangan tidak ikut peraturan. Kita pun mengadakan ikrar di sini sebagai Ahli Dewan Negeri, ya. Untuk mengalas tanggungjawab dan amanah. Kenapa kita buat ikrar ini. Apabila disuruh oleh apa ini. Walaupun ini peraturan ya. Disuruh oleh apa ini, Pejabat Dewan, kita buat. Kerana dalam diri kita

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ada rasa

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Rasa dalam hati kita rasa tanggungjawab Ikrar ini mereka tidak melakukan kesalahan. Pelbagai kesalahan melanggar peraturan yang dibuat dalam dewan ini. Ini sebagai satu contoh.

Minta soalan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** SPRM sebagai satu badan yang cuba mengatasi masalah rasuah di negeri ini. Ya, mereka membawa bersama organisasi

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya. Saya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** jabatan ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, saya minta penjelasan. Saya bertanya, Yang Berhormat setuju ke dengan saya, apa kata Yang Berhormat selaku ADUN Barisan Nasional membawa cadangan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Meminta Akta SPRM memasukkan ikrar ini, semua orang angkat ikrar, masukkan juga satu klausa sekiranya langgar ikrar, dihukum didenda dan minta semua orang ikrar sekali lagi. Saya orang pertama

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya, undang-undang dan Akta Pencegah Rasuah

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya lupa. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Aah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Dengan cadangan saya itu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Bukan, Undang-undang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Setuju atau tidak.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tidak perlu. Tidak perlu kita. Tidak perlu masukkan ikrar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Akta

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat tidak setujulah!

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Maksudnya Yang Berhormat tidak setuju

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Akta Pencegah Rasuah itu mempunyai

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bukan sebab itu lain. Sebab itu lain

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Undang-undang

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya hendak tanya setuju ke tidak. Saya tanya saja sebab itu cadangan Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tidak perlu hendak bersetuju.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tidak setujulah. Apa gunanya ikrar ini kalau ia tidak memberi impak undang-undang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sungai Burong, saya boleh mencelah sikit? Sungai Burong, saya hendak mencelah sikit boleh? Terima kasih. Saya cuma hendak mendapat pandangan Sungai Buronglah! Oleh kerana Guan Eng yang dituduh rasuah sekarang dan menghadapi perbicaraan dan EXCOnya boleh angkat Ikrar Bebas Rasuah apakah itu Menteri Pulau Pinang ini sudah ada keinsafan. Atau pun sudah ada keinsafan. Bahawa ia berazam untuk tidak rasuah lagi. Apa anggapan Sungai Burong?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Itulah! Agaknya mungkin apa ini Kampung Tunku dan Sekinchan itu Lim Guan Eng itu

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** *Subjudist.*

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Pelaksanaan IBR telah dilaksanakan di kementerian-kementerian, di jabatan-jabatan,

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Burong mohon mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Itulah badan-badan berkanun, swasta, LHDN, persatuan dan yayasan.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Bagilah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingin makluman secara keseluruhan penandatangan IBR mengikut kategori, di peringkat kementerian 30, di peringkat jabatan 357, di peringkat negeri 93, badan berkanun 69, di Universiti 20, swasta 16, GLC/kesihatan 29, yayasan 2 jumlah keseluruhan 606 agensi dengan rela hati menandatangani. Apa salahnya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tapi kabinet tidak buat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:**....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Perdana Menteri tidak buat. Kabinet pun tidak buat. Kenapa ada *double standard*.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini kita cakap di Dewan Undangan Negeri Selangor, saya, kita ADUN-ADUN Barisan Nasional

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Kabinet. Kabinet. Perdana Menteri. Kabinet tidak buat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sanggup tak ikrar sama

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tidak buat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Berikrar sama

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** :.. Kenapa kabinet tidak buat?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Menyatakan kita ini mahu bebas rasuah. Saya cabar Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Saya cabar Sungai Burong ikrar tidak pernah ambil duit, tidak pernah ambil/minta tanah kerajaan. Sila ikrar.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya hendak cabar Sungai Pinang

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Jangan hendak memalukan diri sendiri.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Berikrar bahawa Sungai Pinang tidak akan melakukan rasuah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Saya tidak akan mengambil rasuah tapi saya tanya, saya cabar Sungai Burong sumpah tak pernah tanah kerajaan. Tolong sumpah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya tidak pernah ambil tanah kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Berani pula.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya boleh bersumpah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM MOHD SHARIF:** Sungai Pinang macam budak kecil lah. Semua orang sudah angkat sumpah lah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Dengkil. Saya minta penjelasan. Kenapa Perdana Menteri dan Kabinet tidak angkat sumpah. Ini pembohong. Belum, *you back dated*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Mana gambar. Mana gambar.

**Y.B. TUAN SHAHRUM MOHD SHARIF:** Sudah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Belum.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tunjuk gambar.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sudah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sekarang boleh viral. Tunjuk gambar viral.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yang belum di Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tunjuk gambar viral. Saya nak tengok mana gambar

Ini berdiri besar tak nampak kepada segala-segala skandal. 1MDB di situ bukan. Mana berani. Audit pun tidak berani .

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yang belum ini

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jangan cakap macam itu, negeri timbul sekarang ada. Ia negeri pun terlibat banyak sekarang hendak didakwa. Jangan cakap macam itu besok terbongkar semua

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali. Masa untuk Sungai Burong untuk bahas.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ai... orang lain boleh Tuan Speaker bebas saja bercakap. Saya rasa saya pun nak bebas macam dia oranglah. Dah hilang protokol dah. EXCO pun tak hormat dah. Belum lagi

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong hendak teruskan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jangan. Rasuah hendak menjadi jadi di Selangor ini. Kita hendak ... sahaja. Untuk ikrar. Sekurang-kurangnya yang tidak buat

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong hendak bahas atau tidak.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Sungai Burong hendak menjadi angry bird.

**TUAN SPEAKER:** Batang kali duduk. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** bukan perbahasan ya. Ini adalah isu tentang menangani masalah bencana alam. Kita kena

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sungai Burong sebelum itu seterusnya. Masa ini tidak had untuk

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sungai Burong tidak membahaskan ini sebagai satu usul. Kita sebagai

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Baik. Bagi saya satu minit.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dalam perbahasan bajet. Saya ada banyak ulasan bajet. Saya dah tadi, sudah menerangkan tentang ikrar bebas rasuah. Ini bukan usul. Ini perbahasan. Speaker tidak bagi usul. Sekinchan pun tidak faham.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sungai Burong ada pepatah mengatakan ‘*the speak louder this word*’ Sungai Burong kalau betul-betul hendak perangi rasuah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Siapa suruh cakap?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Kalau betul-betul hendak perangi rasuah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Siapa bagi laluan. Saya tidak bagi laluan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tidak berani? Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tiada.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Berani.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ikut peraturan

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Kalau tidak berani.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing duduk. Sungai Burong teruskan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tinggal sikit sahaja. Muka pun dah merah. Boleh lagi. Tuan Speaker, saya tadi menyatakan negeri Selangor mengambil iktibar bencana alam ini kita tahu masalah banjir ini pada musim-musim tertentu berlaku di kawasan-kawasan ya, bila menjelang akhir tahun misalnya. Apabila berlaku musim tengkujuh, mungkin hujan lebat sebenarnya di peringkat negeri ini telah ada pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa kerana Jawatankuasa Keselamatan yang ditugaskan untuk meramal dan mengambil tindakan-tindakan awalan jika berlaku peristiwa tersebut. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini kita tidak tahu, kita tidak jangka Selangor ini akan banjir, mungkin hujan terlalu lebat Allah SWT ujian untuk kita, kita sebagai manusia kita kena ambil iktibar untuk mencegah ia sudah berlaku masalah rakyat ditimpa kesusahan maka kita baru mengambil tindakan. Sebenarnya jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di samping NGO-NGO telah bersedia dan dilatih mengikut profesional masing-masing untuk menangani isu-isu tersebut. Dan isu ini bukan perkara yang baru. Ia memang merupakan perkara yang biasa dan kerana itu saya ingin menyusulkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya pastikan bahawa bilik gerakan banjir di semua peringkat negeri, PBT dan daerah, dan juga peringkat jawatankuasa kampung, desa dan taman ini. Di gerakkan. Akhirnya Tuan Speaker saya terima kasih kerana Kerajaan Negeri memberi perhatian tentang masalah masalah orang kata keadaan kawasan-kawasan perumahan kos rendah yang telah mengalami uzur tamannya. Apa, bangunan-bangunan lif mereka tapi malangnya jugalah ya walaupun tidak lambat sebenarnya *better late never*. Kerajaan Negeri pada tahun ini untuk membaiki lif yang bermula pada tahun tetapi tidak mencukupi kerana masalah ini terlalu lama, 9 tahun ya. Sepatutnya, sekiranya perkara ini ditangani mungkin hari ini banyak-banyak lif yang

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

rosak, yang tidak dapat digunakan itu dapat diperbaiki. Saya ingin memberi contoh ya saya duduk di Kuala Selangor, di kawasan luar bandar, tetapi saya mengikut juga perkembangan apa yang berlaku di bandar. Apa yang di laporkan dalam berita di kawasan Damansara difahamkan bangunan yang dibina dalam masa tiga tahun lagi tetapi dalam keadaan orang kata terlalu teruk saya lihat bahawa lif-lif tidak boleh digunakan langsung pangsapuri tersebut terpaksa dan penghuni-penghuni terpaksa menaiki tangga sehingga lebih 8 tingkat lif ini tidak beroperasi dalam masa bertahun. Bagaimanalah kehidupan mereka mengharungi kehidupan ini. Dan keadaan tempat itu teruk sekali perkara-perkara ini saya minta EXCO berkenaan buat tinjauan semakan ke seluruh kawasan perumahan negeri Selangor dan melihat kawasan-kawasan yang paling teruk ini diberi keutamaan mengatasi masalah tersebut bagi kita memberikan pembelaan rakyat. Jadi setakat itu ucapan saya. Walaupun bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terutamanya dalam projek berkebajikan yang bersama-sama Kerajaan Federal dan Kerajaan Negeri buat untuk manfaat rakyat di Selangor dan negara ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Bismillahir rahmanir rahim. Tuan Speaker, jika rasuah dapat dibendung, jika wang negara tidak dicuri, jika pemimpin tidak ... , pasti rakyat yang akan untung, dapat naik bas free, pelbagai insentif dapat diberi tahniah untuk Dato' Menteri Besar kerana bentangkan belanjawan negeri Selangor 2018 yang sangat komprehensif dalam masa dua minggu rakyat dibentangkan dua pembentangan bajet. Satu, bajet nasional yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Jumaat lepas pembentangan negeri Selangor dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor. Bajet Nasional saya lihat bajet negara miskin, apa dia miskin? Miskin maknanya gaji sehari hanya cukup makan untuk sehari. EXCO kalau kos, kalau kita hendak hidup sehari kosnya RM100.00 maknanya gaji kita di bawah RM100.00 itu miskin. Kalau fakir maknanya, pendapatan sehari tidak cukup makan sehari. Umpamanya kita dapat gaji RM20.00 sedangkan kos sara hidup RM100.00. Negara kita mengamalkan bajet negara miskin. Pendapatan setahun cukup untuk belanja mengurus setahun. Pendapatan setahun RM130 Bilion untuk cukup-cukup belanja setahun. Sementara belanja pembangunan melalui defisit, dan defisit ini telah berterusan selama 19 tahun. mengakibat negara mencecah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat Tuan Speaker ingin mencelah sedikit sahaja. Dia tak nak bagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Nak bagi ke tak nak bagi, ok kita bagi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ingatkan Apal to Apal, saya faham deficit dilakukan oleh Kerajaan Negeri, eh Kerajaan Pusat tapi apakah Yang Berhormat Kota Anggerik faham ataupun sedar deficit itu menurun semenjak daripada

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Perdana Menteri Najib mentadbir daripada 7.6 kepada 2.8 sekarang. Apakah itu disedari ataupun tidak?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tiap-tiap tahun federal bajet mengamalkan deficit selama 19 tahun berturut-turut mengakibatkan hutang negara mencecah RM700 bilion dan dasar ini berterusan selama.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat Speaker dia nak menyatakan fasal hutang ini, saya nak tanya sama ada dia faham ataupun tidak, pasal hutang ini dia nak cakap ekonomi ini, sedikit sahaja daripada RM700.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tadi tidak bagi. Akibatnya seandainya berterusan sampai lagi 5 tahun hutang negara akan mencecah 1 trilion saat negara ditadbir dengan hutang defesit, siapa yang akan tanggung hutang ini. Inilah rakyat Negeri Selangor yang menanggung hutang sepatutnya Kerajaan Persekutuan belajar dengan Kerajaan Negeri Selangor, kita kecilkan belanja mengurus, bajet nasional 86% daripada keseluruhan belanjawan daripada RM260 bilion – 86% hanya untuk mengurus maknanya pendapatan itu cukup-cukup untuk makan. Apa yang perlu dibuat sepatutnya kecilkan pengurusan, kurangkan jumlah menteri, banyak jawatan-jawatan yang tidak perlu redunden dah ada tadika kemas, permata lagi, ada JASA yang hanya membuat kerja-kerja politik. Jadi belajar dari Selangor kita jimat-jimat. Tahniah daripada Dato' Menteri Besar kerana terus belanja berhemah dan akibatnya kita bagi 3 bulan bonus kepada kakitangan Kerajaan di Negeri Selangor rekod tidak ada negeri-negeri lain tanya Johor ke, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Sarawak yang kaya pun tidak ada yang 3 bulan hanya di Negeri Selangor sahaja. Kakitangan awam di Putrajaya insya-Allah kalau kami sampai ke Putrajaya nanti kita akan bagi bonus bukan RM1,500 sahaja. Tuan Speaker saya sempat naik bas SMART Selangor untuk pergi ke pejabat daripada seksyen tujuh saya menaik tiga laluan, keseluruhan laluan di Shah Alam adalah empat. Terima kasih juga kepada penduduk-penduduk ini salam daripada penduduk-penduduk Seksyen Tujuh kepada Dato'Menteri Besar. Dia kata kirim salam kepada Dato' Menteri Besar terima kasih sebab sekarang anak-anak kami pergi sekolah naik bas percuma. Dianggarkan satu keluarga dua orang anaknya dia jimat di dalam sekitar RM170 sebulan sebab biasanya dibelanjakan RM80 sebulan untuk satu orang anak. Kalau setahun untuk sepuluh bulan dia jadi jimat RM1,700 untuk satu keluarga, jumlah ini melebihi daripada brim dan Kerajaan Negeri buat bas percuma tanpa mengambil wang daripada rakyat, brim dia ambil wang rakyat dia pulang balik, dia ambil 10 dipulangkan 1. Ini cerita ada cerita satu orang tua itu nak pergi haji dia simpan duit bawah bantal kemudian datang perompak ke rumah dia, dia curi semua duit itu ngam-ngam nak pergi haji sekitar RM12,000 dan bulan berikutnya dipulangkan balik RM2,000. Makcik itu kata berterima kasih kepada saya sebab saya pulangkan balik RM2,000 macam itulah BR1M.

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya nak minta penjelasan boleh.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ok, terima kasih Kota Anggerik. Kalau kata brim itu duit rakyat bagi balik pada rakyat duit yang bayar SMART Selangor itu duit PKR ke atau duit rakyat juga. Saya nak tanya itu duit Kerajaan Negeri ke atau itu duit siapa. Duit parti ke atau duit DAP ke, bayar duit untuk SMART bas itu, itu pun duit rakyat tak payahlah nak temberang. Itu duit rakyat ke bukan,bukan masalah beza itu saya nak tanya itu duit rakyat ke bukan, sama.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Itu beza, brim setelah dicuri duit rakyat baru dipulangkan dan bas percuma tidak mengenakan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Apa istilah curi itu, come onlah Yang Berhormat ini dewan rekod, jangan sebut curilah, malulah ayat sebegitu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Setiap rakyat apa masyarakat baik yang miskin, yang OKU semua kena bayar GST, dia kutip 41 billion berapa banyak dia pulangkan balik kepada rakyat untuk brim. Ketika Selangor melaksanakan bas percuma, kami tidak kenakan cukai tambahan kepada rakyat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya minta penjelasan apakah duit yang Yang Berhormat faham bahawa duit GST itu hanya bayar brim bukan perbelanjaan yang lain termasuk pembinaan rumah subsidi yang dikeluarkan dan bagai-bagainya itu, sebenarnya banyak cuma Yang Berhormat tahu nak mengubah dan mengambil satu pendekatan seolah-olah GST itu ambil untuk bayar brim. Bakinya kena curi itu persepsi yang buruk Yang Berhormat, tiada fakta pun.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Bezanya bas SMART Selangor tidak mengenakan cukai tambahan kepada rakyat Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ia menaikkan cukai tanah premium tanah meningkat daripada 30% sekarang menjadi 50%.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Cukai premium tanah mengikut pasaran

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tahun depan naik lagi daripada premium dan cukai tanah ini, mahal balik balik GST, curi duit rakyat, cukai dan premium.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Cuma yang menariknya dalam bas SMART Selangor ini saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri di dalam bas itu agak kosong. Saya cadangan supaya di dalam bas itu dipenuhi iklan-iklan Kerajaan Negeri

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

sebab kita tidak banyak media untuk mengiklankan prggram-program IPR Kerajaan Negeri, letak gambar Menteri Besar dalam itu umpamanya, ADUN kawasan kena taruk di situ supaya orang kenal ini Yang Berhormat ini dia dan ini Menteri Besar dia. Saya naik firefly dalam itu pun penuh iklan, saya cadangkan kepada exco supaya dalam bas itu penuhkan iklan-iklan untuk kita mempromosi progam-program IPR Kerajaan Negeri sebab kita tidak banyak ruang untuk iklan. Tuan Speaker.

**Y. B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLANI:** Minta penjelasan sedikit pasal bas SMART Selangor, boleh.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ya.

**Y. B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLANI:** Saya nak tanya kepada Yang Berhormat, apakah bas SMART Selangor ini terhad untuk rakyat tempatan sahaja. Apakah rakyat-rakyat pendatang asing juga boleh naik bas itu. Saya nak tanya itu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** YB, Exco dah jawab pada persidangan yang lepas.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak ini saya nak tanya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Masalahnya yang lepas dah jawab, mungkin Yang Berhormat keluar atau tidak ada.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak apa, saya nak tanya kepada Yang Berhormat, ulang balik jawapan itu tak apa.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tidak ada halangan kepada siapa-siapa untuk naik bas SMART Selangor. Saya naik bas itu pengalaman saya, saya lompat 3 bas, 3 laluan hanya 3 orang pekerja asing dan dua pelancong yang lain, yang lain semua pelajar-pelajar sekolah dan penduduk River Jaya sangat berbesar hati, terima kasih tapi sebenar ADUNnya ialah Batu Tiga. Tuan Speaker kajian dibuat oleh badan-badan pendidik baik di ITPA atau pun pendidik-pendidik yang independen, masalah yang utama yang dihadapi oleh rakyat Selangor adalah golongan B40 yang berpendapatan rendah. Rata-rata mengakui bahawa semua sebut tadi isu-isunya ialah isu kenaikan harga barang. Saya ternanti-nanti ketika Perdana Menteri membentang bajet apakah tindakan untuk mengurangkan kos harga barang antara punca utama yang disebut oleh Sekinchan tadi ialah masalah ringgit. Sampai habis saya dengar ucapan itu tidak ada satu tindakan pun macam mana nak memperbaiki masalah ringgit sebab ringgit ini kros komuniti. Saya tanya seorang professor kenapa ringgit tidak pulih, dia bisik dekat saya orang tidak percaya dengan kita, satu dunia dok kata negara kita ini negara yang "*the most corrupt company the world*". Jadi macam mana Sungai Burong kata nak suruh angkat sumpal pasal rasuah, satu dunia kata. Jadi saya tidak nampak

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

usaha Kerajaan Pusat untuk memperbaik ringgit supaya kos harga barang dapat dikawal. Sebab itu saya mengalukan langkah Kerajaan Negeri untuk kalau kita tidak boleh untuk naikkan nak “control” harga barang, kita kena rakyat kurangkan kos hidupnya. Sebab itu inisitif disebut tadi bas percuma, satu keluarga jimat anak 2 - RM170 sebulan jadi cuba untuk mengurangkan kos sara hidup bagi kad kesihatan tetapi orang di sebelah sana tidak puas hati. Beritahu kepada Ahli-ahli dia jangan isi borang dekat kesihatan, tulis surat kepada kami tidak hendak tetapi di bawah kata dah ambil kad kesihatan. Jadi usaha-usaha ini ialah cuba untuk mengurangkan kos sara hidup, saya nampak antara program yang baik yang dilakukan di bandar-bandar ialah kebun komuniti ini Batu Tiga paling banyaklah. 24, 19 dan nampaknya boleh mengurangkan kos hidup dan saya cadangkan supaya Jabatan Pertanian dan juga bahagian landskap di PBT untuk mengakifkan program-program kebun komoditi ini sebab nak menyelenggara kos ini mahal dibantu untuk aktifkan kebun komoditi. Tuan Speaker dalam sidang yang lepas saya mencadangkan supaya dalam masa lima tahun Shah Alam ini akan menjadi 20 bandar terbersih dalam dunia setanding bandar-bandar lain. Sama dengan New Zealand ataupun bawah sedikit Singapura. Ramai yang melancung luar negara kagum dengan kebersihan kota-kota ini. Saya rasa orang Shah Alam akan bangga seandainya ibu Negeri Selangor ini merupakan sebuah negeri yang paling bersih. Saya nampak ada usaha-usaha yang dibuat daripada MBSA untuk memperbaiki tahap kebersihan ini. Tasik Shah Alam yang ditegur oleh Menteri Besar dalam persidangan yang lepas.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tenguk macam baru tersedar, baru ada usaha untuk membersihkan negara kita ini macam Swisden, macam New Zealand sedangkan Barisan Nasional dulu 2005 lagi dah kata negeri maju, apa jadinya dengan peninggalan Barisan Nasional dulu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya sebut soal bersih, dia sebut soal negara maju beza Batang Kali kena faham apa dia bersih, apa dia maju. Ok kalau kita tinggal di bandar yang bersih kita akan rasa bangga jadi kalau boleh usaha-usaha ini diteruskan lagi supaya tahap kebersihan bandar ini khususnya Shah Alam. Ini adalah ibu negeri, Negeri Selangor supaya bandarnya cantik, landskapnya indah iaitu saya menyeru supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab dan Kerajaan Negeri supaya pantau kebersihannya. Satu perkaraalah saya lihat tabiat membuang sampah merata-rata ini masih berleluasa, satu kalau boleh kempen dan usaha pendidikan ini kena bawa berterusan. Kita tidak marah orang hisap rokok walau pun fatwa Negeri Selangor kata rokok itu haram kerana penghisap rokok inilah penyumbang ekonomi terbesar di negara ini. Cuma yang saya marah dia suka buang merata-rata jadi banyak puntung rokok merata-rata. Saya dapati ada pegawai-pegawai kita yang ada habit dia hisap rokok, dia buang puntung rokok merata-rata. Sebab itulah saya tanya EXCO kenapa enakmen sisa pepejal yang dibincangkan tidak dibentangkan di dalam dewan

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

yang mulia ini. Apakah halangan yang ada, saya difahamkan akta ini telah dibentangkan di Parlimen dan sebahagian negeri telah pun melaksanakan enakmen mereka dan memberi notis kepada mereka-mereka yang melanggar enakmen ini. Hakta perkara lagi semua orang tahu Kota Anggerik ADUN yang sangat mesra wanita tetapi saya lebih kagum sebab Menteri Besar juga sangat mesra wanita dan bajet kali ini adalah bajet yang memberi tumpuan khusus banyak kepada agenda-agenda wanita dan janganjadikan wanita hanya sebagai bahan dagang ataupun bahan iklan sebab potensi wanita sangat besar sekali. Kita lihat bila mana pegawai-pegawai utama di Negeri Selangor ini diambil dari kalangan wanita dan mereka boleh berperanan lebih baik, sangat baik ataupun sama dengan kaum lelaki. Jadi ada wanita jadi DO, ada wanita dah jadi YDP. Saya difahamkan Subang Jaya pun nak cuba wanita, Datuk Bandar.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon mcelah, kalau Kota Anggerik kata dia sangat mesra wanita, adakah Kota Anggerik boleh beri laluan kepada wanita untuk kerusi Kota Anggerik?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya bila wanita merayu ini, saya lemahlah. Apa saja sebab Presiden kami wanita, apa Presiden kata saya ikut. Presiden dahlah wanita jadi akur dengan kehendak wanita. Dan saya itulah, wanita kena diangkat. Speaker, Tuan Speaker wanita juga, bila nampak Tuan Speaker wanita nampak lebih sabar, dengar semua dan bagi masa. Tuan Speaker, bak kata pepatah Melayu ...

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker nak tanya sikit. Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan Kota Anggerik pencinta wanita, Seri Serdang hendak tanyalah agak-agaknya data ibu tunggal di Selangor yang tertinggi rasanya terutama di Seri Serdang terdiri daripada kaum wanita, jadi apa saranan Kota Anggerik untuk mengurangkan peratusan ibu tunggal yang didaftarkan itu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Itu *point* berikutnya. Sebab itulah di Negeri Selangor kita ada Institut Wanita Berdaya yang keduanya PWB. Saya mencadangkan supaya daya saing kreativiti PWB ini dapat ditingkatkan lagi. Semenjak ada PWB nampak peranannya dalam member daya wanita ini ada kesan. Mungkin latihan-latihan kita dedahkan ke luar negara dan terima kasih banyak kepada Dato' Menteri Besar kerana meningkatkan peruntukan PWB RM30,000 ke RM50,000. Dan Tuan Speaker, pepatah Melayu mengatakan kusangkakan panas ke petang rupanya hujan di tengah hari. Bahtera yang kita harapkan berikan kebahagiaan, rupanya tak semua bahagia. Ada yang berpisah dengan suami kerana kematian, tak kurang juga ramai yang berpisah kerana sudah tidak ada sehaluan dalam hubungan rumah tangga. Ada yang sangat muda, ada yang ngam-ngam mudanya, ada juga yang usia. Jadi saya sangat mengalu-alukan program KISS khususnya Ibu Tunggal ini. Tapi jangan KISS Ibu

## 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Tunggal, Kasih Ibu Smart Selangor ini untuk membantu. Ada yang berjumpa dengan saya minta bantuan. Bagi kita RM200 sebulan ini mungkin belanja makan anak-beranak saja. Bagi mereka RM200 sebulan ini ialah makan untuk sebulan bersama anak-anaknya. Terima kasih untuk pihak permulaan program Kasih Ibu Smart Selangor ini mogamoga dapat membantu ibu-ibu. Bukan tak hendak jawab soalan Seri Serdang sebab Yang Berhormat di sini semuanya dia macam juga Dato' Menteri Besar agaknya dia 3T, teringin tapi takut. Memang rekod Menteri Besar Selangor yang dahulu dia berpoligami. Tetapi saya pasti adakah ini akan dipecahkan pada sekarang saya nampak Menteri Besar saya nampak dia sangat *family man* dan menghormati keluarga.

Satu perkara lagi ialah isu alam sekitar, cukuplah itu. Tapi kalau YB-YB wanita sini sedia berkorban saya sedia menuruti. Tuan Speaker, isu kedua ialah isu alam sekitar. Saya rasa kejayaan-kejayaan negeri dalam memantau isu beg plastik dan *polystyrene* ini satu kejayaan yang besar. Walaupun pada peringkat awal ada yang bantah soal dua puluh sen, tetapi alhamdulillah setelah dilaksanakan ini penerimaan masyarakat sudah meningkat. Dan satu perkara lagi ialah isu pencemaran tanah dan juga sungai. Saya dapati air-air kumbahan dari restoran-restoran dilepas langsung atau air kumbahan dari pasar dilepas langsung ke dalam longkang-longkang. Dan terus kepada kolam tadahan akhirnya tasik-tasik yang ada ini bau busuk. Baru-baru ini saya melawat ke Thailand mereka menggunakan teknologi biotech yang sangat murah dan berkesan. Saya teringin hendak bawa dan ajak Exco ke Thailand kalau boleh melihat bagaimana 1 pasar yang *claim* sebagai *Green Market* yang langsung tidak menggunakan bahan cuci *chemical*. Kerana di Thailand itu banyak *tunnel* banyak terusan. Mereka sangat menjaga terusan ini dan mereka menggunakan biotech, sangat murah dan sangat mudah. Saya mencadangkan tahun depan saya hendak jadi *free consultant* untuk 3 pasar untuk laksanakan *Green Market*. 1 Pasar Klang, yang kedua Pasar Borong Puchong, yang ketiga Pasar Seksyen 6, Shah Alam. Kita *try* untuk menggunakan teknologi yang ada. Kalau berjaya kita kembangkan ke tempat-tempat lain, mudah-mudahan kalau kita boleh berjaya inilah sumbangan kita untuk mengurangkan *global warming*. Saya hendak isu sikit fasal *global warming*, kenapakah selepas panas yang panjang akan berlaku hujan lebat? Mengikut teori bila panas yang panjang wap tanah akan ke udara menyebabkan lapisan awan yang sangat tinggi, sangat banyak. Bila panas wap air di permukaan tanah akan memerapkan ke atas. Dan akan membentuk satu lapisan awan yang tebal, kalau ada *vacuum* awan ini akan menyebabkan ribut. Dia jadi bila awan itu turun serentak menjadi hujan maka berlakulah bencana alam banjir. Satu usaha kena buat untuk mengurangkan *carbon admission* mengeluarkan karbon di udara. Di negeri China umpamanya motosikal mereka ialah bateri *powered* bukan bateri. Dan bas-bas mereka juga bukan bateri. Dalam sidang yang lepas Exco tunjukkan kita supaya gunakan bateri untuk kereta. Kalau boleh kita kena galakkan lagi mengurangkan kadar *carbon dioksida* dilepaskan ke udara. Dengan cara itu boleh kita

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

menyumbang sedikit demi sedikit proses pemanasan global yang sedang berlaku hari ini.

Satu lagi yang saya lihat nampak *leaking* dalam Belanjawan ini ialah tiada bantuan khusus untuk pemandu teksi yang kini menjadi saingan kepada *Grab* dan *Uber*. Di Shah Alam ramai lagi yang masih bertugas menjadikan teksi ini sebagai sumber pendapatan mereka. Kalau boleh mungkin ada peruntukan khas membantu sedikitlah pemandu teksi. Sebahagian besar mereka sudah berumur yang mengharap pendapatan dengan membawa teksi. Kalau boleh kerajaan negeri bantulah sedikit pemandu teksi ini sebab mereka jumpa saya, Yang Berhormat tolong bawa isu daripada pemandu teksi ini dalam sidang Dewan. Tak semua pemandu teksi menjadi pemandu *Uber* atau pun *Grab*. Kalau boleh kita beri latihan kepada mereka, mereka boleh menjadi agen untuk menceritakan program-program IPR Negeri Selangor dan mereka ini berpendapatan sekarang ini agak terjejas. Kalau dulu dia kata ok, semenjak ada *Uber*, ada *Grab* dah ada bas percuma lagi, pendapatan mereka juga terjejas. Saya mencadangkan supaya pemandu teksi ini diberi ruang lagi yang tertinggal dalam bajet ini.

Tuan Speaker ...

**TUAN SPEAKER:** Lima minit lagi ya, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ok.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Kota Anggerik ada soalan. Pemandu teksi yang dikatakan tadi mereka tidak berminat ke untuk memandu *Uber* atau pun *Grab*.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya jumpa mereka dan bertanya kenapa tak nak bawa *Grab* atau *Uber*? Inilah kereta yang mereka ada. Mereka kata teksi itu adalah sebagai kenderaan mereka dan juga itulah kenderaan untuk dia mencari rezeki yang sangat terkesan dan sebagainya menyewa bukan memiliki tapi menyewa teksi itu. Jadi saya cadangkan supaya kita latih pemandu teksi ini sebagai satu agen kita untuk sampai kepada apa ini, pelancong-pelancong. Saya tertarik dengan cadangan Dato' Menteri Besar soal wakaf. Dalam Islam antara sumber ekonominya pertama ialah zakat. Yang kedua wakaf yang ketiga ialah *infaq fisabilillah*. Kalau di Turki atau di Syria dulu atau di Indonesia institut wakaf mereka sangat kuat dan mereka menyumbang kepada institusi-institusi agama di negara masing-masing. Tetapi di Negeri Selangor ia masih baru. Saya mencadangkan supaya semua *goverment servant* di Negeri Selangor menyumbang wakaf sekurang-kurangnya RM5 sebulan. Sesiapa yang hendak menyumbang lebih boleh membuat tambahan. Dengan cara ini

## **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

kita boleh kembangkan institusi wakaf dan saya tidak nampak sebuah masjid pun di Negeri Selangor ini yang dibina langsung dengan duit wakaf. Semuanya dibantu oleh kerajaan. Kita kena perkasakan wakaf untuk menjadi satu institusi yang lebih kuat untuk menjana ekonomi dan saya yakin kalau setiap kita rakyat Selangor ini boleh menyumbang RM5 atau RM10 sebulan dan institusi wakaf ini dia boleh membantu untuk menguatkan aktiviti-aktiviti ekonomi khususnya membantu sekolah-sekolah agama. Dan mereka tidak bergantung langsung kepada kerajaan. Kita banyak tahniz-tahfiz di Negeri Selangor, saya sangat mengalui-alukan usaha golongan dermawan yang nampak beri komitmen sungguh ikhlas untuk menegakkan agama dengan membuat tahniz-tahfiz tetapi sumber kewangan mereka sangat terhad. Sebahagian tahniz ini sangat daif dan mereka dibina dengan sumbangan orang awam. Kalau wakaf ini dapat diperkuatkhan dan diperkuatkan saya yakin bahawa institusi ini boleh menyumbang kepada pembentukan ekonomi untuk bina masjid, sekolah agama, surau dan program-program keagamaan di Negeri Selangor.

Satu perkara lagi Tuan Speaker ialah saya walaupun dah lama tinggal pertanian ini saya masih lagi minat dengan pertanian sebab itu bidang saya. Kalau kita masih menggunakan teknik yang sama dia akan dapat hasil yang sama. Di negara-negara lain mereka sudah pergi ke biotech mengurangkan penggunaan racun dalam pertanian. Ketika dulu saya pernah kembangkan kepada Jawatankuasa ini tetapi ada sebahagian daripada pembanterasan serangan-serangan serangga ini melalui teknik-teknik biologi sebab sudah berterusan *chemical* digunakan. Saya nampak Tuan Speaker sudah menunjukkan jam itu. Tuan Speaker terima kasih banyak, saya menyokong Belanjawan Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat semua jam telah menunjukkan 7:00 petang maka saya tangguhkan Dewan sehingga esok hari Selasa jam 10:00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 petang )**